

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 10	Selasa	23 Mei 2006
----------------	---------------	--------------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

USUL-USUL:

Pelantikan Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilih (Halaman 25)

Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010) (Halaman 26)

MALAYSIA**DEWAN NEGARA**

Selasa, 23 Mei 2006

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat-Yang Berhormat, bagi kita terus mempelajari dan menghayati prinsip dan amalan institusi Parlimen ini yang di sesetengah negara berusia sudah 900 tahun, tetapi di negara kita baru setahun jagung berusia 49 tahun. Suka saya sekali lagi saya mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Menteri bagi pihak Dewan Negara [*Tepuk*]. Sekali lagi aluan ini adalah tidaklah semata-mata berdasarkan sentimen malah diasaskan di atas prinsip dalam Perlembagaan kita yang termaktub melalui Peraturan Mesyuarat 91. Yang Berhormat-Yang Berhormat boleh merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 91 untuk memahami semangat dan inti sari sebab-musabab kehadiran seseorang menteri hadir walaupun menteri tersebut bukan seorang Ahli Dewan Negara.

1. **Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh kementerian untuk meningkatkan lagi kualiti Sistem Pengangkutan Awam di negara ini bagi memberi lebih keselesaan kepada para pengguna.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Khamsiyah binti Yeop]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa memberi perhatian dalam usaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan pengangkutan awam di seluruh negara. Ke arah tersebut Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah dan akan mengambil tindakan seperti berikut:-

- (i) menubuhkan Jawatankuasa Penasihat Pengangkutan Awam yang terdiri daripada pelbagai pihak yang berwibawa dan sektor perkhidmatan pengangkutan awam bagi membantu pihak kementerian mencari pendekatan yang terbaik dan praktikal bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan pengangkutan awam;
- (ii) kerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri untuk mewujudkan sistem pengangkutan awam yang terancang dan teratur;

- (iii) memastikan keperluan perkhidmatan pengangkutan awam sentiasa mencukupi dan memenuhi kehendak pengguna serta sistem operasinya berjalan lancar mengikut jadual, kadar tambang dan laluan yang ditetapkan;
- (iv) menganjur kursus kepada pengusaha dan pemandu kenderaan pengangkutan awam supaya mereka sentiasa memenuhi peraturan dan sasaran kualiti perkhidmatan pengangkutan awam yang telah ditetapkan;
- (v) menerbit dan mengedarkan buku Etika Pemanduan Pengangkutan Awam sebagai panduan dalam menerapkan budaya pemanduan berdisiplin dan cemerlang;
- (vi) memastikan kenderaan pengangkutan awam memenuhi spesifikasi keselamatan dan keselesaan pengguna seperti mengehadkan usia bas dan teksi;
- (vii) sedang membangunkan aplikasi ICT bagi memaparkan maklumat perkhidmatan pengangkutan awam kepada orang ramai dan juga sebagai mekanisme pemantauan ke atas kenderaan perkhidmatan awam;
- (viii) mengadakan mesyuarat serta dialog dengan agensi berkaitan seperti JPJ, polis, persatuan-persatuan pengguna, NGO, persatuan-persatuan pengusaha pengangkutan awam bagi menangani masalah yang boleh menjejaskan kualiti serta meneliti usaha-usaha bagi meningkat kualiti perkhidmatan pengangkutan awam; dan
- (ix) menjalankan juga penguatkuasaan berkala termasuk penguatkuasaan bersepadu dengan lain-lain agensi bagi memastikan peraturan-peraturan dipatuhi.

Sebanyak 3,100..

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang Yang Berhormat kalau Yang Berhormat beri peluang untuk Yang Berhormat mengemukakan pertanyaan.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Okey, sila.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: *[Bangun]*

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: *[Bangun]*

Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Kamarudin.

Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kemudian Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah, kemudian Yang Berhormat Datuk Soon Tian Szu.

Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetujulah apa yang diutarakan oleh Timbalan Menteri tadi mengenai dengan panduan yang telah diberikan. Tapi, saya nak menyentuh tentang usia bas. Sedarkah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai bas yang laluan di Genting-Klang di atas nama Syarikat Permata Kiara. Bas tersebut amat buruk dan tidak diterima oleh Perbandaran Johor Bahru dihantar ke Kuala Lumpur. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: LPKP memang menyedari sebab itu usia bas hendaklah tidak melebihi daripada 10 tahun. Walau bagaimanapun terdapat juga bas yang telah memberi dia punya servis dekat PUSPAKOM, apabila disahkan PUSPAKOM boleh menggunakan bas, sebab itu bas digunakan. Walau bagaimanapun dalam hal kes yang berlaku apabila bas daripada Johor Baru yang dibawa ke Klang yang agak tidak berdaya maju, kita kementerian akan mengambil perhatian dan tindakan dalam hal ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Jemput Dato' Hajah Sharifah Aminah.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Timbalan Menteri. Pulau Pinang telah mewujudkan bas konsortium dan sistem yang terbaik dengan di *reroute* kan perjalanannya dengan izin bagi kegunaan para pengguna.

Memandangkan keadaan bas yang ada sekarang tidak mungkin telah melalui dan menepati sistem keselamatan yang telah pun ditetapkan oleh PUSPAKOM. Bilakah agaknya bas-bas baru akan dikeluarkan sebelum kejadian buruk berlaku. Terima kasih.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya sistem baru telah kita mula laksanakan di Pulau Pinang supaya ia akan menjadi ikutan dengan negeri-negeri lain dan ternyata sistem ini berjalan dengan baik di atas kerjasama dengan kerajaan negeri, walaupun terdapat pada suatu ketika permulaannya di mana laluan tidak mengikut masa menyebabkan kanak-kanak sekolah terlewat pergi ke sekolah menyebabkan kena denda.

Walaupun bagaimanapun, hal ini kita telah membaikinya supaya bas ini bergerak lebih awal daripada 6.30 pagi ke 5.30 pagi. Dalam memperkatakan soal usia bas, kita telah pun bekerjasama merancang untuk membeli sebanyak 50 buah bas baru dengan kerjasama dengan kerajaan negeri Pulau Pinang sendiri bagi membolehkan pengusaha membeli secara ansuran kepada kerajaan negeri iaitu kita berhasrat supaya bas-bas baru dapat digunakan di Pulau Pinang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Soon Tian Szu:

Datuk Soon Tian Szu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah dalam soalan ini kita tekankan kepada penyelesaian. Baik, saya hendak tanya, saya tekankan

soalan kepada segi kesihatan dan kebersihan. Saya nampak banyak lagi *public transport* dengan izin masih didapati kotor dan juga dari segi kenderaan itu dia punya *exhaust pipe* keluar asap yang kotor.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaannya Yang Berhormat?

Datuk Soon Tian Szu: Sejauh manakah tindakan telah diambil oleh pihak kementerian?
Terima kasih.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya memang kita sedar banyak masalah yang kita hadapi dengan bas pengangkutan awam. Sebab itulah kerajaan mengambil alih sebahagian daripada bas kerana kita lebih mementingkan kepada pengguna *social obligation* dan kita sedar kesilapan-kesilapan ini berlaku. Sebab itulah kita telah menubuhkan suatu Jawatankuasa Kabinet bersama-sama dengan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk menentukan supaya perkhidmatan awam ini berjalan lancar dan baik kerana kita lebih mementingkan kepada pengguna itu daripada kita mementingkan kepada pengusaha.

Dan kita hari ini, bila kita sebut kita tidak menggalakkan pengusaha-pengusaha yang tidak berkemampuan untuk menjalankan pengusahaan bas, kita lebih menggalakkan pengusaha-pengusaha yang memang berdaya maju dan mempunyai dia punya kemudahan modal ataupun peruntukan yang lebih untuk menjalankan perkhidmatan bas kerana kepada pengusaha-pengusaha kecil, saya percaya mereka tidak akan mendapat keuntungan sebab itu kita galakkan kepada pengusaha yang lebih besar. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Nampaknya Yang Berhormat begitu menguasai subjek beliau.

2. **Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan apakah program Gerakan Desa Wawasan yang telah diperkenalkan di beberapa buah kampung terpilih di seluruh negeri beberapa tahun dahulu yang membabitkan perbelanjaan besar, sama ada masih diteruskan atau pun tidak dan sejauh manakah program tersebut berjaya dalam usaha meningkatkan kualiti hidup penduduk di luar bandar.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah [Dato' Zainal Abidin bin Osman]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga saya ucapkan yang Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee kerana membawa soalan ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Program Gerakan Daya Wawasan (GDW) telah diperkenalkan semenjak Rancangan Malaysia Ketujuh yang dahulunya dikenali dengan nama Gerakan Desa Wawasan. Program ini akan diteruskan pelaksanaannya dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan. Kumpulan Gerakan Desa Wawasan ini telah dinilai dengan teliti semasa penyediaan bajet Rancangan Malaysia Kesembilan dalam tahun 2005 dan kerajaan berpuas hati dengan pelaksanaannya berikutan impaknya yang ketara terhadap kemajuan kampung-kampung yang terlibat setakat ini.

Pelaksanaan program-program Gerakan Desa Wawasan tidak memerlukan perbelanjaan yang besar kerana peruntukan disediakan untuk membiayai aktiviti-aktiviti masyarakat kampung pada peringkat awal sahaja dan pembiayaan projek-projek kecil ekonomi yang dijalankan oleh JKJK. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan, kerajaan hanya menyediakan peruntukan sebanyak RM42.6 juta sahaja bagi membiayai pelaksanaan program ini. Manakala dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan pula, had siling peruntukan telah dinaikkan sedikit kepada RM50 juta.

Setakat ini hampir 4,000 kampung di seluruh negara telah pun menjadi kampung Gerakan Desa Wawasan. Program ini telah berjaya mendatangkan impak yang ketara kepada masyarakat di kampung-kampung yang terlibat berbanding dengan kampung-kampung lain yang belum menyertai Gerakan Desa Wawasan. Antaranya ialah:

- (i) kursus-kursus dan aktiviti kepimpinan telah berjaya melahirkan ramai pemimpin-pemimpin yang berwibawa di kampung-kampung yang terlibat;
- (ii) tahap permuafakatan masyarakat, kebersihan dan keceriaan kampung telah kelihatan lebih baik;
- (iii) kebanyakan kampung yang berjaya dalam pertandingan Desa Cemerlang dan Ilham Desa terdiri daripada kampung-kampung Gerakan Desa Wawasan;
- (iv) kebanyakan industri kampung, pertanian komersial dan *home stay* yang maju terdapat di kampung-kampung Gerakan Desa Wawasan; dan
- (v) sebahagian besar kampung Gerakan Desa Wawasan mempunyai Bilik Gerakan, profil kampung, sistem pengurusan yang kemas dan teratur.

Terima kasih.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, berapakah jumlah seluruh kampung di Malaysia yang telah didaftarkan di Kementerian Pembangunan Luar Bandar Dan Wilayah dan daripada jumlah ini, adakah semua berada di dalam program Gerakan Desa Wawasan. Kalau tidak, bilakah semua kampung boleh mengikuti program Gerakan Desa Wawasan. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini sehingga kini terdapat 13,000 buah kampung di seluruh negara yang didaftarkan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar Dan Wilayah berdasarkan kampung-kampung yang mempunyai JKJK. Satu kampung itu mungkin mempunyai lima kampung kecil tetapi kita kira satu kampung sahaja berdasarkan kampung itulah yang mempunyai Pengerusi JKJK.

Pada keseluruhannya 13,000 kampung dan setakat ini cuma 4,000 sahaja yang telah menyertai GDW kerajaan merancang di bawah kementerian kita supaya 9,000 kampung lagi ini akan dapat menyertai GDW dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu 1,000 kampung kita cadang untuk menjalani proses GDW dalam tahun 2006 ini manakala 2,000 kampung tiap-tiap tahun akan menjalani proses yang sama di antara tahun 2007 hingga 2010 dan mudah-mudahan dengan berkat usaha semua pihak, terutama pemimpin-pemimpin politik dan juga Ahli-ahli Dewan Negara kita dapat sama-sama menggembelng tenaga supaya semua 13,000 kampung yang mempunyai ketua ataupun Pengerusi JKKK ini menjadi kampung GDW menjelang tahun 2010. Terima kasih.

Tuan Ismail bin Kassim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya apakah kelemahan yang dikenal pasti oleh pihak kerajaan bagi kampung-kampung yang bernaung di bawah GDW ini yang masih belum mencapai sasaran kerana pada penilaian saya di negeri Perlis khasnya kebanyakan kampung yang sama memenangi anugerah hampir setiap tahun apabila pertandingan kampung ini dipertandingkan.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, satu kajian yang telah dibuat terhadap 3,000 buah kampung GDW dua tahun yang lepas telah menunjukkan cuma 406 kampung di seluruh negara iaitu 12.3% yang merupakan kampung-kampung yang berdaya maju dan boleh memenuhi hasrat kita mencapai sasaran di tahun 2020. Manakala 43% lagi jumlah kampung adalah kampung-kampung di tahap sederhana dan 44% adalah kampung-kampung yang masih berada dalam keadaan kurang maju.

Oleh yang demikian, kita akan menggembelng semua tenaga untuk memastikan perkara ini berjaya dan menjadi sebahagian menjawab soalan Yang Berhormat, kebanyakan kegagalan kita di kampung-kampung adalah berpusat kepada kepimpinan kampung itu sendiri.

Kita lihat kampung-kampung yang berjaya ini dengan kampung-kampung yang kurang berjaya adalah semata-mata disebabkan oleh kepimpinan JKKK. Kalau ada Pengerusi JKKK dan Ahli Jawatankuasanya yang bijak mentadbir dan melaksana maka kampung itu jadi ceria, kampung itu jadi lebih maju dan cukup berdaya maju. Tetapi bagi kampung-kampung yang agak lesu dan malap ini kerana kepimpinan kampung itu sendiri tidak begitu menyerlah. Terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah hasil daripada program yang telah dilaksanakan oleh kerajaan berapa peratuskah pencapaian yang telah dapat dicapai dalam meningkatkan pendapatan penduduk kampung berkenaan dan adakah kampung-kampung dalam kawasan FELDA juga termasuk dalam GDW ini dan berapakah peruntukan purata setiap kampung yang telah diperuntukkan oleh kerajaan?

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih kepada soalan Yang Berhormat. Sebenarnya proses program GDW ini adalah untuk menambahkan keupayaan kampung. Kita menyediakan bajet yang sikit. Cuma kita bagi lebih kepada hadiah. Maknanya kalau program

Desa Cemerlang atau program Ilham Desa itu kita menyediakan fasilitinya dan juga hadiah. Selain daripada itu diusahakan sendiri oleh kampung dan kita tidak ada satu bajet khusus untuk diberi kepada setiap kampung bagi setiap program. Tetapi sebaliknya mereka mengusahakan sendiri tetapi kita beri galakan insentif dalam bentuk hadiah dan juga dalam bentuk pentadbiran dan pengurusan untuk menyediakan program tersebut. Jadi untuk menjawab soalan Yang Berhormat tentang di bawah FELDA dan RISDA ini juga ada kampung-kampungnya dan ia ditadbirkan secara khusus oleh pentadbir RISDA dan FELCRA tetapi untuk keseluruhan kampung kita bagikan KEMAS untuk mentadbir seluruh GDW ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya telah menyusahkan diri saya puji satu menguasai subjek, ini pun menguasai subjek. Lepas ni saya tidak mahu pujilah. Semua orang menguasai subjek. *[Dewan ketawa]*.

3. Che Puan Sri Kelana D'raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan:-

- (a) apakah pelan tindakan kementerian untuk memantapkan dan menyokong konsep SOHO (bekerja dari rumah); dan
- (b) adakah kementerian bercadang untuk mengadakan data bank agar dapat mengumpul dan mendaftarkan mereka yang berkecimpung dalam SOHO ini dan apakah kemudahan dan sokongan yang telah diberikan oleh kementerian terhadap SOHO.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan telah bersetuju dengan cadangan memperkenalkan konsep bekerja dari rumah terutamanya berasaskan kepada penyertaan kedua-dua wanita dan lelaki di dalam pasaran pekerjaan. Pada hari ini lebih kurang 47% penyertaan dalam pasaran pekerjaan adalah wanita. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat konsep pejabat di rumah merujuk kepada orang yang bekerja di premis kediaman sama ada mempunyai pekerjaan sendiri atau mempunyai pekerjaan dengan sesebuah syarikat tetapi tidak berada di premis perniagaan majikan dalam melaksanakan kerja-kerja harian.

Selaras dengan keputusan tersebut Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga Pihak Berkuasa Tempatan telah menyediakan Garis Panduan Pelaksanaan Bekerja dari rumah bagi memudahkan penyertaan dan meningkatkan juga penyertaan dalam pasaran pekerjaan. Cadangan garis panduan yang dirangka ini merangkumi syarat serta peraturan yang ditetapkan oleh PBT ke atas premis yang digunakan bagi tujuan pelaksanaan bekerja dari rumah.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menyediakan Draf Buku Panduan bagi memudahkan orang ramai yang ingin menceburi bidang ini memperoleh

maklumat asas yang berkaitan. Buku panduan ini mengandungi penjelasan terhadap konsep dan faedah bekerja dari rumah termasuk maklumat untuk menubuhkan dan memantapkan perniagaan secara bekerja dari rumah. Buku Panduan dan Garis Panduan Pelaksanaan Bekerja Dari Rumah ini akan dikemukakan kepada Jemaah Menteri pada bulan hadapan untuk kelulusan sebelum dilaksanakan.

Data mengenai bekerja dari rumah akan dikumpulkan berdasarkan dari permohonan dan kelulusan konsep pejabat di rumah yang dikendalikan oleh Kementerian Perumahan dan PBT. Dengan adanya maklumat tersebut langkah seterusnya seperti meneliti keperluan dari segi insentif kewangan dan latihan bagi mereka yang bekerja dari rumah dapat diambil tindakan yang sewajarnya. Terima kasih.

Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saya ucapkan kepada Dato' Seri Menteri yang kami kasihi kerana sanggup hadir bagi menjawab soalan pada pagi ini. Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini terdapat sindrom wanita berjaya yang ditolak kepimpinannya oleh pekerja wanita lain di negara ini. Sebagai contoh bos wanita yang cukup berjaya tidak kira di dalam sektor awam atau swasta tidak disenangi oleh pekerja wanita di bawah kawal selianya. Sindrom ini belum nampak secara jelas tetapi amat berbahaya. Kajian di Amerika Syarikat mendapati pekerja wanita ...

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan Yang Berhormat?

Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya: Soalan saya Tuan Yang di-Pertua ialah adakah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyedari akan fenomena ini kerana sekiranya tidak ditangani dengan baik ia boleh menjejaskan agenda kerajaan dalam memperkasakan wanita di negara ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan agak terkeluar daripada konteks SOHO. Saya serahkan kepada kebijaksanaan Yang Berhormat untuk menjawab secara berhemah, berhelah atau pun tidak mahu jawab langsung. [*Dewan ketawa*]

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya akan menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu. Sebenarnya kepada kami di kementerian, itu tidak menjadi masalah. Lumrahnya kalau kita lihat di mana-mana juga pejabat atau pun kepimpinan sama ada persatuan dan lain-lain. Perkara seperti ini akan berlaku. Ianya berlaku bukan hanya kepada kepimpinan wanita tetapi juga kepada kepimpinan kaum bapa. Pada saya ini terpulanglah kepada masyarakat tempatan. Alhamdulillah, setakat ini saya rasa bahawa wanita Malaysia mereka mempunyai keyakinan diri dan juga mereka memberi keyakinan kepada kepimpinan wanita yang ada. Dan saya harap bahawa sindrom yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi tidak akan menular dan menjadi budaya di Malaysia ini kerana kita memerlukan kepimpinan kedua-dua, lelaki dan juga wanita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Syarifah Azizah. Sebab dua-dua Azizah duduk dekat-dekat ini jadi saya selalu tersasul.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Mungkin Tuan Yang di-Pertua minat lagu "Nonaku Azizah" tak? [*Dewan ketawa*] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah sejauh manakah konsep SOHO ini telah menular ke kawasan luar bandar dan adakah pihak kementerian memanjangkan konsep ini pada Persatuan Ibu Tunggal peringkat Daerah.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memaklumkan bahawa setakat ini konsep ini adalah satu konsep yang dipromosikan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk memudahkan dan meningkatkan penyertaan wanita di bidang pekerjaan. Alhamdulillah, setakat ini kita mendapat sokongan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan maka dengan itu satu Kertas Jemaah Menteri akan dihadapkan ke Mesyuarat Jemaah Menteri pada bulan akan datang.

Di dalam Kertas Jemaah Menteri itu kita ada membuat beberapa syor dan mungkin saya bayangkan syor yang akan dikemukakan di antaranya ialah aktiviti-aktiviti yang diminta pertimbangan oleh Pihak Berkuasa Tempatan ialah seperti perkhidmatan kewangan, menyimpan buku kira-kira, mengaudit cukai pendapatan dan pelaburan, khidmat setiausaha syarikat, pengurusan dan penjualan hartanah, penterjemahan, penulisan, perundingan latihan, rekaan grafik dan melukis pelan, perkhidmatan insurans dan lain-lain.

Ini adalah berasaskan kepada tiga prinsip bekerja di rumah ini. Iaitu pertama tidak ada kacau ganggu kepada jiran dan masyarakat. Keduanya pekerjaan itu tidak ada bau yang mungkin akan tidak menyelesaikan masyarakat setempat dan juga elemen bunyi. Semua ini Tuan Yang di-Pertua, kita cadangkan untuk dipromosikan bukan hanya di peringkat luar bandar tetapi juga di peringkat bandar-bandar di mana dapat konsentrasi ramai wanita yang perlu bekerja untuk membantu meningkatkan pendapatan di rumah masing-masing. Saya harap bahawa kita akan dapat kelulusan daripada Kabinet pada bulan hadapan. Terima kasih.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi Orang Kurang Upaya adakah konsep ini juga dipakai juga. Apakah bantuan dan galakan yang khusus untuk Orang-orang Yang Kurang Upaya itu supaya mereka boleh bekerja secara SOHO atau masa kerja fleksibel. Terima kasih.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Terima kasih Yang Berhormat, atas soalan itu. Sebenarnya *target group* untuk SOHO ini atau pejabat di rumah selain daripada wanita dan juga kaum bapa ialah kumpulan sasar kementerian iaitu orang kurang upaya dan juga warga emas kerana mereka boleh mengambil peluang ini untuk meneruskan sumbangan mereka kepada pembangunan ekonomi negara.

4. **Datuk Dr. Lee Chong Meng** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan bahawa sehingga hari ini berapakah jumlah pusat penjaja moden yang telah dirancang ataupun dibina oleh kerajaan di Bandaraya Kuala Lumpur untuk menyelesaikan masalah penjaja-penjaja daripada berniaga di tepi jalan di sekitar Kuala Lumpur.

Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan [Tuan Yew Teong Look]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 13 buah pusat penjaja dan 6 buah pusat penjaja dan pusat penjaja bersepadu serta satu tapak penjaja yang moden telah siap dibina dan beroperasi sejak tahun 2000 sehingga kini. Kemudahan-kemudahan tersebut telah menyediakan sebanyak 1,586 unit gerai atau lot untuk para penjaja berniaga. Kebanyakan projek-projek tersebut dibina bagi penempatan semula para penjaja di tepi jalan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, beberapa projek pusat penjaja dan pusat pasar baru sedang dilaksanakan dan dirancang seperti berikut:

- 5 projek pusat penjaja dan pasar yang sedang dibina
- 15 projek pusat penjaja yang akan dinaiktarafkan
- 32 projek pusat penjaja dan pasar yang sedang dalam peringkat perancangan dan reka bentuk.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, syabas kepada DBKL kerana begitu prihatin kepada golongan yang miskin dan syabas juga kepada DBKL tentang kerja projek...

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaannya, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Ada berkaitan sedikit. Tentang projek pengindahan di Jalan Petaling, tetapi pihak DBKL telah bercadang untuk mencaj sewa bulanan gerai-gerai statik di tepi jalan di Jalan Petaling yang kali pertama. Jadi, walaupun caj-caj itu telah diturunkan separuh, tetapi masih lagi mahal kerana jumlah RM500, RM300 dan RM200 begitu mahal untuk perniagaan di tepi jalan. Cadangan saya ialah adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya supaya caj-caj ini dikurangkan daripada RM500 ke RM300, RM300 ke RM200 dan RM200 ke RM100 untuk gerai-gerai statik di Jalan Petaling.

Tuan Yew Teong Look: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya atas permintaan Yang Berhormat kepada Datuk Bandar, Datuk Bandar telah menurunkan caj-caj sewa di Jalan Petaling - Jalan Hang Lekiu iaitu untuk gerai statik dari RM600 ke RM300. Gerai penjaja bergerak dari RM250 ke RM150 dan gerai berkunci biasanya bagi jualan bunga dari RM1,000 ke RM500. Oleh sebab kos penyelenggaraan agak tinggi, oleh itu Datuk Bandar telah pun membuat satu keputusan. Walau bagaimanapun, saya akan membawa pandangan Yang Berhormat untuk pengetahuan Datuk Bandar dan terus berbincang dengan Menteri Wilayah Persekutuan tentang isu ini supaya satu keputusan yang sesuai akan diputuskan.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kenapakah pasar moden yang dibina dalam tahun 1990 oleh DBKL di beberapa tempat di bandar raya seperti di Gombak, Taman Tun dan juga Cheras, sunyi dan sepi. Ada gerai makan tetapi banyak yang kosong, tidak ada pengunjung. Kenapakah pihak DBKL tidak membuat *facility study* dengan betul sebelum membina pasar moden ini sehingga diklasifikasikan sebagai projek gagal?

Tuan Yew Teong Look: Tuan Yang di-Pertua, memanglah satu kenyataan di mana beberapa pasar moden di sekitar Kuala Lumpur nampaknya tidak berapa berjaya. Ini memang sudah diambil kira oleh Kementerian saya. Oleh itu, Kementerian Wilayah Persekutuan sedang mengatur satu *retreat* sebagai pengubahsuaian dasar pengurusan penjaja dan peniaga kecil di Kuala Lumpur yang akan diadakan pada Julai tahun ini untuk mengenal pasti segala dasar-dasar di Kuala Lumpur supaya perkara yang disebut oleh Yang Berhormat tadi itu tidak akan berlaku pada masa hadapan.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setelah berbelanja berjuta-juta ringgit membina pusat penjaja moden ini, masih terdapat pusat penjaja seperti di Taman Maluri, Desa Aman dan Desa Tun Razak kelihatan seperti 'hidup segan mati tak mahu'. Apakah langkah Kementerian bagi mengelakkan pusat ini menjadi gajah putih (*white elephant*). Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan lebih kurang sama. Saya serah kepada Yang Berhormat.

Tuan Yew Teong Look: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ini memang masalah yang dihadapi oleh DBKL dan Kementerian Wilayah Persekutuan memang mengambil serius tentang perkara-perkara yang disebut tadi. Oleh itu, kita tunggulah sehingga satu *retreat* secara menyeluruh untuk menyelesaikan masalah ini.

5. **Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan berapakah kos perbelanjaan bagi membiayai perlumbaan Formula One (F1) pada tahun 2005 dan 2006 baru-baru ini dan berapakah pula hasil yang diperolehi dari penjualan tiket tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Sa. Vigneswaran]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat. Kos perbelanjaan bagi membiayai perlumbaan Formula One (F1) pada tahun 2005 adalah sebanyak RM147,166,800 manakala bagi tahun 2006 adalah sebanyak RM152,416,147. Perbelanjaan bagi perlumbaan F1 merangkumi yuran Formula One Association FOA, yuran GISS hak pengiklanan, hak TV dan persembahan acara (*event staging*). Bagi tahun 2005, hasil yang diperolehi oleh penjualan tiket adalah sebanyak RM27,692,319, manakala untuk tahun 2006 adalah sebanyak RM23,939,655. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Wan Ubaidah, Dato' Dr. Chin Fook Weng dan kemudian Dato' Rina Bhar.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, memandangkan kutipan hasil adalah sangat berkurangan berbanding dengan perbelanjaan, adakah wajar perlumbaan ini diteruskan dan daripada bilangan tiket yang dijual, berapakah peratus berbanding dengan *sitting capacity* yang ada dan daripada pengunjung yang datang, berapa ramaikah daripada luar negara.

Tuan Sa. Vigneswaran: Terima kasih, Yang Berhormat. Memang betul saranan Yang Berhormat. Tetapi jumlah impak ekonomi Formula One 2005 secara langsung dan tidak langsung adalah lebih kurang RM300 juta. Perbelanjaan oleh penonton dan penganjur mempunyai impak secara langsung bernilai RM207 juta dan mencetuskan limpahan sebanyak RM73 juta menerusi kesan berganda. Perbelanjaan oleh penonton luar bersama dengan pasukan pelumba, wakil media antarabangsa dan pemegang pas menyumbang sejumlah RM125.6 juta secara langsung kepada ekonomi dan limpahan dianggarkan sebanyak RM44 juta dengan jumlah impak ekonomi lebih kurang RM170 juta.

Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan oleh penonton tempatan menyumbang sejumlah RM46 juta secara langsung kepada ekonomi. Berkenaan dengan anggaran kerusi, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada maklumat berkenaan dengan ini pada masa sekarang, tetapi akan memberi jawapan itu secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, kita menggalakkan pasukan promoter ini kerana untuk menggalakkan *sports tourism*, dengan izin. Ini secara tidak langsung menyumbang kepada beberapa lagi faktor. Hotel di sekitar F1 ini memang mendapat keuntungan yang banyak semasa F1 ini dikendalikan. Kajian menunjukkan sektor perkhidmatan perdagangan daripada hotel sebagaimana yang dikatakan, restoran serta pengangkutan dan perhubungan dalam Lembah Klang mendapat keuntungan daripada Formula One. Kajian menunjukkan sektor perkhidmatan perdagangan daripada hotel dan sebagainya yang dikatakan, restoran serta pengangkutan dan perhubungan di dalam Lembah Klang mendapat keuntungan daripada Formula 1.

Tuan Yang di-Pertua: Gambaran itu sudah jelas kalau Yang Berhormat beri peluang kepada ..

Tuan Sa. Vigneswaran: Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga limpahan kepada ekonomi kepada lain-lain negeri di Malaysia terutamanya dari segi sektor pertanian dan pembuatan. Bila mereka datang ke sini, dapat tahulah apa yang dikeluarkan oleh negara kita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Dr. Chin Fook Weng.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih. Soalan tambahan saya, apakah rancangan kerajaan supaya kemudahan-kemudahan yang telah disediakan untuk perlumbaan ini luar daripada musim itu boleh terus digunakan untuk aktiviti-aktiviti lain. Terima kasih.

Tuan Sa. Vigneswaran: Tuan Yang di-Pertua, pihak pengurusan Sepang International Sdn. Bhd. memang menggalakkan tidak hanya sukan F1, Formula 1, tetapi mereka mengendalikan sukan-sukan bermotor di mana menggalakkan banyak lagi mereka yang ingin berminat dalam sukan bermotor tetapi tidak secara besar. Tetapi saranan yang diberi oleh Yang Berhormat akan disampaikan kepada pengusaha Sepang International Sdn. Bhd. untuk mengendalikan sukan-sukan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Dato' Rhina Bhar.

Dato' Rhina Bhar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah Malaysia ada berapa Formula 1 *driver*? Kedua, adakah Kementerian membuat kajian memberi latihan kepada mereka yang berminat mengambil bahagian dalam perlumbaan Formula 1? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkanlah soalan tersebut, saya serahkan kepada Yang Berhormat.

Tuan Sa. Vigneswaran: Tuan Yang di-Pertua, saya memang kagum kerana Yang Berhormat-Yang Berhormat ini berminat dalam sukan Formula 1 ini. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan anggaran tersebut, saya tidak ada maklumat, saya akan beri secara bertulis. Tetapi saya ingin memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini bahawa sukan bermotor ini adalah satu sukan yang baru di mana kita baru menubuhkan satu Majlis sukan bermotor ini. Dan pada yang akan datang, memang sukan bermotor ini akan menjadi satu sukan yang besar di negara kita. Tapi soalan Yang Berhormat tadi itu, izinkan saya memberi jawapan itu secara bertulis.

6. Tuan Hii Tiong Kuoh minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan apakah usaha Kementerian untuk membantu petani-petani yang mengusahakan tanaman herba yang berbentuk ubat-ubatan sama ada dari segi teknologi mahupun kewangan agar usaha mereka ini dapat dikomersialkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keluasan penanaman herba pada masa kini adalah kecil iaitu di sekitar 1,500 hektar sahaja. Kira-kira 80% daripada bahan-bahan mentah herba yang dikilangkan sekarang adalah diperolehi dari tumbuhan liar bukannya ditanam. Pengutipan herba daripada sumber liar ini tidak mampan dalam jangka masa panjang kerana tidak dapat memenuhi keperluan pengilang dari segi kuantiti, kualiti dan harga.

Oleh yang demikian, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui MARDI telah dan sedang berusaha untuk mewujudkan teknologi penanaman yang sesuai bagi membolehkan herba utama seperti pegaga, misai kucing, tongkat ali, hempedu bumi, dukung anak, halia, kacip fatimah, mengkudu, mas cotet dan limau purut. Ditanam oleh petani-petani pada skala lebih

besar dan teratur. Manakala melalui Jabatan Pertanian pula di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, selaras dengan kenaikan kos input dan infrastruktur pertanian, kadar insentif bagi tanaman herba dan rempah ratus juga telah dinaikkan kepada RM5,000 per hektar untuk membiayai kos bagi kemudahan infrastruktur, bekalan input dan pembelian bahan tanaman.

Untuk tahun 2006, peruntukan sejumlah RM300 ribu telah diagihkan untuk pelaksanaan projek herba dan rempah ratus seluas 60 hektar dan melibatkan seramai 60 peserta. Terima kasih.

Tuan Hii Tiong Kuoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Apakah produk yang telah dijalankan untuk menggunakan herba secara lebih komersial?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, MARDI juga telah membangunkan beberapa produk daripada minyak pati. Walaupun tadi saya memberitahu bahawa kalau dari segi ditanam tu belum mampan, sebanyak kebanyakan produk ini didapati daripada tumbuhan liar atau hutan. Tetapi MARDI juga telah membangunkan beberapa produk daripada minyak pati seperti daripada serai wangi, selasih, *tea tree* dan nilam. Dengan menghasilkan produk-produk *toiletries* dengan izin seperti sabun herba, produk aroma terapi dan minyak wangi. MARDI turut menghasilkan produk makanan kesihatan daripada herba seperti jus mengkudu, jus pegaga, teh, gula-gula, kopi, halia, halwa dan jeli. Terima kasih.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Bagi mentransformasikan perusahaan tanaman herba yang berbentuk perubatan secara kecil-kecilan kepada berorientasikan komersial bukan sahaja dalam negara malah di luar negara seperti tanaman Ling Zhi yang diusahakan oleh sebuah syarikat yang bernama DXN di negeri Kedah yang berjaya memasarkan produk mereka ke lebih kurang 200 negara di seluruh dunia. Soalan tambahan saya, berapakah peruntukan yang disediakan oleh kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan bagi membangunkan perusahaan ini melalui penyelidikan dan pembangunan iaitu R&D. Dan adakah perusahaan-perusahaan ini dimasukkan dalam Skim Amanah Ladang Malaysia iaitu SALM bagi memastikan standard dan kualiti pengeksporthannya tercapai. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, itu adalah satu perusahaan swasta, pihak swasta. Dan seperti yang saya katakan tadi, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memberi teras kepada 10 jenis herba yang saya bacakan tadi. Jadi yang Ling Zhi ini dia terkeluar tetapi walau bagaimanapun kalau nak memohon SALM atau akreditasi, pohon melalui Jabatan Pertanian dan InsyaAllah mereka akan melihat dari segi keperluan ladang, dari segi syarat-syarat yang ada untuk membolehkan ianya diakreditasi. Memang kita berbangga dengan perusahaan-perusahaan *private* atau swasta untuk membangunkan industri herba di negara ini. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Tuan Yang di-Pertua, sudah disoal dan sudah dijawab.

7. Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad minta Menteri Penerangan menyatakan adakah Kementerian dapat memainkan peranan dalam memantau program-program yang disiarkan di kaca-kaca televisyen agar lari dari tema-tema cinta, dendam, fitnah dan unsur negatif lain yang tidak sihat untuk rakyat.

Timbalan Menteri Penerangan [Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh dinafikan bahawa program-program yang disiarkan di televisyen mempunyai tema-tema cinta, dendam dan fitnah. Namun demikian, tema-tema tersebut tidak semestinya membawa unsur-unsur negatif pada rakyat ataupun penonton. Sebaliknya dalam keadaan tertentu, tema-tema begini boleh memberi pengajaran dan iktibar. Ini tidak bermakna Kementerian ini tidak menggalakkan tema-tema lain selain daripada yang disebutkan. Malah Kementerian Penerangan memastikan semua program yang disiarkan di TV, TV kerajaan sama ada berbentuk hiburan, drama ataupun bicarawara yang disiarkan di RTM1 atau RTM2, ditapis melalui sebuah panel kualiti rancangan di RTM bagi memastikan ianya mengandungi nilai-nilai murni yang dapat diteladani oleh rakyat Malaysia termasuklah menitikberatkan nilai kekeluargaan yang baik, padat dengan maklumat terkini, hiburan bermesej serta mengukuhkan perpaduan dan penerapan nilai-nilai agama yang universal.

Untuk maklumat Yang Berhormat, Kementerian Penerangan tidak memantau program-program yang disiarkan oleh stesen TV swasta yang lain kerana ianya berada di bawah kuasa Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi.

Datuk Dr. Jins Shamsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah kerajaan atau Kementerian Penerangan bercadang untuk meneruskan penerbitan siri program patriotik seperti siri TV "*Merdeka, Merdeka, Merdeka*" yang dirancang pada tahun 2005 untuk siaran ulang tahun kemerdekaan. Terima kasih.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, program itu memang telah ada penggambarannya dan saya dimaklumkan bahawa Yang Berhormat sendiri terlibat dalam program berkenaan dan insya-Allah sempena dengan Hari Kebangsaan yang akan datang, program ini akan dapat disaksikan.

Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, seperti mana yang semua maklum bahawa peranan Kementerian Penerangan dulu, kini dan selamanya adalah menyampaikan dasar-dasar kerajaan dan dalam masa yang sama yang pelik tiada kuasa memantau stesen TV swasta dan selain daripada RTM. Soalan saya apakah Yang Berhormat bersetuju Kementerian Penerangan mengambil alih Akta Multimedia dan Komunikasi supaya penyelarasan dan pemantauan boleh dikuatkuasakan sebagai mana beberapa negara serantau seperti Indonesia dan Singapura.

Tuan Yang di-Pertua: Bolehlah Yang Berhormat jawab berhemah, berhelah atau tidak jawab langsung.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini potong *corner*. Saya maklum bahawa dahulu di bawah Akta Penyiaran yang kemudiannya ditukar kepada Akta Komunikasi. Kuasa pemantauan ini jatuh di bawah Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Ertinya Kementerian Penerangan hanya memantau program-program yang disiarkan melalui RTM (Radio Televisyen Malaysia) sahaja. Manakala di stesen-stesen yang lain, kementerian berkenaanlah yang memantaunya.

Walau bagaimanapun, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat adakah Kementerian Penerangan sesuai atau tidak, saya fikir itu hak mutlak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menentukan. Kami terbuka andainya akta itu dan Suruhanjaya Komunikasi itu diserahkan balik kepada Kementerian Penerangan maka bertambahlah tugas kami dan insya-Allah kami akan menjalankan tugas kami dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua: Kuasa-kuasa tersebut diberi melalui akta-akta yang diluluskan oleh Parlimen juga. Mungkin Yang Berhormat yang mengundi untuk beri kuasa itu tempoh hari. Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, adakah program seperti Fenomena Seni yang disiarkan pada waktu *prime time* begitu relevan, berfaedah dan sihat untuk rakyat. Tidakkah kementerian sedar bahawa program ini mendapat kritikan daripada penonton. Terima kasih.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, semua program yang disiarkan sama ada melalui RTM1 atau RTM2, ianya telah melalui proses dari segi unjuran sama ada program itu boleh diterima oleh penonton atau tidak termasuklah Fenomena Seni. Program ini walaupun tajuk-tajuknya nampak kontroversial tetapi kita mempunyai dasar keterbukaan di mana ahli-ahli panelnya Tuan Yang di-Pertua, terdiri daripada mereka yang dalam bidang-bidang yang diperkatakan itu. Ianya tidak memihak kepada seseorang yang suka atau seseorang yang benci kepada tokoh ataupun perkara-perkara yang dipaparkan melalui program itu.

Mungkin Yang Berhormat sedar bahawa Fenomena Seni ini telah dapat mengundang ramai penonton dan ini telah menambah *rating* dengan izin di kalangan penonton kepada RTM1 dan RTM2, malah kita mempunyai program-program walaupun disebutkan kontroversial tetapi kita memakai istilah "*bilhikmah wabilhasanah*" dengan izin. Sesuai dengan ayat Al-Quran [*membaca sepotong ayat Al-Quran*]. Ertinya walaupun ianya program hiburan atau program muzikal ataupun program-program bicarawara, kita masukkan unsur-unsur yang positif itu di dalam program-program yang menarik itu dengan tujuan untuk menarik penonton-penonton.

Oleh yang demikian, sebagai sebuah stesen penyiaran kerajaan tujuan utama kami adalah untuk menyampaikan maklumat dan mendidik sama ada secara langsung atau tidak langsung termasuklah di dalam program-program hiburan. Begitu jugalah penerbitan rancangan

siaran RTM tertakluk juga kepada Lembaga Penapis Filem yang berpandukan kepada prinsip Rukun Negara dan penerbitan ini juga peka terhadap kesejahteraan, perpaduan dan keselamatan rakyat dan negara yang terdiri daripada pelbagai kaum, budaya dan agama dan kita cuba mengelakkan perkara-perkara yang terkandung dalam penyiaran VHSC iaitu *violence, horror, sex and culture* dengan izin. Jadi program-program itu dibuat adalah untuk manfaat kepada penonton pelbagai kaum dan keseluruhannya.

8. Datuk Ratnam a/l Muthiah minta Menteri Pelajaran menyatakan dasar kementerian di mana kesemua sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan Tamil akan mengadakan kelas pra-sekolah.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, pendidikan pra-sekolah merupakan pengalaman awal yang penting dalam dunia persekolahan kanak-kanak. Untuk menyediakan mereka dengan kemahiran, keyakinan diri dan sikap yang positif sebagai persediaan untuk persekolahan seterusnya dan pendidikan sepanjang hayat.

Pada dasarnya Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa memastikan kemudahan pendidikan yang disediakan adalah untuk semua kaum dan dalam pelaksanaan program pra-sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia memberikan keutamaan kepada sekolah-sekolah di luar bandar dan kanak-kanak daripada golongan yang kurang berkemampuan.

Peluasan pendidikan prasekolah dilaksanakan setiap tahun meliputi semua sekolah rendah kerajaan di seluruh negara termasuk di SJK(C) dan SJK(T). Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Kementerian Pelajaran telah merancang untuk memperluaskan pelaksanaan pra-sekolah yang akan melibatkan 2,226 buah sekolah meliputi 3,143 kelas pra-sekolah dengan peruntukan sebanyak RM327.3 juta. Terima kasih.

Datuk M. Ratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini diberitahu bahawa 226 buah sekolah akan dibina. Saya ingin tahu di manakah sekolah-sekolah ini akan dibina dan sama ada sekolah-sekolah ini adalah untuk semua tanpa mengira kaum. Terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Seperti yang saya jawab tadi memang pra-sekolah diberikan tanpa mengira kaum dan juga kepada anak-anak kita sama ada dari kawasan-kawasan pedalaman atau di luar bandar. Walau bagaimanapun, pada masa sekarang ini memang keutamaan diberikan kepada anak-anak yang berada di kawasan-kawasan di luar bandar dan juga untuk golongan yang tidak berkemampuan dan juga bagi kawasan-kawasan di mana tidak disediakan pra-sekolah sama ada oleh agensi-agensi kerajaan ataupun swasta.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada 2,226 buah sekolah yang telah dipilih, bolehkah kita tahu berapa banyak sekolah jenis sekolah Tamil dan sekolah Cina dan juga bilakah program-program ini akan dilaksanakan.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sehingga tahun 2006 ini sebanyak 3,702 buah sekolah rendah di seluruh negara telah pun mempunyai pra-sekolah yang

melibatkan jumlah kelas sebanyak 4,583 kelas. Berapa buah sekolah akan terlibat sekolah Tamil dan sekolah Cina, setakat ini masih belum kita putuskan lagi. Oleh kerana itu kita akan lihat seperti yang saya sebut tadi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan iaitu untuk memberikan keutamaan kepada sekolah kerajaan dan juga kepada kawasan-kawasan luar bandar.

9. Tuan Lee Chee Keong minta Menteri Kesihatan menyatakan tindakan Kementerian untuk memastikan pengilang-pengilang makanan meletakkan butiran kandungan makanan dan tarikh kegunaan hasil makanan mereka dengan tepat dan bernas di label-label bungkusan hasil keluaran mereka terutamanya bahan-bahan toksik seperti trans-fat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, di bawah peraturan-peraturan makanan 1985, pengilang-pengilang makanan diwajibkan untuk mengisytiharkan beberapa perkara pada label makanan seperti nama makanan, berat bersih, nama pengilang atau pembungkus dan senarai ramuan. Tujuan pelabelan tersebut adalah untuk memberitahu pengguna maklumat tentang sesuatu makanan supaya pengguna dapat membuat pilihan mengenai makanan yang dibeli.

Pada senarai ramuan, pengilang perlu menyenaraikan semua ramuan yang digunakan dalam pengeluaran sesuatu makanan termasuk menyatakan jenis *additives* atau bahan tambahan dalam makanan seperti bahan pengawet, pewarna dan perisa yang dibenarkan oleh Peraturan-peraturan Makanan 1985. Selain itu, tarikh kegunaan makanan atau tarikh akhir telah diwajibkan kepada beberapa jenis makanan seperti roti, makanan untuk bayi dan kanak-kanak, rumusan bayi dan makanan bertujuan khas.

Pelabelan pemakanan atau *nutritions labeling* dengan izin mula diwajibkan kepada beberapa jenis makanan seperti hasilan susu, konfeksi tepung dan jus buah. Label makanan tersebut hendaklah mengisytiharkan amaun empat nutrien utama iaitu tenaga, karbohidrat, protein dan lemak. Tindakan penguatkuasaan yang dijalankan di bawah kuasa yang diberikan oleh Akta Makanan 1983, adalah bagi memastikan para pengilang mematuhi peraturan pelabelan dan maklumat yang diisytiharkan adalah benar dan tidak mengelirukan. Kementerian Kesihatan sentiasa memantau dan mengambil tindakan ke atas pengilang yang tidak mematuhi peraturan pelabelan di bawah Peraturan-peraturan Makanan 1985. Sekian.

Tuan Lee Chee Keong: Soalan tambahan. Apakah tindakan undang-undang Kementerian jikalau terima aduan orang ramai berkenaan salah laku pengilang tersebut?

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Yang pertama kita akan buat siasatan, yang kedua itu tindakan akan diambil termasuklah rampasan ke atas produk yang dijual itu. Yang ketiga, jikalau kita dapati bahawa selepas analisa makanan itu mengandungi bahan-bahan yang tidak dibenarkan atau pelabelan yang tidak betul, kita boleh ambil tindakan termasuklah membuat dakwaan di dalam mahkamah seperti yang diberikan bawah Akta Makanan.

10. Dato' Omar bin Faudzar minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah perbezaan kadar harga bagi pembelian minyak oleh MAS melalui kontraknya berbanding dengan harga minyak di pasaran terbuka.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Omar bin Faudzar yang telah mengemukakan soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar harga pembelian bahan bakar oleh syarikat penerbangan MAS adalah sejajar dengan kadar harga pembelian syarikat penerbangan antarabangsa yang lain. Ini bermakna kadar harga pembelian bahan bakar MAS adalah tidak jauh berbeza dengan syarikat penerbangan antarabangsa yang lain kerana ia adalah berdasarkan harga pasaran di mana syarikat tersebut beroperasi.

Pendekatan yang digunakan oleh MAS adalah merupakan amalan yang dipraktikkan di peringkat antarabangsa. MAS mendapat keperluan bahan bakar bagi kapal udaranya daripada syarikat bahan bakar antarabangsa melalui proses tender yang terbuka kepada semua syarikat yang menyediakan perkhidmatan tersebut di semua destinasi yang mana MAS beroperasi. Sebagai contoh di Lapangan Terbang Antarabangsa KLIA, syarikat Petronas, Shell dan Exxon Mobil membekalkan keperluan bahan bakar kapal udara MAS berdasarkan nilai kontrak yang di tender secara terbuka. MAS hanya mempelawa pembekal bahan bakar kapal udara yang berdaftar di lapangan terbang terbabit sahaja. Terima kasih.

Dato' Omar bin Faudzar: Terima kasih. Tadi Yang Berhormat membezakan di antara syarikat penerbangan MAS dengan syarikat penerbangan antarabangsa. Jadi soalan tambahan saya ialah adakah kadar harga pembelian bahan bakar yang diperolehi oleh MAS di KLIA sama dengan harga yang dibeli oleh Air Asia?

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setahu saya, dalam kontrak seumpama ini dia berdasarkan kepada sama ada *on spot buying* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, atau pun sesuatu kontrak yang *long term*. Sama ada, ada perbezaan di antara MAS dengan Air Asia ini dari segi harga minyaknya, saya rasa perlu saya selidik perkara ini Tuan Yang di-Pertua, tetapi pada saya punya anggapan, kemungkinan tidak ada perbezaan kerana harga di pasaran itu terutamanya terpulang macam saya kata dari segi dan maknanya kita ada menggunakan amalan iaitu dari segi dengan izin *customer relationship*. Itu di antara pihak pembekal dengan pengguna. Tetapi saya tidak dapat menjawab secara tepat sama ada, adanya perbezaan di antara pembelian daripada MAS ataupun Air Asia.

11. Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan usaha-usaha yang sedang dan akan diambil untuk menghayati Rukun Negara di IPT tempatan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam usaha untuk

menerapkan perasaan patriotisme di kalangan siswa siswi tempatan, Kementerian Pengajian Tinggi telah pun memberi penekanan terhadap prinsip dan cita-cita Rukun Negara serta perjuangan bagi melahirkan sebuah masyarakat adil yang menegakkan cara hidup demokratik. Bagi memantapkan lagi penghayatan terhadap aspirasi Rukun Negara ini, kementerian telah mengarahkan agar Kelab Rukun Negara diwujudkan di semua IPTA. Kelab ini menjadi penganjur dan penyelaras bagi program dan aktiviti yang bersifat pengukuhan jati diri di kalangan siswa siswi dan antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan di beberapa buah IPTA dalam usaha menghayati Rukun Negara termasuk program ceramah Rukun Negara semasa minggu suai kenal, pembacaan ikrar Rukun Negara, pertandingan pidato peringkat universiti yang bertemakan Rukun Negara, penganjuran kursus Bina Insan dan seminar Biro Tata Negara.

Aktiviti-aktiviti yang berkenaan dilaksanakan tanpa mengira musim ataupun waktu tertentu sahaja malahan ianya diadakan sepanjang tahun dan melibatkan semua peringkat pengajian. Adalah dijangka aktiviti penghayatan Rukun Negara ini akan bertambah dari segi bilangannya menjelang sambutan Bulan Kemerdekaan. Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini juga telah menjadikan Kursus Perhubungan Etnik di IPTA dan Kursus Kenegaraan di IPTS sebagai subjek wajib bagi membolehkan pelajar-pelajar untuk memahami dengan lebih mendalam tentang kumpulan etnik yang berlainan. Selain itu, beberapa universiti tempatan juga menawarkan subjek-subjek seperti Diploma dan Sarjana Muda Kenegaraan dan Pembangunan Mutakhir Malaysia. Manakala di IPTS pula, pembangunan penubuhan kelab Rukun Negara sedang berlangsung secara berperingkat. Ianya adalah sejajar dengan fungsi kelab yang ada di IPTA.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana terlalu banyak rancangan-rancangan yang telah dibuat untuk menghayati rukun negara di IPT tempatan. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan setakat ini, apakah bukti-bukti yang menunjukkan bahawa rancangan-rancangan yang telah disebut tadi telah menunjukkan hasil yang positif dan berkesan?

Tuan Yang di-Pertua: Dalam mengatasi polarisasi kaum.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang membangkitkan soalan ini. Sesungguhnya soal seperti soal perpaduan atau pun cara-cara untuk membendung atau pun mencegah polarisasi itu, bukan senang kita hendak menyukat secara kuantitatif dengan apa sekalipun kayu pengukurnya. Lagipun program ini, atau pun kelab yang saya maksudkan itu, baru sahaja ditubuhkan setahun jagung dan saya kira apa yang kita usahakan selama ini ada ruang lagi untuk dimantapkan dengan selanjutnya.

Puan Hajah Siti Rokiah binti Haji Mohd. Zabidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dulu pelajar IPT yang beragama Islam tidak memahami konsep Islam yang sebenar. Untuk mengatasi masalah itu, kerajaan telah memperkenalkan mata pelajaran Tamadun Islam untuk

diikuti oleh semua pelajar yang beragama Islam tanpa mengira kursus yang mereka ikuti. Sekarang bagi mengatasi masalah pelajar IPT yang kurang menghayati Rukun Negara, adakah pihak kerajaan bersetuju jika diperkenalkan satu mata pelajaran Pengajian Malaysia, yang mengandungi Rukun Negara dan elemen-elemen lain seperti patriotisme dan sebagainya.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya apa yang disarankan tadi oleh Yang Berhormat, sememangnya merupakan salah satu pendekatan yang diambil oleh pihak kementerian, seperti mana yang saya sebutkan tadi, cara untuk kita, untuk membolehkan kita memantapkan lagi penghayatan di kalangan siswa-siswi terhadap Rukun Negara itu sebenarnya mengandungi dua aspek. Yang pertamanya melalui program-program ataupun aktiviti-aktiviti yang dianjurkan dari semasa ke semasa dan yang keduanya iaitu, pengenalan kursus-kursus yang baru umpamanya kursus hubungan etnik yang diwajibkan itu. Itu memang merupakan salah satu cara atau pun pendekatan yang dapat mencapai matlamat yang di saran tadi oleh Yang Berhormat.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Rukun Negara ini adalah penting bagi setiap rakyat Malaysia. Oleh yang demikian, bilakah program untuk IPTS itu akan diperkenalkan supaya semua rakyat kita terlibat dalam aktiviti Rukun Negara ini. Terima kasih.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan saya tadi, sebenarnya saya menyebut tentang adanya usaha yang diambil oleh pihak pengusaha IPTS untuk menubuhkan Kelab Rukun Negara di kampus-kampus IPTS, itu pun merupakan satu sahutan pengusaha IPTS terhadap seruan dan arahan pihak kementerian. Jadi buat ketika ini masih ada IPTS yang belum lagi menubuhkan kelab yang berkenaan. Tetapi saya kira dalam masa yang terdekat mereka ini akan dapat mengusahakannya.

12. Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan apakah peluang-peluang, program khas dan keistimewaan yang diberikan kepada bekas-bekas anggota tentera bagi menceburkan diri di bidang keusahawanan termasuk pemberian permit teks, kemudahan pinjaman dan bimbingan perniagaan.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Khamsiyah binti Yeop]: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi berperanan membangun dan memajukan usahawan kursusnya bumiputera dalam sektor perniagaan. Kepercayaan ini melalui agensi seperti MARA, TEKUN dan SME Bank, menyediakan kemudahan pembiayaan kepada usahawan dan bakal usahawan yang berkecimpung dalam bidang perniagaan. Di samping itu, program latihan keusahawanan, bimbingan dan khidmat nasihat juga di sedia oleh Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA). Kesemua program ini disediakan untuk usahawan bumiputera termasuk bekas-bekas tentera berhubung dengan pemberian permit teks. Kementerian telah memberi keistimewaan kepada bekas-bekas tentera seperti berikut:-

- (i) had umur untuk memohon teksi individu bagi orang awam adalah tidak melebihi 50 tahun, manakala bagi bekas anggota ATM dan polis tidak melebihi 65 tahun;
- (ii) pengalaman memandu teksi bagi orang awam adalah ditetapkan sekurang-kurangnya lima tahun, sementara bagi anggota ATM dan polis adalah tidak kurang dari tiga tahun.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Dalam Perintah Majlis Angkatan Tentera (PMAT), ada menyatakan kerajaan akan memberi keistimewaan kepada anggota bekas tentera, adakah Kementerian Pembangunan Usahawan memberi khusus keistimewaan kepada bekas-bekas angkatan tentera, atau pun kalau tidak, apa menyebabkannya. Terima kasih.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kita belum lagi menyediakan program khas untuk angkatan tentera. Walau bagaimanapun kepada pesara tentera dan polis kita beri peluang sama dengan pesara lain di sektor awam dan swasta. Untuk melayakkan diri sebagai usahawan, kita perlulah ada beberapa *business plan*, perniagaan, modal, ilmu keusahawanan. Untuk mendapat ilmu keusahawanan atau pun khidmat nasihat perlu kita berunding dengan pihak INSKEN, kita ada agensi sendiri seperti INSKEN dan MARA untuk memberi khidmat nasihat, latihan, kursus dan sebagainya.

Untuk memulakan perniagaan secara modal kecil mereka boleh berhubung dengan TEKUN, SME Bank dan MARA, kerana TEKUN memberi pinjaman awal atau pun pinjaman modal yang kecil mulai dari RM1,000 sehingga ke RM30,000. Manakala di MARA kita boleh beri pinjaman tanpa *collateral* atau pun tanpa cagaran dengan memberi di bawah RM50,000 dan di SME Bank kita beri pinjaman sehingga RM250,000 kepada pengusaha kecil.

Tuan Yang di-Pertua: Saya bercadang hendak habiskan soalan 15 petak atas semangat Timbalan-timbalan Menteri yang begitu bersemangat hadir untuk menjawab. Puan Siti Zailah.

15. Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff minta Perdana Menteri menyatakan perkembangan terkini pendaratan gas di Songkhla. Berapakah jumlah perbelanjaan yang telah dikeluarkan dan berapakah pula jumlah hasil yang diperolehi setakat ini. Bilakah saluran paip akan tiba dan operasi dapat dimulakan di Changloon, Kedah.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat penyaluran gas yang pertama dari kawasan pihak berkuasa Pembangunan Bersama Malaysia-Thailand atau Malaysia-Thailand Joint Development Area (MT-JDA) bermula pada Januari 2005 melalui saluran paip gas

di Songkhla, Thailand. Gas tersebut merentasi sempadan Malaysia-Thailand dan di sambung dengan Sistem Penghantaran Gas Semenanjung atau Peninsular Gas Utilization (PGU) di Changloon, Kedah. Buat masa ini gas tersebut digunakan oleh Penjana Kuasa Teknologi Tenaga Perlis Konsortium (DTBC) dan Petronas Fertilizer Kedah (PFK) di Gurun, Kedah.

Jumlah perbelanjaan yang dikeluarkan oleh kerajaan Malaysia dalam MTJDA adalah sebanyak USD9.38 juta dan sejumlah yang sama turut dikeluarkan oleh kerajaan Thailand bagi perbelanjaan operasi. Manakala sehingga 28 Februari 2006, perbelanjaan pembangunan seperti pembinaan saluran paip gas dan loji pemprosesan gas serta lain-lain infrastruktur adalah ditanggung oleh kontraktor berdasarkan kontrak Pembangunan Pengeluaran atau pun *Production Sharing Contract* (PSC). Jumlah hasil yang diperolehi oleh kerajaan Malaysia dari MTJDA sehingga 28 Februari 2006 adalah berjumlah USD43.94 juta iaitu USD17.5 juta melalui pembayaran royalti dan USD26.44 juta melalui keuntungan petroleum.

Tuan Yang di-Pertua: Saya mohon ehsan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk saya selesaikan dalam masa lima minit lagi. Yang Berhormat Puan Siti Zailah.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, berapakah royalti yang telah dibayar oleh kerajaan kepada negara Thai dan negeri Kedah?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, macam saya sebutkan tadi, iaitu perjanjian kita melalui perkara ini ialah berdasarkan 50-50.

14. Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani menyatakan sama ada Kementerian yakin dengan peruntukan RM11.4 bilion untuk sektor pertanian benar-benar dapat melonjak sektor tersebut agar memainkan peranan sebagai jentera penggerak pertumbuhan KDNK dengan pertumbuhan 5% setahun dalam jangka masa lima tahun di bawah RMK-9.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, Kerajaan telah menyediakan peruntukan pembangunan berjumlah RM11.4 bilion untuk sektor pertanian. Daripada jumlah ini, sejumlah RM6.96 bilion atau 61% telah diperuntukkan untuk sektor agro makanan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Melalui peruntukan pembangunan berjumlah RM6.96 bilion ini, kementerian akan memajukan kegiatan agro makanan yang menjanakan pulangan yang lumayan seperti berikut:-

- (i) menambahkan pengeluaran perikanan, tanaman dan ternakan seperti zon industri akuakultur, program penambahan daging negara dan taman kekal pengeluaran makanan;
- (ii) memajukan sumber pertumbuhan baru seperti industri asas tani, pengeluaran halal dan agro bio-teknologi, dan

- (iii) memajukan industri bukan makanan seperti ikan hiasan dan bunga-bunga. Walaupun Kementerian telah mengenalpasti kegiatan-kegiatan agro makanan dan bukan makanan yang berpotensi untuk menjana pertumbuhan bagi mencapai nilai ditambah yang disasarkan berjumlah 7.6% setahun, perancangan ini memerlukan beberapa angkubah luaran. Angkubah ini termasuklah perubahan minda di kalangan stake holders, keperluan kawasan pertanian tambahan, kerjasama..

Tuan Yang di-Pertua: Kebetulan Dewan sedang membahas Usul mengenai Rancangan Malaysia Kesembilan, jadi kalau Yang Berhormat boleh bantu saya selesaikan soalan ini?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Saya habiskan. *Settle* sedikit ini. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, kerjasama pelbagai kementerian yang terlibat dalam pembangunan luar bandar, penyediaan insentif fiskal dan bukan fiskal, bagi menarik pelaburan swasta. Terima kasih.

15. Tuan Chua Kim Chuan minta Menteri Kewangan menyatakan bahawa Kerajaan telah menggalakkan peniaga persendirian untuk membuka akaun EPF, adakah Kerajaan bercadang menetapkan peraturan agar suami-suami mencarum EPF untuk isteri-isteri.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan sehingga soalan 15 untuk membolehkan saya menjawab soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tak mahu sia-siakan masa Yang Berhormat.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, jasa Tuan Yang di-Pertua saya akan kenang selama-lamanya. Pertama Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini, suami-suami tidak diwajibkan untuk menyumbang kepada caruman KWSP bagi faedah isteri-isteri, tidak diwajibkan. Kerajaan buat masa ini tidak bercadang untuk mewajibkan keperluan tersebut. Keduaanya, suami-suami yang mempunyai keprihatinan yang tinggi masih dapat menyumbang untuk isteri-isteri melalui skim caruman sukarela, *voluntary*. Yang mana diperuntukkan kepada bukan majikan, bukan pekerja, iaitu bekerja sendiri dan golongan-golongan lain yang ingin membuat caruman.

Setakat ini, terdapat 60 ribu orang yang membuat caruman di bawah skim sukarela ini, yang aktifnya ialah sebanyak 42 ribu pencarum. Jumlah caruman sekarang ini dari kalangan tersebut ialah RM525 juta, lebih setengah bilion. Purata sumbangan adalah sebanyak RM12 ribu dengan syarat yang dikenakan kepada penyumbang sukarela ini, minimumnya RM50.00 sebulan dan maksimumnya tidak boleh lebih daripada RM5,000 sebulan. Ketiganya, kita tidak bercadang

untuk mewajibkan suami-suami menyumbang kerana bimbang terdapat suami-suami yang tidak mampu. Kalau sudah dikenakan sebagai satu kewajipan, maka mungkin ramai suami yang tidak mampu ini terpaksa diheret ke mahkamah dan mungkin juga dikena penjarakan. Malang sekali kepada isteri-isteri yang mengharap kepada sumbangan KWSP, malangnya mungkin akhirnya melihat suami mereka berada dalam penjara. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Masa cukup.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL-USUL

PERLANTIKAN AHLI-AHLI JAWATANKUASA PEMILIH

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 70(1), Majlis Dewan Negara memutuskan iaitu Ahli-ahli yang berikut hendaklah dilantik menjadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Penggal Ketiga Parlimen Kesebelas. Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan adalah seperti berikut:”

1. Y.B. Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid bin Pawanteh *[Pengerusi]*
2. Y.B. Dato' Ir. Wong Foon Meng
3. Y.B. Dato' Hamzah bin Zainudin
4. Y.B. Dato' Dr. Vijayarajnam a/l Seevarajnam
5. Y.B. Dato' Sri Empiang Jabu

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

USUL

RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN (2006 – 2010)

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah;

“Bahawa Dewan ini,

menyedari akan pertumbuhan ekonomi serta pencapaian sosioekonomi yang baik semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelapan di sebalik persekitaran global yang begitu mencabar;

merestui usaha kerajaan untuk melaksanakan Misi Nasional sebagai rangka dasar dan pelaksanaan pembangunan yang terdiri daripada lima teras utama bagi mencapai matlamat Wawasan 2020;

meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan yang merangkumi strategi, program dan peruntukan yang diperlukan bagi tujuan untuk merealisasikan Misi Nasional dan menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih maju, saksama dan bersatu padu seperti dibentangkan dalam Kertas Perintah CMD 1 Tahun 2006;

bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya berusaha dengan keazaman dan iltizam yang teguh untuk membangun negara bersama-sama kerajaan ke arah menjadi negara yang makmur, progresif, adil, berdaya tahan dan berdaya saing.” **[22 Mei 2006]**

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid menyambung ucapan.

11.27 pagi

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Bismillah hirrahmannirrahim. Assalamualaikum warrahmatullahi taala wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya menyambung perbahasan semalam. Perbahasan mengenai Melayu sebagai *global players*. Istilah lain seperti yang pernah disebut, yang selalu disebut oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri, sebagai Melayu Glokal.

Saya mohon maaf kepada rakan-rakan, Ahli Dewan daripada kaum Cina, India, Sabah dan Sarawak kerana saya terpaksa banyak menyentuh mengenai siswazah Melayu kerana siswazah Melayulah yang paling ramai menganggur di negara kita ini. Semalam saya telah menyentuh peranan yang harus dimainkan oleh Kementerian Sumber Manusia dan Unit Perancang Ekonomi dalam menentukan siswazah menerima latihan kemahiran bagi mengatasi masalah siswazah menganggur serta kegagalan EPU meramalkan keperluan negara dan industri

sebenarnya serta gagal memaklumkan *statistic supply and demand* dalam Rancangan-rancangan Malaysia yang terdahulu.

Hari ini, saya juga ingin bertanya kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk melahirkan usahawan siswazah. Apakah program-program yang mampu untuk mewujudkan usahawan siswazah di kalangan pelajar Melayu. Apabila mereka ini bergelar usahawan dan sudah bersedia untuk menceburi bidang perniagaan, apakah bentuk bantuan dan pinjaman yang disediakan oleh kementerian untuk mereka terus mengembangkan perniagaan di arus perdana ini.

Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan telah pun menyebut tentang pinjaman TEKUN sebanyak RM5 ribu. Ada yang RM30 ribu, ada yang sampai ke RM50 ribu. Kita juga difahamkan, kementerian banyak menyediakan peruntukan untuk membantu usahawan terutama yang baru naik. Peruntukan atau dana ini, telah disimpan di bank-bank perdagangan termasuk disebut tadi bank SME.

Yang menjadi masalah sekarang ini sama ada usahawan baru ataupun usahawan lama sangat payah untuk memperolehi pinjaman. Banyak sangat prosedur dan *red tape* termasuk menyediakan cagaran walaupun disebut tadi ada pinjaman tanpa cagaran tetapi kalau pinjaman itu besar sedikit, cagaran dalam bentuk tanah dan harta serta mencari penjamin yang berkemampuan perlu diadakan. Kadangkala bila mereka berurusan dengan bank, pegawai-pegawai memandang rendah keupayaan usahawan terutama yang baru naik ini.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Pelbagai alasan diberikan untuk menolak permohonan mereka. Ada kala mereka memang layak tetapi pegawai bank tidak ikhlas. Kadang-kadang pinjaman diluluskan kerana “ada udang di sebalik batu” atau sama garu-menggaru, dengan izin, “*I scratch your back, you scratch my back*”. Kenapakah kementerian tidak menyediakan jalan mudah bagi mereka? Dengan kata lain, mempermudah pinjaman ini. Jika ini dapat dilakukan, maka masalah siswazah menganggur di kalangan kaum Melayu akan dapat dikurangkan.

Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian dalam usaha memupuk budaya kecemerlangan dan berprestasi tinggi iaitu program untuk transformasi syarikat berkaitan dengan kerajaan, *government link companies*? Ia mula dilaksanakan pada tahun 2004 untuk memupuk budaya berprestasi tinggi dan kecemerlangan di kalangan GLC. Bagaimanakah kerajaan dapat memastikan bahawa GLC seperti Petronas, Telekom, TNB dan seterusnya dapat memainkan peranan dalam memberikan peluang latihan dan pendedahan kepada siswazah menganggur dengan memberikan pekerjaan kepada mereka supaya dapat bergerak ke arah penciptaan *global players* dan *global talent*, terutama di kalangan siswazah Melayu yang menganggur.

Tuan Yang di-Pertua, inilah pertanyaan yang harus dijawab oleh kementerian-kementerian berkenaan bagi memastikan kaum Melayu dapat bersaing sebagai *global players* dan persoalan yang saya timbulkan ini, apakah ia bersifat terlalu umum atau menepati kehendak kerajaan bagi menjayakan Rancangan Malaysia kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada isu yang kedua iaitu mengenai isu bahasa. Saya percaya dalam pembentangan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak tempoh hari, beliau banyak menyentuh dan menggunakan bahasa-bahasa dan istilah-istilah yang tidak difahami yang pernah kita dengar tetapi sampai ke hari ini kita tidak faham. Sebenarnya saya bukan seorang ahli bahasa tetapi saya seorang pencinta bahasa. Yang menjadi ahli bahasa adalah Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah dan Yang Berhormat Datuk Dr. Jins Shamsudin. Datuk Dr. Jins Shamsudin pun seorang seniman, bukan seorang ahli bahasa.

Isu yang saya ingin timbulkan ialah isu bahasa rojak dan pendaulatan Bahasa Melayu serta memperkasakan bahasa kebangsaan. Buat masa ini bahasa rasmi yang digunakan oleh media arus perdana adalah dianggap benar dan betul, tetapi amalan masyarakat, bahasa rojak sudah berleluasa hingga ke ceruk-ceruk luar bandar. Akibat perluasan bahasa Inggeris yang separuh masak, lebih-lebih lagi dengan semangat pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, maka bahasa rojak Melayu-Inggeris bertambah rancak.

Bahasa rojak tidak diiktiraf secara rasmi tetapi dari segi percakapan harian, ia lebih luas digunakan berbanding bahasa rasmi. Bahasa Melayu rasmi bagaimanapun masih dominan dalam bentuk penulisan dan media arus perdana tetapi ciri-ciri kerojakan sudah menjalar masuk dan ia menimbulkan kebimbangan saya sendiri sebagai pencinta bahasa. Jika asakan terhadap penggunaan bahasa rojak begitu kuat, saya bimbang ia akan menjadi bahasa yang diiktiraf dan dominan. Sebaliknya bahasa rasmi yang akan menjadi terpencil dan hanya digunakan oleh golongan elit tertentu yang masih kuat mempertahankan ketulenannya.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, minta laluan.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Sila Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Dr. Haji Mohd. Puad.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya isu bahasa ini sudah banyak diperkatakan tentang bahasa rojak, penggunaan bahasa yang tidak betul, tetapi kita lihat seolah-olah tidak ada satu lagi pendekatan ataupun mekanisme untuk mengatasinya, bahkan semakin berleluasa dan semakin membingungkan. Kalau kita lihat contohnya di TV kita, drama-drama TV kita, bahasa yang digunakan bercampur aduk. Kadang-kadang kita tengok pun kita rasa tidak seronok, rasa meluat dan sebagainya. Maka antara yang dibangkitkan Yang Berhormat ialah peranan Dewan Bahasa dan Pustaka ini iaitu mereka ini hanya ada kuasa dari segi pemantauan tetapi tidak ada kuasa dari segi penguatkuasaan. Jadi tidak ada penyelarasan sebenarnya.

Jadi pada pandangan Yang Berhormat, perlu tidak maksudnya kita minta supaya kerajaan memikirkan balik bagaimana maksudnya ada satu badan khusus seperti Dewan Bahasa dan Pustaka ini, beri sahaja kuasa penguatkuasaan ini untuk ambil tindakan, bukannya PBT. Sekarang ini Dewan Bahasa dan Pustaka kata PBT. PBT pula ia memang tidak tahu hendak memantau soal bahasa sebab itu bukan bidang dia. Kuasa di tangan dia. Ini menjadi masalah. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat sebut tadi tetapi apa yang saya faham, di peringkat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sudah ada satu jawatankuasa penyelarasan yang terdiri daripada pegawai-pegawai dari Dewan Bandaraya untuk menukarkan perkataan-perkataan Inggeris kepada perkataan Melayu seperti nama-nama tempat, nama-nama taman dan sebagainya. Tetapi di peringkat Kementerian Pelajaran, mereka harus *control* Dewan Bahasa dan Pustaka.

Yang menjadi masalah yang saya akan sentuh kemudian ini ialah kadang-kadang pihak Dewan Bahasa dan Pustaka sudah pun membuat keputusan tetapi apabila seorang menteri itu mengkehendaki penggunaan bahasa itu diperlukan untuk sesuatu slogan, ianya harus diputuskan di Kabinet. Jadi Kabinetlah jawatankuasa yang terakhir untuk putuskan perkara ini. Bagaimanapun saya akan sentuh kembali apa yang disebut oleh Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad tadi.

Baru-baru ini TV3 telah meminda perkataan Konsert 'Sure Heboh' kepada 'Jom Heboh'. Perubahan ini memakan belanja kos yang begitu besar melebihi RM1 juta. RTM juga menukarkan tema saluran TV1 dan TV2, dari 'Infotainment' kepada 'Inforia'. Kosnya kita tidak tahu. Tetapi yang kita ketahui Yang Berhormat Dato' Kadir bin Sheikh Fadzir, bekas Menteri Penerangan kita dahulu kena jawab bertalu-talu pada tahun lalu kerana telah mempertahankan perkataan tema 'Infotainment' itu.

Perubahan kedua-dua ini adalah TV merupakan media penting yang boleh sama ada memesongkan fikiran rakyat atau menambah ilmu pengetahuan kepada rakyat. Oleh yang demikian, teguran bahasa rojak ini mendapat perhatian kerajaan. Ini juga hasil pandangan cendekiawan dan karyawan Melayu yang mahukan supaya pendaulatan bahasa Melayu perlu dibuat dengan bersungguh-sungguh. Pembetulan atau ratifikasi harus dibuat sekarang. Jika tidak, penggunaan bahasa rojak akan merebak dan susah di kawal.

Dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kesembilan ini saya mahu kita lihat jauh ke belakang bagaimana bahasa Melayu asli telah tercemar dan payah untuk diubah apabila kita mula menggunakan bahasa Inggeris yang dimelayukan. Saya tidak tahu apa sebabnya. Mungkin kerana istilah dalam penggunaan untuk Sains dan Matematik yang payah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu, maka penggunaan bahasa Inggeris yang dimelayukan lebih baik. Bila bahasa Inggeris untuk Sains dan Matematik telah dimelayukan, maka perkataan Inggeris yang lain tumpang sekali digunakan.

Bagaimanapun bahasa Melayu yang mudah dan senang difahami dan telah diinggeriskan kerana sebutannya sedap didengar. Yang menyebut dianggap hebat dan bertaraf tinggi. Yang mendengar juga hebat tetapi kadang-kadang tidak faham apa-apa pun.

Soalannya, bagaimana kita hendak memperkasakan bahasa Melayu jika kita masih menggunakan istilah bahasa Inggeris yang dimelayukan. Walau bagaimanapun, kita harus lihat kembali apakah perlu digunakan bahasa ini sedangkan lebih mudah difahami jika menyebut bahasa Melayu yang asli daripada yang telah diinggeriskan. Dalam pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tempoh hari, saya telah mendengar dia menyebut perkataan '*premier*', '*sekunder*' dan '*tertiary*'. Maknanya, 'rendah', 'menengah' dan 'tinggi'. Itu lebih sesuai.

Contoh-contoh lain yang biasa digunakan perkataan Melayu, 'implikasi'. Inggerisnya '*implication*' dan maksudnya adalah kesan. 'Informasi', perkataan Inggerisnya '*information*' dan maknanya maklumat. RTM maklumat atau saluran maklumat anda. Bukankah lebih sedap dan lebih baik daripada 'Info Ria'. 'Polarisasi', perkataan Inggerisnya '*polarization*'. Keadaan terdapatnya organisasi, '*organization*' daripada perkataan Inggerisnya. 'Pertubuhan Bukan Kerajaan', 'NGO' lebih sedap disebut. Selain daripada itu kita biasa mendengar perkataan 'eksekutif' dalam Melayunya disebut asalnya Inggeris '*executive*', orang yang mempunyai kuasa dan di bank-bank tersebut 'komersial' ataupun di dalam Inggerisnya '*commercial*', Bank Perdagangan. 'Dagang' orang sebut 'Bank Komersial', tidak sedap bunyinya. 'Komunikasi' asal usulnya adalah '*communication*', perhubungan.

Berkomunikasi itu bermaknanya berhubung. '*Mass communication*', '*mass com*' sedap bunyinya. 'Industri' asal usulnya '*industry*'. Perusahaan kecil dan sederhana, Dato' Najib sebut Pusat PKS tetapi orang kata IKS. Satu lagi perkataan 'pedagogi'. Yang Berhormat fahamkah tidak apa makna 'pedagogi'? [*Bertanya kepada salah seorang Ahli Yang Berhormat*] Tidak faham? Jadi susahlah Yang Berhormat tidak faham.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, minta laluan.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Sila, sila.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih. Yang Berhormat, dalam soal bahasa ini, dia akan melalui satu proses sebenarnya untuk kita menjadikan bahasa itu adalah satu bahasa yang *international*, bahasa yang juga sebenarnya melalui proses kemajuan. Maka, timbullah seperti istilah-istilah yang disebut oleh Yang Berhormat tadi seperti 'organisasi', 'sekunder', 'pedagogi' dan sebagainya. Itu maksudnya ialah, dari segi tujuannya ialah untuk memperkukuhkan keupayaan bahasa, terutamanya bahasa Melayu. Jadi apakah bila Yang Berhormat membangkitkan perkara itu, maksudnya Yang Berhormat tidak setuju dalam soal pemodenan bahasa? Barangkali saya boleh bersetuju dengan Yang Berhormat tentang persoalan bahasa rojak. Bahasa kita yang sudah menjadi rojak ini tidak sama dengan persoalan, pemodenan bahasa sebenarnya.

Jadi apakah Yang Berhormat tidak mahu atau tidak bersetuju membezakan di antara pemodenan bahasa, daripada di zaman Za'aba sedikit, peristilahannya maka dipermodenkan. Tetapi saya rasa kita tidaklah seteruk seperti di Indonesia yang suka meringkas-ringkaskan sesuatu perkataan seperti 'wapres'. Rupanya, maksudnya wakil Presiden. Kita pun kadang-kadang keliru dengan istilah-istilah yang seperti itu. Tetapi di negara kita ada juga seperti 'glokal'. Tetapi saya tidak tahulah Yang Berhormat setujukah tidak bila sebut 'glokal' ini. Ini saya ingat minta pandangan Yang Berhormatlah.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Saya 'glokal' tidak berapa setuju tetapi Golkar saya setuju, iaitu parti di Indonesia. *[Ketawa]* Saya hendak sebut, kita boleh guna. Bagi orang yang mempunyai pengetahuan yang tinggi, kita boleh guna perkataan ini. Tetapi bagi budak-budak sekolah, sekolah menengah misalnya, tingkatan satu dan dua, dia tidak erti apa-apa. Bagi orang kampung misalnya, dia tidak tahu. Kalau kata *information*, dia tidak tahu. Dia kata maklumat, saya faham itu maklumat. Itu yang saya cuba terangkan di sini. Jadi saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Batu Pahat tetapi penggunaan bahasa ini digunakan untuk orang-orang yang pengetahuannya tinggi. Bagi pengetahuan yang rendah, kita kena guna bahasa yang biasa, yang pernah disebut hari-hari.

'Pedagogi' tadi Yang Berhormat saya hendak sebut, maknanya adalah kajian tentang kaedah dan prinsip pengajaran. Dalam teras kedua, memupuk minda kelas pertama, ayatnya meningkatkan kemahiran 'pedagogi' dan membolehkan penggunaan ICT yang meluas di bidang pendidikan. Itu yang disebut 'pedagogi'. Jadi orang macam kita ini di Dewan ini, ada yang tidak faham, ada yang faham. Semua perkataan ini terdapat dalam Kamus Dewan. Ini Kamus Dewan saya bawa, warna merah. *[Menunjukkan Kamus Dewan yang dimaksudkan]*. Ini yang terbaharu. Jangan pakai warna hijau. Hijau itu yang terdahulu. Ini merah, ini UMNO. Yang hijau itu tidak tahu, minta maaf, tidak mahu komen. *[Ketawa]*

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Soalannya, apakah semua perkataan dan istilah dalam Kamus Dewan boleh digunakan dalam percakapan harian?

Datuk Dr. Jins Shamsudin: Minta laluan Yang Berhormat.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Ada lagi? Sila.

Datuk Dr. Jins Shamsudin: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik tentang perbahasan Yang Berhormat mengenai bahasa. Secara kebetulan saya terlibat dalam menggubal istilah bahasa di Dewan Bahasa sebagai salah seorang jawatankuasa. Istilah bahasa komunikasi, jadi termasuklah bahasa filem dan sebagainya. Mungkin Yang Berhormat tidak ada buku istilah komunikasi sebab istilah itu ada berbeza-beza. Istilah komunikasi, istilah perbankan dan sebagainya. Jadi di antara istilah komunikasi itu termasuklah istilah seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, istilah-istilah yang ada kaitan dengan komunikasi seperti dahulu kita sudah ada utusan Raja Melaka ke negeri China. Tetapi kita tidak pakai utusan, kita pakai komunikasi. Jadi ini hal-hal yang harus dilihat melalui istilah.

Jadi oleh kerana itu, dalam buku istilah tertentu itu, barangkali ada, sudah pun Dewan Bahasa dan Pustaka telah mengadakan beberapa jawatankuasa khusus untuk mengumpulkan istilah-istilah tertentu. Mungkin di antara istilah itu bolehlah digunakan sebab selalunya istilah ini ada dua. Satu istilah-istilah komunikasi termasuk dalam filem juga telah kita gubal. Istilah-istilah umpamanya sebagai contoh, 'sindela' sebagai *aperture*, sebagai contoh. Istilah-istilah ini, cuma apa yang berlaku ialah penggunaan istilah ini kerana tidak meluas. Jadi oleh kerana istilah itu ada sebenarnya, tetapi oleh kerana tidak ada penggunaannya, mereka tidak menggunakannya, terutama sekali barangkali kita harus menerangkan supaya akhbar-akhbar tempatan menggunakan istilah ini.

Jadi dengan adanya istilah ini juga, boleh kita perbaiki. Saya boleh memberi sedikit lagi pandangan mengenai istilah ini juga. Istilah kepada seniman, karyawan, artis ini juga adalah berbeza. Saya pernah menyuarakan ini sebab seniman berbeza dengan artis dan semuanya dia borong artis. Jadi semua orang panggil artis sedangkan kita ada seniman, kita ada biduan, kita ada biduanita, kita ada penyanyi, kita ada pemuzik dan sebagainya. Tetapi bila terlibat di dalam bidang seni ini, semuanya artis. Kadang-kadang mengelirukan. Kalau ada seseorang yang melakukan sesuatu yang tidak baik, ditunjukkan kepada artis. Jadi terlibat kesemuanya. Haruslah ada satu pemantauan dan saya harap Yang Berhormat, apakah cadangan Yang Berhormat, supaya perkara ini dapat kita laksanakan. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, saya minta laluan sedikit untuk menambah hujah itu tadi iaitu soal, sebab di dalam bahasa Melayu ini, ada disebut iaitu dipanggil "maju bahasa, majulah bangsa". Jadi sebab itulah saya mengatakan tadi, soal pemodenan bahasa ini, sebab kita mahu menjadikan bahasa Melayu itu sebagai bahasa ilmu. Sebab itulah, ada dipinjam beberapa istilah daripada bahasa Inggeris. Sebab itu kita tidak lagi menggunakan istilah-istilah lama. Kalau ikutkan dahulu macam 'arakan'. Ada perkataan-perkataan tersebut dan sudah tidak sesuai kerana proses evolusi pemodenan bahasa yang tujuannya ialah supaya bahasa Melayu menjadi bahasa ilmu. Itu sebenarnya. Jadi saya menambah hujah sayalah, yang dikaitkan dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Datuk Dr. Jins Shamsudin tadi.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Kedua-dua pandangan Yang Berhormat tadi memang saya bersetuju.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua....

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Ada lagi? Yang ini ahli bahasa ini, *very good interfere*. [Ketawa]

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih saya sebenarnya bukan ahli bahasa. Saya sekadar bekas guru bahasa masa di sekolah dulu. Tapi, oleh kerana Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, menunjukkan kamus, kamus merah, kamus merah ini barangkali kamus yang mutakhir saya rasa. Bagi pandangan setengah-setengah ahli bahasa saya minta maaf saya bukan ahli bahasa, pandangan setengah-setengah ahli bahasa. Bila perkataan itu sekarang

kita membincangkan perkataan Melayu telah dimasukkan di dalam kamus maka dengan sendirinya perkataan itu menjadi kata-kata bahasa itu. Jadi, sekarang yang kita sebutnya lah kata bahasa Melayu. Katalah misalnya sebagai contoh di dalam kamus yang ada di depan Yang Berhormat itu ada perkataan informasi, maka perkataan informasi itu sesungguhnya sudah boleh diterima sebagai perkataan Melayu.

Perkataan yang terakhir saya rasa kalau saya tak salah ingatan saya yang disebut-sebut ialah perkataan '*ori*', *ori* daripada perkataan *original*. Ini pun setengah-setengah berpendapat sudah boleh dipakai sebagai perkataan Melayu. Beli bila ori, ha itu seperti apa benda ni kenyataan yang dibuat oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri. Ha itu yang saya sebagai anulah apa benda ni sedikit maklumat yang saya tahu berhubung dengan perkamusan dan perkembangan perkataan-perkataan mutakhir sekali. Terima kasih.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Yang Berhormat, saya kurang setuju dengan Yang Berhormat, kerana tidak semua dalam perkataan dalam kamus dewan ini boleh digunakan kerana ianya ada berasal dari perkataan bahasa Indonesia, bahasa Jawa yang saya akan sentuh kemudian ini, yang kita boleh guna hanya perkataan yang kita faham yang berasal dari negara kita.

Pandangan kedua-dua Yang Berhormat itu tadi saya setuju dan eloklah kita minta pihak media untuk lebih menyebarkan perkataan-perkataan baru ini agar sentiasa kita lihat dan baca dalam surat khabar dan lepas itu kita sentiasa sahaja boleh menggunakan di mana-mana..

Dato' Hamzah bin Zainudin: Minta..

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Ada lagi, ahli bahasa ke apa ke? [*Ketawa*].

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sedikit penjelasan daripada Yang Berhormatlah kerana Yang Berhormat tidak bersetuju dengan beberapa Yang Berhormat atas cadangan bahasa tadi, kerana katanya setengah-setengah bahasa dalam kamus itu ada setengah-setengah bahasa yang diambil dari bahasa Jawa.

Apa salahnya kita ambil bahasa-bahasa orang Jawa, yang satu rumpun dengan kita daripada Yang Berhormat mengakui bahawa ada bahasa-bahasa yang datangnya jauh daripada negara kita daripada orang Inggeris contohnya '*dichotomy*' contoh, banyak-banyak contoh yang ada. Pada saya, saya lebih suka kerana dalam rumpun Melayu yang ada di sekitar kita ini, saya lebih suka kalau kita petik bahasa datang daripada bahasa Tagalog, bahasa orang Jawa, bahasa orang Bugis daripada bahasa yang datangnya jauh mungkin daripada Eropah sana.

Jadi, mengapa tidak kita kaji semula supaya bahasa-bahasa yang digunakan ini juga kita boleh ambil, sebab tu saya tanya di sebelah saya tadi? Saya Yang Berhormat Senator Siti Zailah pandai bahasa Arab, jadi saya tanya contohnya Parlimen dalam bahasa Arab itu apa? Yang boleh kita gantikan daripada kita guna Parlimen, mungkin kita gantikan dengan bahasa Jawa atau bahasa orang Arab yang mungkin ada dalam digunakan dahulu kala. Apa pandangan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Jins Shamsudin: Yang Berhormat, boleh saya sambung sikit tadi, nak tambah sikit. Dalam peraturan pengistilahan Dewan Bahasa dan Pustaka dia telah memberikan peraturannya pertamanya sekali untuk mencari istilah-istilah dalam bahasa Melayu, pertama mestilah mencari istilah-istilah tempatan.

Apabila tidak ada istilah di tempatan kemudian kita pergi kepada daerah seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi kita boleh ambil istilah-istilah di daerah kita termasuklah di Sabah di Sarawak dan di Kedah istilah-istilah daerah.

Jadi, kalau sudah tidak ada istilah itu kita pergi kepada istilah bahasa Arab, lepas itu baru kita pergi kepada istilah bahasa Inggeris dan sebagainya. Jadi, itu cara pengistilahan di Dewan Bahasa untuk pengetahuan semua. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Apa yang saya sebut tadi, gunakan bahasa kita dahulu kalau tak dapat barulah cari. Tapi, saya nak tanya Yang Berhormat Dato' Hamzah. Kita kalau Dato' Hamzah setuju pakai Jawa, saya nak tanya apa beza 'mampan' dengan 'mapan' cuba bagi makna dia, tak tahu ha, itulah masalah, masalah yang kita tak faham, apa maknanya tuntas tak tahu..

Seorang Ahli: Lagi tak faham.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Lagi pulak tak faham, yang mendengar lagi di belakang-belakang lagi tak faham. Jadi, bermaknanya lebih baik kita gunakan perkataan yang kita faham 'tuntas' itu bermaksud sempurna. Bahasa Melayu itu tuntas, bahasa Melayu itu sempurna. Saya sambung balik..

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat minta laluan Yang Berhormat. Saya rasa apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ini yang dikaitkan dengan suatu ketika dulu kita memang cuba apa ni meningkatkan soal penggunaan bahasa baku ya. Dan saya pun tidak tahu apa sudah jadi dengan bahasa baku ini. Sebab itulah kita banyak juga mengambil istilah-istilah daripada Indonesia.

Sebab itu saya kata tujuannya ialah untuk memperkukuhkan bahasa Melayu kita. Sebab itu tidak ada maksudnya contohnya perkataan universiti, tidak ada maksudnya di dunia ini baik China dan sebagainya tidak menggunakan perkataan universiti. Semua Arab pun mengguna bahasa perkataan universiti cuma bezanya nanti ialah universitas ke universiti ke dan sebagainya itu sahaja. Tapi, asalnya universiti ya, dia terpaksa juga ambil perkataan daripada Inggeris.

Ini baku kerana dalam amalan orang Inggeris mereka juga ada bahasa baku. Saya ambil contoh Tuan Yang di-Pertua, di Scotland ya, mereka ada bahasa baku iaitu mereka tak boleh sebut perkataan Tee (T) contohnya dengan izin, '*you want hot water*' dia kena sebut '*you were ho' wa'er*' dia tak sebut '*water*' tu dia tak sebut '*water*', dia sebut '*waer*', dia tak boleh sebut tee (t) ini bahasa baku mereka ya, ataupun di Yorkshire kalau 'bas' dipanggil '*bus*', '*black*' dengan izin, 'blak' itu mengikut ejaan tersebut.

Sebab itu kenapa satu ketika dulu kita bersetuju supaya kita menggunakan bahasa baku ya, kerana ini yang asal digunakan dulu dan di sinilah kita mengambil bahasa-bahasa daripada bahasa Jawa, Indonesia dan sebagainya. Jadi, apakah Yang Berhormat tidak setuju bahawa baku ini kita perkukuhkan kembali.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Err, saya memang tidak bersetuju baku ini diperkukuhkan kembali kerana ada alasan-alasan yang saya akan masuk kemudian Yang Berhormat kena sabar sikit ya [*Ketawa*]. Saya nak sambung perkataan-perkataan yang sudah menjadi darah daging yang agak sukar untuk diubah lagi, perkataan-perkataan tadilah akan tetapi jika kita betul-betul bersungguh-bersungguh untuk mendaulatkan – saya masuk isu pendaulatan bahasa kebangsaan dan memperkasakan bahasa Melayu, itu sebab isu ini saya masukkan dalam perbahasan ini.

Akan tetapi kita kalau jika kita betul-betul untuk mendaulatkan bahasa Melayu cadangan penggunaan bahasa Melayu asli ini harus dikaji sedalam-dalamnya jika tidak soal memperkasakan bahasa kebangsaan hanya tinggal angan-angan. Penggunaan bahasa Indonesia, bahasa Jawa, bahasa daerah serta dialek kenegerian juga perlu diberi perhatian jika mahu mendaulatkan bahasa Melayu. Kekadang bahasa ini..

Tuan Ismail bin Kassim: Minta laluan.

Tuan Ismail bin Kassim: Yang Berhormat. Terima kasih kepada Yang Berhormat kerana Datuk Rizuan laluan diberikan. Saya ingin minta pandangan dan penjelasan daripada Yang Berhormat apabila Yang Berhormat menyebut tentang bahasa baku dan sebagainya saya kebetulan menonton di luar tadi perdebatan polemik yang agak hebat juga di antara Yang Berhormat dan juga Dr. Haji Mohd. Puad kerana sebagaimana yang kita maklum bahasa ini kalau dia mahu menjadi bahasa yang terkenal dan penggunaan yang meluas.

Dia yang pertama bahasa ini mesti dia anjal, dia boleh menerima semua keadaan masuk penyerapan istilah-istilah asing ke dalam bahasan berkenaan baru bahasa itu menjadi kuat, kukuh dan padu. Kerana yang menjadi masalah sekarang dasar kita ini terlalu kerap ditukar kemudian apabila kerap ditukar kita tidak berpegang kepada satu prinsip.

Sebab itulah kita kalau hendak dikaji dari segi asal usulnya, saya merasakan kita ada berbagai-bagai sejarah yang kalau kita lihat kita ada kaitan dengan bahasa Melayu Deli, kita ada bahasa Melayu Riau, kita ada bahasa Melayu ... dan pelbagai. Tetapi garis panduannya yang cuba telah ditetapkan oleh pihak kerajaan suatu masa dahulu, kemudian kita cuba gunakan Bahasa Malaysia baku pada suatu ketika dan telah pun di buat stesen TV swasta dan kita lihat kalau ia meluas dan dapat diterima umum, maka itulah bahasa pada pandangan saya. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung dengan perkara ini.

Datuk Haji Ridzuan bin Abd. Hamid: Saya akan masuk dalam ucapan saya yang seterusnya kerana pertanyaan Yang Berhormat itu ada berkaitan dengan hujah-hujah saya. Saya ingin sambung balik. Kadang-kadang bahasa ini susah difahami oleh murid-murid sekolah,

tambahan pula mereka yang mula mempelajari bahasa Melayu di kalangan orang India, Cina, Dayak dan Kadazan. Menyebutnya juga agak payah dan penggunaan bahasa dalam sesetengah yang mempunyai maksud yang berlainan jika tersalah letak.

Sama juga persoalan apakah semua bahasa yang asal usulnya daripada Indonesia yang terdapat dalam Kamus Dewan ini boleh digunakan dengan sewenang-wenangnya. Contohnya, 'mampan'. Dulu tidak ada dalam kamus berwarna hijau, baru dimasukkan dalam kamus berwarna merah. Saya tidak tahu daripada mana perkataan 'mampan' ini. Yang saya tahu, 'mampan' bermaksud mampu, mengekalkan pencapaian, ekonomi mapan, dua perkataan, mampu dan pencapaian jadi 'mampan' agaknya sayalah tetapi kalau yang lebih arif, saya tidak tahulah.

Yang satu lagi Yang Berhormat Dato' Hamzah, mapan. Ini disebut oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa merasmikan Dewan Rakyat tempoh hari. Baginda mengatakan pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan 'mapan'. Bermakna tegas dan kukuh. Ekonomi yang tegas dan kukuh atau ekonomi kukuh dan seterusnya 'bobrok' daripada Jawa. Maksudnya rosak, takkan kita hendak kena 'bobrok' macam cakap-cakap di kampung 'bobrok'. Mana orang kampung hendak faham.

Satu lagi 'kembiri' yang saya tahu kambing biri-biri tetapi maksudnya bukan kambing biri-biri tetapi bermaksud 'kasi' hilang sifat kejantanannya. Tidak boleh disamakan dengan berdikari. 'Berdikari' adalah berdiri di atas kaki sendiri. Perkataan lain yang biasa digunakan ialah 'sukses'. Dalam bahasa harian kita di Dewan inilah pernahkah kita sukses? Itu daripada orang Indonesia yang bermaksud 'skses' iaitu berjaya iaitu bahasa Indonesia-Belanda. Satu lagi perkataan daripada bahasa Jawa 'semblerono' itu senang sahaja selalu biasa kita sebut yang bermaksud kurang teliti atau pun tidak berhati-hati.

Seterusnya bahasa kedaerahan dan dialek kenegerian. Contohnya 'Jom', itu loghat orang Kedah, kata ajakan mari. 'Jom Heboh' itu tema konsep TV3 sekarang ini. 'Pi - mai - depa' loghat utara. 'Mu - gi - demo - guano' loghat Kelantan. 'Mu nok gi guano?' 'Hok mu-mari'.....

Saya boleh cakap Kelantan dengan Perlis sebab saya separuh Kelantan, separuh Perlis. Bapa Kelantan, emak Perlis. 'Kelui', 'awat' Yang Berhormat fahamkah, 'kelui'? [*Bertanya kepada semua ahli-ahli Dewan*] Tidak faham. Kenapa tidak dibenarkan menggunakan ayat seperti ini?

'Jom kita pi sana!', 'Awat hang tak mai?', 'Depa dah pi kelui, tetapi hang tuli'.

Tuan Ismail bin Kassim: [*Bangun*]

Datuk Haji Ridzuan bin Abd. Hamid : Jika kita benarkan perkataan 'Jom heboh' kita kena juga benarkan perkataan 'Jom kita pergi sana'. Oleh itu, jika hendak mendaulatkan bahasa Melayu, perkataan 'Jom' tidak harus digunakan. Kenapakah kita ...

Tuan Ismail bin Kassim: Minta laluan Yang Berhormat.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: [*Bangun*]

Datuk Haji Ridzuan bin Abd. Hamid: Ya, sila, sila Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua : Ada Yang Berhormat bangun.

Tuan Ismail bin Kassim: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita melihat dialektologi, dialek seperti mana Yang Berhormat katakan dialek utara, dialek selatan, dialek timur dan sebagainya, dalam dialektologi ini kita melihat ianya tidak begitu diketengahkan.

Apa pandangan Yang Berhormat bagi membolehkan dialek-dialek ini yang bukan sahaja di utara, timur, selatan, tengah termasuk di Sabah dan Sarawak yang dikatakan berlainan sama sekali. Kalau di Sarawak kalau tidak silap saya itu 'ayam' dipanggil 'manok' dan sebagainya. Cuma kita buat suatu keadaan ataupun pihak televisyen misalnya menyiarkan suatu rancangan menyatukan balik segala dialek ini kemudian supaya dapat difahami dalam konteks pemahaman bermaksud dapat diterima ramai supaya pastikan bahawa dialek-dialek ini bukan sahaja dialek utara diketahui oleh orang selatan, dialek selatan diketahui orang timur dan sebaliknya. Maknanya difahami dari segi penggunaan seharian. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini.

Datuk Haji Ridzuan bin Abd. Hamid : Yang Berhormat, sahabat saya daripada Perlis. Kalau kita benarkan perkataan dialek-dialek utara selatan, sudah lama orang Malaysia faham. Sudah lama kita gunakan perkataan 'jom' tetapi bila kita disuruh belajar Darjah 1 sampai Darjah 6, Tingkatan 1 sampai universiti, kita tidak dibenarkan menggunakan perkataan bahasa dialek ini kerana kita dibenarkan menggunakan perkataan bahasa bersurat.

Itu sebab perkataan 'jom', 'pi', 'mai' tidak boleh pakai. Kalau sebut 'jom pi mai'...

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain : Minta laluan.

Datuk Haji Ridzuan bin Abd. Hamid : Ada lagi ya?

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain : Ada sedikit lagi. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, saya berpendapat bahawa Yang Berhormat Datuk Ridzuan telah lari daripada membicarakan soal memperkasakan bahasa kebangsaan. Saya tahu bahawa Yang Berhormat adalah berkelulusan HBP daripada USM. Saya rasa apabila Yang Berhormat membicarakan soal bahasa ini telah terkelencong daripada soal bahasa pasar dan bahasa standard.

Ada dua perkara, mana-mana bangsa di dunia ini, dia ada bahasa pasar dia seperti mana contoh yang diberi 'eh, jom kita pi sana', 'hang buat apa' – itu adalah bahasa pasar yang semestinya kita tidak boleh menggunakannya untuk bahasa standard. Cuma yang saya hendak mempersoalkan di sini ialah dalam soal kita memperkasakan bahasa kebangsaan ini.

Apakah tidak perlu kita mengambil bahasa baku, bahasa akar umbi kaum itu, daerah itu? Sebagai contohnya, kita gunakan perkataan 'kanyak' – kamu ini budak 'kanyak'. 'Kanyak' itu ialah bahasa bagi orang Kedah menunjukkan mentah, terlalu muda, tidak matang dan saya berpendapat bahawa dalam soal kita hendak memperkasakan Bahasa Kebangsaan ini, bahasa-bahasa yang digunakan dari akar umbi itu, boleh diketengahkan untuk memperkayakan bahasa

Melayu. Yang saya tidak bersetuju ialah kita mencantumkan perkataan-perkataan seperti yang disebut oleh beberapa Yang Berhormat tadi.

Saya juga tidak bersetuju untuk kita membahasmelayukan bahasa-bahasa Inggeris yang tidak universal penggunaannya. Tetapi bahasa Inggeris yang sudah universal penggunaannya seperti hospital, universiti tidak perlu lagi kita tukar kepada bahasa Melayu kerana ini ialah bahasa yang sudah pun universal.

Sebagai contoh, saya bersetuju dengan keputusan kerajaan untuk menukar penggunaan perkataan 'presint' di Putrajaya, 'parcel' dan sebagainya. Saya juga tidak bersetuju untuk memelayukan perkataan seperti 'komited' kita hendak memelayukan kerana ia mengganggu sebagai contoh imam-imam masjid di kampung apabila dia membaca khutbah Jumaat apabila sampai kepada perkataan 'komited' itu dia akan kata 'kepetot', jadi kerana perkataan ini bukan universal.

Tetapi kalau sekiranya dalam khutbah itu ditulis untuk dibaca 'hospital' sudah pasti dia tahu, dia akan baca hospital. Kerana itulah dalam mendaulatkan bahasa kebangsaan, kita jangan cemburu untuk menerima bahasa-bahasa universal yang sudah pun walau pun ia datang daripada bahasa Cina, bahasa India, Urdu, Arab ataupun Inggeris. Terima kasih.

Tuan Ismail bin Kassim: Saya minta laluan kerana saya minta tadi Yang Berhormat Datuk jawab sekali gus. Saya sebenarnya sedikit tidak bersetuju dengan Yang Berhormat Tajul dan bersetuju dengan Yang Berhormat Datuk Rizuan. Walau pun dalam bahasa yang bersifat universal saya bersetuju. Tetapi kita lihat kalau pembentangan dibuat dalam bahasa Indonesia misalnya, kita lihat kemantapan hujah yang bahasa Melayu loghat Indonesia. Sebab kita kena gunakan bahasa Melayu Nusantara. Itu pun juga boleh diiktiraf sebagai bahasa Melayu.

Kita lihat pembentangan yang dibuat ataupun percakapan ataupun syarahan ataupun perbahasan yang menggunakan bahasa Indonesia, kita lihat hujah-hujah yang disampaikan lebih mantap, jelas dan padat dan suasana penerima, respons yang mendengarnya juga kita merasa memahami tetapi tidak semua benda-benda yang dalam konteks pemahaman ini kita boleh terap walaupun Yang Berhormat Tajul kata tadi, saya bersetuju separuh dan tidak bersetuju separuh. Kita boleh terap tetapi bahasa kita ini diasaskan kepada bahasa Melayu Riau, kalau tidak silap saya. Kalau mengikut Profesor Abdul Hamid Mahmood dan Asmah Haji Omar bahawa bahasa Melayu ini berasaskan daripada bahasa Melayu Riau.

Tetapi tidak semua sekarang ini, kita boleh ambil daripada bahasa Melayu Riau ataupun bahasa Indonesia kerana konteks pemahamannya, ada sesetengah istilah yang di sana menggambarkan lain dan di sini menggambarkan yang lain misalnya perkataan 'membutuhkan'. Kalau dalam konteks negara kita, ianya tidak boleh digunakan kerana ia menggambarkan perkara-perkara yang negatif yang lain. Tetapi di Indonesia, perkataan ini merupakan sesuatu yang biasa untuk melahirkannya. Perkataan 'membutuhkan' maksudnya memerlukan.

Jadi inilah yang kita kena tengok. Dalam konteks pemahaman, budaya dan alam sekitar banyak perkara-perkara kerana bahasa yang kaya ialah bahasa yang boleh menerima semua istilah yang bersesuaian dan ianya anjal, itu yang penting dan dapat diterima oleh semua masyarakat ataupun pengguna yang menggunakannya. Apa pandangan Yang Berhormat?.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Yang Berhormat, saya tengok 4 orang Yang Berhormat atau 5, saya pun tidak tahu yang mana satu hendak jawab. Tetapi yang saya suka nak sentuh apa yang disebut oleh Yang Berhormat Tajul tadi sebenarnya saya tidak lari dari tajuk asal. Saya dengar hujah-hujah daripada Yang Berhormat Tajul adalah sama dengan hujah saya, tidak lari pun. Maknanya kalau saya lari Yang Berhormat pun lari daripada tajuk asal. Sebenarnya saya tidak suka sebut bahasa pasar. Saya suka sebut bahasa dialek kedaerahan, dialek kenegerian.

Apa yang saya sebut tadi, perkataan 'Jom heboh' sepatutnya kalau kita gunakan konsep 'Mari Heboh'. Kalau budak-budak sekolah pakai mari heboh, di selatan faham di utara faham dan di tengah pun faham. Lain pula dengan RTM – 'Inforia'. Kita selalu gunakan perkataan informasi, jadi tidak jadi masalah. Inforia pun digunakan. Yang menjadi masalah, kenapa sekarang banyak sangat digalakkan menggunakan perkataan 'jom' dalam televisyen, di TV3 umpamanya. Jom makan, jom jalan. Takut satu hari nanti keluar pula, jom pi maybank, jom pi BCB, jom Mawi, jom Siti, jom kahwin empat, ha ini yang saya takut. [*Dewan ketawa*]. Kemungkinan pada masa akan datang, bahasa Melayu mengalami evolusi dan akan muncul tiga bentuk dialek yang diterima umum iaitu dialek rasmi, dialek rojak dan dialek pesanan ringkas (SMS). Ini satu benda baru.

Dialek SMS (khidmat pesanan ringkas) yang pada masa ini digunakan oleh anak-anak muda yang menggunakan SMS mengandungi ciri-ciri bahasa rojak. Malah dikatakan serpihan kepada bahasa Melayu-bahasa rojak Melayu Inggeris tetapi muncul sifatnya yang menggunakan ejaan ringkas, bersimbol dan nada mudah, malah boleh dianggap kurang ajar bagi penggunaan bahasa Melayu rasmi. Pada mulanya digunakan dalam skrin telefon bimbit yang sempit, kemudian berkembang ke arah dalam bentuk lisan dan muncul sebagai dialek Melayu tersendiri. Lenggok dan lenggang bahasa dialek ini juga amat berbeza dengan bahasa Melayu rasmi. Kalau hendak ikut bentuknya hari ini bacalah dalam ruangan SMS yang ada pada televisyen dan dalam majalah komik anak-anak.

Anak-anak muda tidak lagi menggunakan perkataan 'sangat'. Ia digantikan dengan perkataan 'giler' bukan 'gila' – 'syok giler' – 'lawa giler'- 'perasan giler' yang sudah membawa maksud lain daripada maksud asal. Satu hari nanti bahasa Melayu SMS ini akan menjadi dominan, malah mengatasi bahasa rojak yang masih menggunakan campuran penuh tata bahasa Melayu–Inggeris. Apabila ini berlaku, bahasa Melayu sendiri yang dominan pada hari ini, akan menjadi dialek klasik, hanya digunakan oleh pencinta-pencintanya seperti nasib bahasa Sanskrit dan Latin.

Ha, ini baru saya hendak masuk bahasa baku. Penggunaan bahasa baku juga menghakis kedaulatan bahasa Melayu. Kerajaan sedikit masa dahulu, beria-ia benar untuk meletakkan bahasa baku sebagai syarat utama dalam penggunaan bahasa. Tetapi apa sudah jadi, tiada sambutan. Pembaca Berita TV3 pun sudah berhenti menggunakan bahasa baku, dahulu hebat. Siapa nama tu? Azlina Ridzuan, bahasa bakunya hebat, kita pun dengar dan tengok muka, dengar suara oooo.... sedap bahasa baku.

Sebenarnya rakyat payah menyebutnya, kadang-kadang keliru, kadang-kadang bunyinya macam cakap Indonesia, kadang-kadang bunyinya macam loghat Utara. Dalam kamus Dewan ini (sambil memegang buku kamus) 'baku' bermaksud berkenaan sesuatu yang pokok, yang dasar, yang standard. 'Baku' dari perkataan Jawa, betul tak Yang Berhormat? Penggunaan bahasa baku ini mungkin ada tujuan-tujuan lain, tujuan politik. Umpamanya kadang-kadang Timbalan Perdana Menteri seorang sahaja yang syok sendiri sedangkan Perdana Menteri tidak berminat pun. Dahulu zaman Dato' Seri Anwar Ibrahim di mana ia seorang yang beriya-iyanya, sedangkan Dr. Mahathir tidak berminat pun. Bila Anwar Ibrahim berhenti menjadi Timbalan Perdana Menteri bahasa baku pun sudah kurang digunakan.

Yang seterusnya perkataan baku, 'bank'. Kita dahulu sebut 'bang'. Ada orang kampung sebut 'bang', dia pun tak faham, 'bang' ini lori langgar kereta 'bang' bunyinya. Ini daripada perkataan Indonesia, kenapa perlu kita ikut? 'Kenapaaa', 'mengapaaa', 'bagaimanaaa' itu bahasa baku. Orang Selatan susah hendak sebut, dia kata 'kenape', 'mengape' dan 'bagaimane'. Orang Kelantan lagi payah 'guane', 'buat ape'-'buat ape mu tak maghi' ha, macam saya cakap tadi. Oleh itu, lebih baik kita teruskan dengan amalan sekarang demi untuk kedaulatan bahasa Melayu. Syabas saya ucapkan kepada TV3 kerana tidak lagi menggunakan bahasa baku dalam rancangannya.

Isu yang seterusnya yang sering diperkatakan ialah penggunaan awalan dan akhiran yang tidak betul, yang membawa makna yang salah. Penggunaan 'ke' dan 'an' juga 'peng' dan 'an'. Penggunaan 'ke' dan 'an' ini amat meluas dan amat popular sekali. Terutama macam orang politik macam Yang Berhormat Ismail, bila dia bercakap dan berpidato dia akan sebut 'keterampilan', 'kecemerlangan', 'keterbukaan', 'kewajaran', 'keprihatinan' dan 'kecapaian'.

Sedap bunyinya Yang Berhormat Ismail. Orang kampung dengar itu bertepuk. Dia kata Yang Berhormat Ismail hebat, tetapi yang sebenarnya penggunaan ini kadang-kadang salah. Sebagai contoh yang menjadi kontroversi iaitu tema Hari Kebangsaan pada tahun 1996. Saya masih ingat dalam kepala saya lagi - 'Budaya Penentu Kecapaian'. Saya masih ingat kerana ketika itu saya salah seorang daripada Exco Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia dan Ketua Pemuda UMNO Wilayah Persekutuan. Kami menentang slogan Hari Kebangsaan ini kerana penggunaan bahasa itu salah iaitu 'kecapaian'. Kita buat pertemuan dengan Menteri yang berkenaan Dato' Sabaruddin Chik. Kita tulis kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Kita buat sidang akhbar. Akhirnya kita tidak berjaya kerana keputusan Kabinet membenarkan penggunaan slogan ini.

Para-para ahli bahasa menentang keras, Dewan Bahasa dan Pustaka menyatakan pandangan tetapi Kabinet berkuasa penuh. Dalam Kamus Dewan ini banyak maksudnya. 'Kecapaian' iaitu daripada perkataan asalnya 'capai', yang ditambah 'ke' dan 'an' yang membawa maksud berlainan. Kamus Dewan muka surat 246 dan 247, 'capai' bermaksud hendak mengambil sesuatu. 'Capai' juga bermaksud carut. 'Capai' juga bermaksud payah dan lelah.

'Kecapaian' dalam Kamus Dewan, kalau buka betul-betul, lihat 'kecapaian' maknanya, bermaksud keletihan, kelelahan atau bahasa Indonesia dia kata 'capek'. Jadi, tema Hari Kebangsaan 1996, "Budaya Penentu Kecapaian" bermaksud budaya penentu keletihan atau budaya penentu mencarut! Maknanya amat salah. Yang betul sebenarnya ialah "Budaya Penentu Pencapaian". Inilah yang dicadangkan oleh semua orang ...

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: [*Bangun*]

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Hendak bercakap? Silakan.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Yang Berhormat, Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan membahaskan persoalan bahasa yang kita semua tahu "bahasa adalah jiwa bangsa". Hari ini kita melihat dalam negara kita campur aduk yang begitu ketara dalam banyak istilah terutama dalam slogan-slogan yang diguna pakai oleh pihak kerajaan dan sebagainya. Perkara ini memberi kesan yang cukup besar dan saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat tadi mengatakan bahawa ada perkara-perkara yang boleh memberi maksud yang berbeza.

Saya ingin pandangan Yang Berhormat tentang istilah, bukan sahaja menggunakan istilah awalan dan akhiran tetapi istilah-istilah yang menggunakan bahasa Arab. Sebagai contoh ialah Islam Hadhari. Islam Hadhari itu memberi maksud yang berlainan kerana ia dimelayukan. Kalau kita ibaratkan Islam, Islam Hadhari ini, kalau kita katakan Islam itu satu yang sempurna sebagaimana yang disebutkan oleh Allah dalam Al-Quran, dengan izin "*menyebut sepotong ayat Al-Quran*", tidak ada satu ayat dalam Al-Quran pun yang menyebut tambahan selepas daripada 'Islam', begitu juga dalam hadis, begitu juga dalam seluruh negara tidak ada istilah Islam Hadhari kecuali Malaysia.

Jadi apabila kita menggunakan 'Islam Hadhari', seolah-olah kita mengatakan 'manusia kaki' sepatutnya 'kaki manusia', sebagai contoh untuk kefahaman. Sepatutnya kita sebut 'kaki manusia' tetapi apabila kita letakkan 'Islam Hadhari', contohnya memberi gambaran seolah-olah kita letakkan yang sebaliknya. Sepatutnya istilah yang sebenarnya kalau dari segi maksud ialah 'Hadharah Islamiah'. Jadi perkara ini telah digunakan dengan meluas oleh pihak kerajaan dan menjadi slogan yang begitu besar, dan ini sebenarnya mencemar dari segi maksud.

Saya pergi kepada maksud sebagaimana yang dibahaskan oleh Yang Berhormat tadi, pencemaran dari segi maksud ia cukup berbeza. 'Hadharah Islamiah' dengan 'Islam Hadhari'

sesuatu yang bermaksud berbeza. Jadi perkara ini sebenarnya memberi kesan yang besar, tambahan pula ia berkaitan dengan akidah. Jadi apa pandangan Yang Berhormat tentang isu ini?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zakarshi: Sebagai tambahan kepada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Siti Zailah, sebab itu saya masih berpegang kepada soal pemodenan bahasa yang tujuannya untuk memperkukuhkan bahasa Melayu itu sebagai bahasa ilmu. Sebab itu di dalam bahasa Melayu ada banyak istilah daripada bahasa Arab juga yang kita terima, antaranya seperti jahanam. Kita hendak guna perkataan apa hendak gantikan perkataan jahanam - masalah, itu semua bahasa Arab. Inilah kehebatan dan kelebihan bahasa Melayu yang menerima pelbagai proses pengubahsuaian untuk mengukuhkannya sebagai satu bahasa yang diterima oleh ramai.

Bagi saya itu tidak sepatutnya menjadi satu masalah sebenarnya. Tetapi apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Siti Zailah tadi - bagi kita yang penting ialah dari segi maksudnya. Bagi saya 'Islam Hadhari' tidak ada kesalahan pun sebenarnya dari segi tatabahasa 'Islam Hadhari' ini. Kita ambil contoh, bahkan lebih baik kita menggunakan perkataan 'Islam Hadhari' daripada 'Hadhari Islam'. Saya ambil contoh, seperti kita kata restoran Islam, apakah maksudnya restoran itu adalah benar-benar Islam. Sebut restoran Islam, perkataan 'Islam' itu di belakang, belum tentu dia menjual barang makanan yang halal; ataupun bank Islam, belum tentu maksudnya bank itu adalah bank Islam. Nama sahaja Islam. Apa lagi? Parti Islam, belum tentu parti itu parti Islam, tapi dia sebut parti Islam. Minta maaf, bukan saya maksud kepada PAS lah.

Itulah yang saya katakan bahawa kalau kita hendak berhujah dari segi tatabahasa banyak yang kita boleh berhujah, yang kita pentingkan ialah dari segi maksud, kandungan dan apa tujuan kita. Islam Hadhari mudah. Islam yang hadir, Islam yang ada, Islam yang wujud, Islam yang dibina yang dibangunkan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh: Sahabat saya Yang Berhormat Puan Siti Zailah, menyedari bahawa di dalam ucapan terakhir ucapan dasar Allahyarham Dato' Fadil Noor dalam Mukhtar PAS, beliau ada menyebut Islam Hadhari dalam ucapan dasar tersebut. Saya pun hairan mengapa tatabahasa ini dikaitkan dengan soal akidah. Tidak pernah berlaku soal akidah kerana kalau kita kaji tentang 10 prinsip Islam Hadhari seperti mana yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, prinsip pertama adalah ketakwaan kepada Allah S.W.T. Adakah takwa ini dan keimanan ini adalah lari daripada akidah. Jadi, seperti biasa apabila tidak ada benda yang hendak ditentang, maka PAS akan membangkitkan soal tatabahasa, sedangkan prinsip di belakang itu tidak pernah.

Tuan Ismail bin Kassim: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak beri laluan lagi ini? Sudah banyak tadi, sudah tiga orang.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Silakan.

Tuan Ismail bin Kassim: Pada saya, prinsip sesuatu bahasa, Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi bahasa itu diterima. Bahasa Arab, seperti yang ditimbulkan oleh sahabat saya, Dr. Puad, musykillah - masalah. Ma fi musykillah, dengan izin, tidak ada masalah - difahami, itu maksudnya bahasa. Jadi, apa yang dikatakan bahasa, apabila ia diterima, anjal penggunaannya itu bahasa. Dalam konteks apa pun kalau difahami, kalau kita tidak faham ia bukan bahasa. Sebab itulah bahasa tercipta untuk memastikan komunikasi itu berlaku, perhubungan pemahaman itu berlaku.

Soal isu Al-hadharah al-Islamiah dengan soal Islam Hadhari ini pun dalam konteks pemahaman. Kalau konteks ini boleh diterima umum, jangan kita hendak kaitkan dengan akidah macam yang dibangkitkan oleh Dato' Wan Farid tadi. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih, Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat Puan Siti Zailah ada bertanya, kemudian pertanyaan itu dijawab oleh Yang Berhormat Dr. Puad, bermaknanya saya tidak payah jawab lagi dah. Tetapi yang saya hendak tekankan di sini, kita telah pun diberi topik yang besar iaitu Islam Hadhari. Kalau kita tanya kepada semua orang selain daripada Yang Berhormat Puan Siti Zailah, kita semua sudah faham. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dr. Puad. Jadi tidak payahlah lagi saya jawab kerana kita faham mungkin geng-geng Yang Berhormat Puan Siti Zailah tidak faham.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bolehlah pergi kepada perkara yang lain.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Ya, saya hendak pergi kepada perkara yang lain iaitu isu terakhir mengenai bahasa yang saya ingin ketengahkan. Penggunaan istilah pendek, iaitu gabungan perkataan bahasa Inggeris untuk kementerian, jabatan, agensi kerajaan, tempat, taman perumahan, nama jalan, sekolah dan institut pengajian tinggi. Contohnya, RISDA, FELDA, FELCRA, PORLA, MARDEC dan lain-lain. Semuanya kependekan dari perkataan Inggeris untuk nama agensi kerajaan kerana dengan menyebut agensi sendiri akan menjadi hebat. Hebat pelbagai hebat. Hebat kerana pengurusannya, hebat kerana membantu orang miskin di luar bandar ataupun hebat kerana kerugian dan banyak hutang.

Majlis Amanah Rakyat lebih hebat disebut daripada RIDA, selepas itu kita tukar RIDA kepada MARA. Nama-nama ini tidak boleh diubah lagi kerana ianya ditentukan selepas kemerdekaan. Yang menjadi masalah apa hal pula dengan nama-nama atau tempat-tempat, nama tempat, bangunan baru yang timbul dalam tahun 1990-an dan tahun 2000 ini. Kenapa masih menggunakan perkataan Inggeris? Contoh di kementerian sendiri, kita gunakan MITI. Kenapa tidak gunakan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, yang pendeknya KEPAI, kerana tidak sedap bunyinya. Mana Kak Rafidah hendak pakai KEPAI, dia hendak pakai BELAI. RTM, hebat, TV Three kenapa hendak sebut TV Three, TV Nine, Nine TV, TV Eight, sebutlah TV Tiga, TV Lapan, macam RTM.

Satu lagi kita mengutarakan KeKKWa, bunga kekwa, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, sedap, hebat bunyinya macam bunga harum kementerian itu. Tetapi

yang menjadi masalah tentang pakaian rasmi itu sampai hari ini mereka masih pertikaikan. Kementerian itu orang tidak pertikaikan.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat bersetuju bahawa apa Yang Berhormat sebut tadi, tentang kependekan-kependekan yang didasarkan kepada perkataan orang putih itu sebenarnya ikutan kepada amalan yang dibuat oleh orang UMNO. Jadi yang lain-lain itu dia ikut UMNO lah.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Saya hendak jawab kerana UMNO itu lahir sebelum kemerdekaan. Jadi kita biasa menggunakan perkataan yang kita dahulu, tidak boleh ubah lagi dah. Tapi yang saya sebut tadi ialah daripada tahun 1990 sampai tahun 2000. Kenapa kita masih hendak gunakan perkataan Inggeris dalam kementerian-kementerian? Lagi satu kementerian, Ministry of Entrepreneur and Corporatist Development (MECD), kenapa tidak pakai KEPUK? Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Tidak sedap bunyinya KEPUK. MOA, Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry. Kenapa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini tidak pakai perkataan *short form* nya KEPIAT? Nasib baik tidak 'kelepieaq', 'kelepieaq' bahasa utara, kuis-kuis dengan tanganlah. Tidak sedap bunyinya.

Bagaimanapun kita kena selaraskan, jangan lagi menggunakan *short form* bahasa Inggeris untuk kementerian-kementerian. Kementerian kena tunjuk teladan yang pertama, barulah kita boleh susun yang lain-lain, nama jalan di Kuala Lumpur, di Putrajaya. Selagi kementerian menggunakan perkataan Inggeris, selagi itulah orang kata "ketam hendak suruh berjalan betul, tapi dia sendiri tidak berjalan betul". DBKL, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kan sedap bunyinya, orang tidak sebut *city hall*.

Tuan Ismail bin Kassim: Mohon laluan.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Sila, sila.

Tuan Ismail bin Kassim: Penggunaan kata-kata akronim, singkatan ini adakah menggambarkan bahawa kita tidak ada jati diri? Kerana penggunaan istilah kalau menggunakan bahasa Melayu, seolah-olah ianya tidak ada nilai-nilai komersial. Apa pandangan Yang Berhormat mengenai perkara ini? Kalau guna perkataan Inggeris, macam MOA, 'mua' pun kalau kira dalam bahasa Melayu, 'mua' kalau ikut istilah Perlis, melampau, 'mua' itu maksud melampau, *extreme, too much*. Jadi pandangan Yang Berhormat, kenapa kementerian lebih menitikberatkan istilah asing dan lebih menampakkan ciri-ciri kemegahan dan nilai-nilai komersialnya daripada menggunakan bahasa Melayu. Walaupun 'KEBAB' ke 'KEPAP', tapi bahasa kita. Tapi lama-lama digunakan kita sebut sedap juga. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Rhina Bhar: Beri laluan?

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Ya.

Dato' Rhina Bhar: Yang Berhormat marah sangat dengan bahasa Inggeris tetapi Yang Berhormat pakai pakaian ala barat. Apa pandangan Yang Berhormat?

[Dewan gamat seketika dengan ketawa]

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Itu isu yang berlainan, kita membicarakan soal bahasa.

Dato' Rhina Bhar: Tidak, tidak.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Saya pakai baju ini sebab bila tengok skrin, nampak timbul jadi orang bagi fokus pada saya. Boleh saya sambung ke? Saya sebenarnya, kementerian-kementerian ini kementerian yang mewakili negara kita Malaysia yang hendak mendaulatkan Bahasa Kebangsaan. Sebab itu saya cadangkan kementerian dulu kena ubah. Kalau tidak sesuai dengan KEPIAT, carilah gabungan-gabungan yang sesuai, itu maksud saya. Jangan guna kependekan bahasa Inggeris. Kalau hendak pergi peringkat antarabangsa, perdagangan antarabangsa, pakai penuh tidak usah pakai MITI. Pakai Ministry of International Trade and Industry. Orang faham, kalau sebut di peringkat antarabangsa, MITI pun mereka tidak faham.

Perkara yang kedua yang saya ingin ketengahkan ialah nama bangunan. KLCC, Kuala Lumpur *Tower*, *Mid Valley Megamall*, *Subang Parade*, Ampang Point, Lot 10, Sungei Wang Plaza, Bukit Bintang Plaza, banyak lagi menggunakan perkataan Inggeris. Ini tindakan DBKL, kita kena ubah. Kalau Lot 10 itu bahasa Inggeris kena sebut Lot Sepuluh. Apa salahnya sebut Lot Sepuluh? KLCC, tidak jadi masalah kalau kita sebut Pusat Bandar Kuala Lumpur, KLCC Center. Yang keduanya mengenai nama taman, Damansara Heights, Kenny Heights, Bangsar Park, Batten View, Zoo View, Ukay Heights dan disebut tadi Precint 3, 4, 5, ini akan diubah. Kita ucap terima kasihlah kepada Kementerian Wilayah Persekutuan dan DBKL yang akan dalam proses pengubahan nama-nama di Putrajaya. Kerana bila orang kampung melawat masjid, melawat taman-taman di Putrajaya, dia tengok tidak tahu nama tempat ini. Dia merasakan dia berada di Eropah. Jadi elok kalau ditukarkan nama kepada nama kita sendiri.

Yang seterusnya ialah nama jalan. Kita selalu sebut MRR2 yang menjadi kontroversi kerana jejambatnya retak. Kenapa kita tidak sebut Jalan Lingkaran Tengah 2, kan hebat, senang. MRR2 daripada perkataan Inggeris, atau tukar sahaja nama Jalan Tun Ghafar seperti mana yang saya cadangkan dulu. Gurney Drive, Petaling Street, dan lain-lain. Kenapa kita boleh pakai PLUS, LDP, KESAS? Kenapa kita masih hendak pakai NPE (New Pantai Expressway) kan lebih baik tukar sahaja Lebuhraya Samy Vellu. Lagi hebat. Nama-nama pertubuhan dan syarikat, NCWO, MUTC, CUEPACS, KLAC, UMNO, MIC, MCA, Parti GERAKAN, kan hebat tu. Parti GERAKAN ini sedap. BSKL pun sedap juga, lagi satu Suhakam, ini biasa.

Tuan Ismail bin Kassim: Mohon laluan. PAS Yang Berhormat, apa sebutan PAS?

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Itu saya tidak mahu komen, Tuan Yang di-Pertua dah bagi amaran kepada saya. Ini tanggungjawab pendaftar pertubuhan untuk memperbetulkan. Pendaftar syarikat apabila mereka mendaftar syarikat dengan nama bahasa Inggeris, kita jangan

benarkan, barulah kita boleh mendaulatkan bahasa Melayu dan memperkasakan Bahasa Kebangsaan. Nama-nama sekolah dan pusat perubatan, Victoria Institution, Bukit Nanas Convent School, Bukit Bintang Girls School, Methodist Girls School, ' Vanto College, Health Institute.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Minta laluan.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Ha, silakan.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Bukit Bintang Girls School dah tidak ada, sekarang ditukar nama Sri Bintang. Terima kasih.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Saya ni hendak bagi mukadimah, lepas itu saya hendak ulas. Stamford College, Melaka Manipal College, Pantai Medical Center, Gleneagles Medical Center, tempat Datuk Wira Syed Ali hantar anak dia. Kenapa tidak biasakan sebut perkataan Melayu. Sekarang ini sudah ada Sekolah Perempuan Bukit Bintang, bagus, itu hebat, bunyinya hebat. Kemudian College Vanto atau Pusat Perubatan Pantai, hebat, kenapa hendak sebut Pantai Medical Center?

Oleh itu, mana-mana nama di Kuala Lumpur ini kita kena beritahu atau Dewan Bandaraya kena buat garis panduan daripada sekarang. Jangan tunggu 2007 masuk lagi nama Inggeris, 2008 lagi masuk tidak ubah-ubah. Jadi kena buat garis panduan nam bagi nama tempat, hendak bagi nama sekolah, hendak bagi nama universiti mesti menggunakan bahasa kebangsaan. Tuan Yang di-Pertua, saya amat berharap kerajaan mengkaji dengan mendalam isu pendaulatan bahasa Melayu ini supaya sesetengah perkara dapat ditentukan sekarang. Jangan dibiarkan terlalu lama sehingga tidak dapat diubah lagi.

Tuan Yang di-Pertua dan ahli-ahli Yang Berhormat, isu seterusnya yang ingin saya ketengahkan ialah isu TV swasta. Kita semua tahu RTM1 dan RTM2 adalah TV kerajaan. TV3, NTV7, TV8, Astro, TV9, MiTV adalah TV swasta. TV swasta ini lebih banyak mencari keuntungan, TV kerajaan banyak tanggungjawab sosialnya iaitu menyampaikan mesej kerajaan. TV3 banyak menyampaikan mesej kerajaan kerana ia dikendalikan dan di bawah pengawasan oleh orang-orang kerajaan. Manakala NTV7 dibeli oleh TV3 dan begitu juga TV8. Astro 100% swasta yang mementingkan keuntungan kerana bayaran bulanannya amat murah, RM89.95 sebulan dengan pelbagai promosi dan insentif untuk mencari pelanggan baru menyebabkan rata-rata rakyat Malaysia yang miskin dan kaya, yang tinggal di kampung dan di kota memiliki Astro tidak dapat dinafikan.

Pelanggan tidak ada pilihan lain sebenarnya. Banyak rancangan-rancangan popular seperti rancangan siaran langsung sukan terutamanya bola sepak Liga Inggeris (EPL), Liga Sepanyol, Liga Itali dan akan datang ini bola sepak Piala Dunia. Astro juga popular kerana tayangan filem *movie* terkini. Popular kepada kanak-kanak kerana rancangan kartun yang menarik dan banyak saluran pilihan. Bagi orang-orang cina dia ada *Chinese movie*. Berita dalam bahasa cina. Bagi orang-orang India dia ada berita Tamil dan filem Tamil. Lebih-lebih lagi

filem Hindustan, memikat hati orang kampung. Duduk dari pagi hingga ke malam. Makan depan TV, menangis tersedu-sedu dan keluar air mata meleleh. Filem Thailand, Filipina, Mexico pun menarik perhatian kerana ada alih bahasa dalam bahasa lain. Astro popular kerana ada berita hangat daripada luar negara. CNN, CNBC, BBC dan juga popular kerana rancangan pengetahuan.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Minta laluan Yang Berhormat.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Silakan.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik dengan Yang Berhormat berbincang dan bercakap mengenai TV-TV swasta dan RTM1 dan RTM2. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat, kalau kita tengok dalam program-program yang RTM buat salah satu slot yang RTM buat adalah Parlimen Hari Ini. saya rasa ramai rakyat begitu gembira dapat melihat Parlimen Hari Ini, setidak-tidaknya dapat mengetahui Ahli-ahli Dewan Negara berbincang apa dalam Parlimen terutamanya dalam RMK-9 dan sebagainya.

Setujukah Yang Berhormat, kalau boleh TV-TV swasta ini ikutlah jejak Parlimen hari Ini siarkan dalam TV-TV swasta supaya lebih ramai lagi Ahli-ahli Dewan Negara yang berbincang isu-isu dalam Parlimen dapat disiarkan dalam TV-TV swasta ini. Terima kasih.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Saya amat bersetuju 150% kerana pada malam tadi hampir pukul 12 saya buka RTM1 11.30 sampai 12, alangkah terperanjatnya apabila saya tengok wajah saya dalam RTM1.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terperanjat bukan apa, apabila saya tunduk saya nampak alamak kepala aku botak.

[Dewan menjadi gamat seketika dengan ketawa]

Bila saya bangun nampak alamak *handsome* nya aku.

[Dewan menjadi gamat seketika dengan ketawa]

Astro ini popular dengan rancangan pengetahuan, TV pendidikan, *discovery channel*, *animal planet* dan *national geography*. Dan satu lagi popular kerana ada rancangan gila *Fear Factor*. Sebenarnya kalau diamati Astro menghadapi masalah kerana terlalu banyak saluran, terlalu banyak *movie*, maka nampak kehabisan modal. Filem dua tiga tahun yang dahulu diputar-putar kembali beratus-ratus kali. Saya faham ada yang tidak boleh tengok malam. Bila diulang tayang sebelah pagi dia boleh tengok. Tapi filem sudah lapuk janganlah Astro tayang lagi.

Saya peminat cerita bersiri *24 Hours*, *Alias*, *X-Files*, *CSI (Criminal Scene Investigation)*, saya berasa amat hampa kerana siri ini yang sudah saya tonton dua tiga tahun dahulu di tayang semula. Saya amat boring dan bosan. Saya tidak ada pilihan lain sebenarnya Tuan Yang di-Pertua kerana Astro ini satu-satunya saluran yang mengadakan siaran langsung Liga Perdana

Inggeris (EPL). Saya peminat Manchester United. Mainlah pukul berapa pun, pukul tiga pagi, pukul empat pagi saya akan putarkan jam saya, saya akan bangun pukul tiga pagi. Inikan pula rancangan siaran langsung Piala Dunia. Saya rasa selepas ini restoran-restoran penuh dengan skrin besarnya, dengan projektor besarnya kerana demam Piala Dunia.

Pokoknya, kenapakah Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi tidak membuka lebih banyak stesen TV swasta yang dapat bersaing dengan Astro untuk menyiarkan rancangan-rancangan yang memenuhi kehendak pelanggan. TV9 tidak boleh bersaing dengan Astro kerana terlalu banyak cerita Melayu. MiTV yang baru muncul dengan 100 saluran tetapi bayaran permulaannya terlalu tinggi. Bayaran permulaannya sebanyak RM700. Mana orang kampung hendak mampu RM700.

Datuk Dr. Jins Shamsudin: [*Bangun*]

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Sila, sila.

Datuk Dr. Jins Shamsudin: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik tentang rancangan-rancangan televisyen dan program-program di televisyen ini kerana kebetulan saya terlibat. Jadi oleh kerana itu saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apa pandangan Yang Berhormat satu ketika dahulu kerajaan sedang merancang supaya perancangan program-program televisyen ini mestilah mempunyai 80% bahan tempatan. Tapi hari ini kalau kita lihat sudah tidak ada lagi. Jadi kalau lihat bagaimana kita boleh melihat bahawa bahan-bahan tempatan mestilah melebihi daripada bahan-bahan dari luar negara. Papa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Dr. Jins. Saya telah bertanya soalan ini dalam soalan jawab lisan. Mereka menjawab tidak ada kuota yang diberi kepada TV swasta seperti Astro. Jadi eloklah seperti ini kita cadangkan kepada kerajaan berikan kut untuk rancangan memaparkan bahan-bahan tempatan sebanyak 80% sekurang-kurangnya. Kalau tidak dapat 80% pun 50% pun cukup.

Saya hendak sambung. MiTV difahamkan tidak mempunyai rancangan *live telecast* untuk Liga Bola Sepak Kelab Dunia sebab itu sambutan terhadap MiTV sekarang ini masih lagi di peringkat yang paling rendah. Masalah kedua yang saya ingin utarakan. Kita cuma ada satu jawatankuasa pemantauan siaran televisyen swasta yang ditubuhkan oleh Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi serta pemantauan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan multimedia tetapi tidak ada Lembaga Penapis Filem untuk Astro. Jawatankuasa yang ada ini sebenarnya tidak berapa berkesan. Makin ditegur makin menjadi-jadi. Oleh sebab itu Astro bebas menyiarkan rancangan-rancangan yang boleh merosakkan akidah remaja. Terlalu banyak rancangan jenayah yang melampau. Aksi keganasan yang keterlaluan, budaya *fear factor* yang menjadi ikutan kepada remaja. Ada kes kanak-kanak mati kita jatuh bangunan akibat terikut gaya *fear factor*. Budaya makan najis apa perlu ada pada rakyat Malaysia. Tidur dengan ulat dan lipas, alamak gelinya. Di manakah badan penapis filem....

Tuan Ismail bin Kassim: Mohon laluan.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Silakan.

Tuan Ismail bin Kassim: Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Garis panduan sebenarnya telah sedia ada. KTAK dia hanya boleh menegur sekarang ini tapi untuk enforce melaksanakan penguatkuasaan masih beluam dapat dilaksanakan. Tegur ni kadang-kadang suruh buat pekak telinga saja Yang Berhormat, buat tidak kesah. Tetapi pada pandangan Yang Berhormat, apakah cadangan Yang Berhormat membolehkan supaya bukan setakat teguran dibuat oleh kementerian tetapi dengan tindakan *enforcement* dapat dilaksanakan dengan izin kedua-duanya sekali.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, sebelum menjawab, saya mohon laluan. Yang Berhormat, saya minta maaf kalau saya katakan bahawa mungkin Yang Berhormat ini macam *double standard* sedikit. Sebab saya lihat tadi Yang Berhormat berhujah seolah-olah kalau boleh banyakkkan stesen-stesen TV swasta ini. Tetapi dalam masa yang sama, Yang Berhormat mempersoalkan tentang Jawatankuasa Pemantauan ini, sedangkan yang ada ini pun susah hendak dipantau, kemudian Yang Berhormat galakkan lagi supaya dibuka stesen-stesen swasta yang lain.

Jadi saya tidak nampak di mana sebenarnya yang ingin diperhujahkan oleh Yang Berhormat dalam Rancangan Malaysia Ke-9 tentang isu-isu ini seperti juga soal bahasa, Yang Berhormat mempertikaikan penggunaan bahasa-bahasa Inggeris, tetapi baru sebentar tadi saya tengok Yang Berhormat mengulang-ulang perkataan kontroversi, *boring* dan sebagainya. Jadi bagaimana Yang Berhormat? Saya ingin penjelasan.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Ini perkataan sudah sinonim dengan semua orang, dengan diri saya. Tadi itu sudah ada pandangan, setengah-setengah macam hospital, universiti itu boleh pakai. Jadi kita selalu sebut *boring, boring, boringlah*.

Saya hendak sambung cerita-cerita seram yang menjadi kegemaran orang dewasa tetapi ditonton oleh kanak-kanak. Adegan-adegan berunsur seks, lucu, porno dan pelakuan yang mengghairahkan walaupun dipaparkan untuk 18 tahun ke atas tetapi mampukah ibu bapa berjaga sepanjang masa untuk menghalang anak-anak mereka. Rancangan-rancangan yang berunsur agama, ini saya hendak seimbangkan. Forum, ceramah dan nasyid yang memberi panduan untuk hidup amat kurang sekali dalam Astro.

Ini kerana tanggungjawab sosial, Astro tidak perlu. Kalau adapun sedikit. Bak kata orang Astro merupakan kiblat baru zaman sekarang. Tayangan 24 jam. Orang sanggup berjaga malam menonton Astro daripada beribadat dan berjaga malam untuk *qiamullail*. *Qiamullail* Astro adalah amalan hidup dan budaya baru generasi zaman sekarang. Ajaran baru remaja sekarang banyak berpandukan kepada tingkah laku dalam rancangan Astro. Akhlak remaja rosak, maksiat, zina, sumbang mahram menjadi-jadi hasil tempiasan Astro. Hakikatnya Astro telah berjaya menguasai jiwa raga dan kehidupan kita. Imaginasi dan minda kita bahkan kadang kala

menentukan jadual kehidupan harian kita. Jika saluran Astro rosak atau pun dipotong kerana lambat bayar, sehari pun kita tidak senang duduk.

Mereka merasakan kerugian yang amat sangat. Sanggup dibetulkan Astro terlebih dahulu daripada membetulkan motosikal yang rosak yang sepatutnya digunakan untuk menghantar anak ke sekolah. Lebih dahsyat lagi apabila isteri tiada di rumah kerana *out station* seminggu, masih boleh bertenang dan bersabar tetapi kalau *remote* Astro tidak jumpa, maka huru-haralah tidak senang duduk. Ada pegawai tinggi kerajaan mengaku menjadi *Astro Manager* selepas bersara daripada perkhidmatan kerajaan kerana asyik mengurus saluran di Astro bagi mengisi masa lapangnya. Persoalannya, apakah kita harus membiarkan budaya ini hidup dalam masyarakat kita. Saya percaya satu hari nanti kita akan mengundang bahaya yang amat sangat. Tidakkah kerajaan sedar perkara ini? Sebelum terlambat, perlulah kerajaan berbuat sesuatu untuk memperbetulkan keadaan yang berlaku selama ini. Perkara seterusnya...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh saya tahu adakah Yang Berhormat hendak habiskan perbincangan sebelum pukul satu?

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Saya ada dua perkara lagi. Sebelum pukul satu, saya tidak boleh habiskan kerana ada dua perkara yang mustahak. Satu mengenai...

Timbalan Yang di-Pertua: Selepas ini, Yang Berhormat hendak sambung petang ini?

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Ya. Boleh saya teruskan?

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Isu yang hangat kita perbincangkan dewasa ini terutama di Kuala Lumpur adalah isu pusat hiburan. Seperti mana yang kita sedia maklum, dalam garis panduan yang dikeluarkan oleh DBKL (Dewan Bandar raya Kuala Lumpur). Pusat hiburan ditakrifkan seperti *coffee house*, pub dan restoran, bar, kelab malam, disko termasuk dangdut, karaoke, *lounge* istirahat, pusat hiburan sekeluarga, snuker dan kelab persendirian. Yang menjadi masalah sekarang ini adalah banyak isu-isu yang timbul akibat terlalu banyak pusat hiburan di Kuala Lumpur dan di Lembah Kelang. Kita biasa dengar pelbagai nama. Ada yang namanya *Vegas*, *Bintang Pallace*, *Zouk*, *D-Boss*, *Star Blounge* dan *Red Box*. Ini nama-nama orang putih semua ini sebab itu orang suka pergi masuk.

Apa yang saya ingin ketengahkan ialah penglibatan gadis-gadis Melayu sebagai gadis GRO dan gadis urut. Ini isu besar. Saya hendak tunjuk gambar-gambar ini. "*Lima Mengaku Salah Disebabkan Kematian Darren Kang*", "*Noradihasnina Dibunuh, Dicampak Dari Tingkat 15*", "*Norfazura, I Wasn't Drunk During Club Raid*", dan satu dua lagi isu iaitu isu pembunuhan Norita Shamsudin yang sampai sekarang tidak dapat dikesan pembunuhnya dan khabarnya Norita ini bekerja sebagai GRO dan satu lagi isu pembunuhan pensyarah UiTM, Bakarudin Busu kerana perebutan seorang gadis GRO yang bernama Siti Rahmah Subramaniam. Satu lagi perkara yang amat kita khawatir dalam surat khabar KOSMO disebut, "*5,000 Terjebak, Remaja Melayu Buru Komisen RM6,000 Sebulan*".

Ini satu perkara yang serius. Sebilangan besar gadis-gadis urut terdiri daripada gadis-gadis Melayu seperti disebut 5,000 remaja Melayu terjebak. Gadis atau ibu tunggal sanggup menjual tubuh bagi memperolehi pendapatan lumayan, ini hakikatnya. Apa ada dalam bilik karaoke? Saya jarang pergi sudah sekarang, dahulu muda-muda dahulu pergi, sudah tua ini tidak pernah pergi langsung. Saya sudah kata tempat ini jijik, jangan pergi. Apa ada dalam bilik karaoke sebenarnya? Mereka boleh menyanyi, selepas itu berpasangan, lepas menyanyi timbul keghairahan, boleh berpelukan bercumbu-cumbuan, selepas itu mengadakan majlis maksiat.

Pendapatan gadis GRO, puratanya RM10,000 sebulan. Bagaimana saya kira? Dengan melayan empat orang pelanggan satu hari, mereka boleh satu malam RM400. Jika bekerja 25 hari sahaja, memperolehi purata RM10,000 sebulan. Mereka sanggup membohongi ibu bapa di kampung.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat, mohon laluan.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Sila.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat tadi. Yang Berhormat kata masa muda-muda Yang Berhormat pergi karaoke semua ini, masa muda-muda dahululah. Boleh jadi karaoke ini terlalu banyak ini sebab atas dorongan. Apabila orang tengok Yang Berhormat muda-muda dahulu, boleh jadi masa Yang Berhormat pergi karaoke itu, orang yang pergi karaoke dia masih kecil lagi. Apabila tengok Yang Berhormat pergi karaoke, Yang Berhormat sekarang ini menjadi pemimpin di Bahagian, boleh jadi peminat muda-muda ini seronok, dia tengok apa ada dalam itu, Yang Berhormat pun pergi. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Itu salah. Saya pergi di atas jemputan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kerana saya menjadi Ahli Lembaga Penasihat Dewan Bandaraya selama sembilan tahun. Saya pergi kerana tugas, sampai pukul tiga pagi.

Kerja mereka sanggup membohongi ibu bapa di kampung, kononnya kerja di *office* siang hari dan kerja *overtime* di malam hari. Kerana kerja *overtime* itu kerja sebagai GRO. Gadis urut komersial ini berusia antara 18 hingga 25 tahun, datang dari kampung dan dari kawasan Felda Pahang, Utara Semenanjung dan Sabah. Mereka mengejar pendapatan lumayan RM6,000 sebulan. Urut sehari dengan bayaran RM50 seorang, untuk lapan pelanggan beroleh RM400 sehari. Jika bekerja 15 hari sahaja, mereka memperoleh RM6,000 sebulan.

Mereka adalah daripada anak orang-orang yang baik-baik, lepasan universiti, penganggur dan terkandas dalam peperiksaan. Disebabkan tawaran yang lumayan, terpengaruh dengan rakan, gadis urut mimpikan gaya hidup yang mewah, keluarga susah di kampung, kerjaya tidak perlu keluar belanja satu sen pun, dan tidak perlu kelayakan akademik, SPM tidak perlu, SRP pun tidak perlu, gadis-gadis urut ini berlatarbelakangkan sama ada rata-ratanya kurang didikan agama, watak menarik, wajah cantik dan seksi, mereka ini lari daripada masalah

keluarga, sudah lama ditanggung keluarga, mempunyai kelayakan akademik tetapi menganggur. Apa yang mereka lakukan?

Tadi saya sebut GRO sekarang gadis urut. Urut badan tidak perlu kepandaian, tidak perlu latihan, urut batin yang saya sebut dahululah, ada Yang Berhormat Nik Azizah. Urut batin, yang mengurut alat kelamin lelaki, yang merangsang nafsu mereka, selepas itu sudah merangsang terangsang nafsu, terima ajakan melakukan hubungan seks. Bayarannya lagi berlipat ganda. Mufti sudah keluarkan fatwa, ini yang saya hendak sebutkan, ini masalahnya. Mufti sudah keluarkan fatwa, gadis Melayu haram untuk mengurut lelaki bukan muhrim. Majlis Fatwa Kebangsaan mengeluarkan fatwa bahawa haram menjadi gadis urut yang menawarkan khidmat kepada bukan muhrim, bertentangan dengan syarat Islam, dosa besar kerana rela urut alat sulit lelaki.

Fatwa Mufti Wilayah Persekutuan, haram gadis Melayu bekerja sebagai GRO. Bercampur lelaki dan perempuan, menimbulkan fitnah, melayan lelaki bukan muhrim, melakukan maksiat dalam bilik tertutup, melakukan zina, haram dan dosa besar tetapi masalahnya kenapa pihak Jabatan Agama Islam di Wilayah Persekutuan ini tidak menguatkuasakan dengan sepenuhnya. Sudah tahu benda itu haram, terus dibiarkan. Kenapa pihak JAKIM diam membisu, tidak ada pendekatan seterusnya untuk menyekat perkara ini terus berlaku dan kita tahu hendak buat Skuad Mat Rempit, menghendap orang di tepi jambatan Putrajaya, hendak buat apa? Itu tidak ada makna, pergi tangkap yang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukup setakat ini . Yang Berhormat boleh sambung petang ini.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Jadi Yang Berhormat, saya tangguhkan dewan sehingga dua setengah petang ini.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.03 petang

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

2.32 ptg.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid. Yang Berhormat boleh sambung ucapan, Yang Berhormat telah berucap selama 106 minit. Jadi kalau saya peruntukkan untuk Yang Berhormat lagi 15 minit jadi 121 minit dan saya kira Yang Berhormat bolehlah gunakan 15 minit Yang Berhormat ini untuk mengemas kini dan menggulung perkara-perkara yang diketengahkan. Silakan Yang Berhormat.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan cuba tetapi kawan-kawan suruh cakap lagi isu pusat hiburan ini. Tuan Yang di-Pertua saya akan

habiskan mengenai isu pusat hiburan ini, kemudian saya akan pergi ke topik terakhir iaitu soal Kementerian Wilayah Persekutuan. Tetapi masa 15 minit itu agak terbatas, kalau dapat *injury time* itu lagi baiklah.

Tuan Yang di-Pertua: Agak tidak menguntungkan martabat Dewan kalau kita ada terlalu banyak kira bicara. Biarlah 15 minit cukup.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Insyaa-Allah saya akan cuba. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak simpulkan bahawa yang pertama sekali, pekerjaan GRO ini adalah haram. Sebab itu saya minta pihak kerajaan terutama sekali JAKIM, JAWI untuk mengharamkan pekerjaan GRO ini dan juga gadis-gadis urut yang terdiri dari kalangan anak-anak gadis orang Melayu. Dan yang keduanya..... Yang Berhormat berdiri.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat beri laluan pun 15 minit, tidak beri laluan pun 15 minit. Silakan.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat tentang masalah GRO yang sedang menular dalam masyarakat moden hari ini, yang mana perkara ini memang jelas bertentangan dengan Islam itu sendiri dan kita dapat maklum bagaimana perkara ini adalah haram. Jadi saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat, jika pekerjaan ini haram, bagaimana orang yang memberi lesen, kerajaan sendiri yang memberi lesen, yang kita dapat maklumat dalam Dewan ini sudah 4510 lesen hiburan yang telah diluluskan oleh kerajaan sehingga kini dan begitu juga mereka-mereka yang mengangkat pemimpin yang meluluskan perkara-perkara yang haram ini. Adakah mereka juga terlibat yang haram. Sebab dari segi Islam, orang yang minum arak, orang yang memberi lesen arak, orang yang menghidangkan arak semuanya adalah dilaknat oleh Allah. Jadi dalam isu ini yang menjadi GRO haram, yang memberi lesen juga bagaimana hukumnya dan yang menyokong, yang mengundi apa hukumnya? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh jawab perkara itu cepat-cepat, tetapi saya hendak ingatkan Yang Berhormat tadi sebut Yang Berhormat ada perkara-perkara di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan yang hendak diketengahkan, nanti Yang Berhormat kehabisan masa.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kalau ikut rukun Islam kedua-duanya haramlah. Tetapi yang mengeluarkan lesen ini dia ada garis panduan tertentu, dia tidak jadi haram kalau garis panduan itu diikuti. Saya hendak cadang tadi supaya pekerjaan ini diharamkan. Yang keduanya, penguatkuasaan harus berkesan. Akta yang ada di depan saya ini, Undang-undang Malaysia, Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) sudah tidak boleh pakai lagi, sudah lapuk.

Yang keduanya, akta yang dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pun sudah lapuk tidak disebut perkataan GRO dalam akta ini dan kalau kita tengok akta yang dikeluarkan oleh Selangor ataupun garis panduan yang dikeluarkan oleh Selangor, memang ada perkataan tidak dibenarkan Pegawai Perkhidmatan Pelanggan di kalangan wanita atau pondan, sama sekali. Tidak dibenarkan. Tetapi Wilayah Persekutuan dia kata, sila senaraikan Pegawai Perhubungan Pelanggan, senarai wajib disenaraikan. Jadi sudah bercanggah, kalau boleh diselaraskan segala akta-akta dan undang-undang ini bukan sahaja di Wilayah Persekutuan tetapi di negeri-negeri kena ikut. Yang seterusnya saya hendak ucap tahniah kepada...

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat, mohon laluan sikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan karaoke, dengan *massage* apa semua ini. Tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa Majlis Agama Islam Wilayah patut mengambil tindakan dan JAKIM. Setahu sayalah, kalau tidak silap Yang Berhormat salah seorang Ahli Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Kenapa Yang Berhormat ini tidak mengambil tindakan? Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Saya sebagai seorang ahli sahaja, tidak ada kuasa kepada saya. Kalau disuruh saya ikut pergi *raid* pun saya ikut sahaja, tetapi tidak ada kuasa untuk menangkap.

Tuan Yang di-Pertua: Elok detik ini beralih kepada Kementerian Wilayah Persekutuan.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Akhir sekali, saya hendak sebut bahawa Kementerian Wilayah Persekutuan telah menyediakan satu ataupun mengadakan satu *retreat* penggubalan Dasar Hiburan di Port Dickson baru-baru ini. Apa yang hendak kita tahu, tolong beritahu kepada kita apakah keputusannya dan apakah tindakan seterusnya untuk mengemaskinikan Dasar Hiburan dijelaskan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang terakhir tidak sah kalau saya tidak sentuh fasal Kementerian Wilayah Persekutuan. Pertama sekali saya bagi pihak pemimpin dan warga politik Wilayah Persekutuan ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana memberi kepercayaan kepada orang Wilayah Persekutuan sendiri menjadi Menteri Wilayah Persekutuan iaitu Yang Berhormat Dato' Zulhasnan bin Rafique.

Yang Berhormat keduanya, kita hendak ucapkan terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana melantik Yang Berhormat Datuk Seri Tengku Adnan menjadi menteri penuh sebagai Menteri Pelancongan dan kita sudah ada tiga menteri di Kabinet yang mewakili Wilayah Persekutuan termasuk Dato' Seri Hajah Shahrizat Abdul Jalil.

Perkara yang akan saya sentuh mengenai isu Kementerian Wilayah Persekutuan ini adalah wujudnya semula Kementerian Wilayah Persekutuan, ini juga sebagai satu rahmat buat kami di Wilayah Persekutuan kerana sekian lama kami perjuangkan dan dulu di bawah Jabatan

Perdana Menteri. Sekali lagi saya tabik kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana sangat prihatin tentang masalah kami di Wilayah Persekutuan.

Bagi kami Menteri di Wilayah Persekutuan, memperlihatkan dengan jelas bahawa beliau sebagai Menteri Besar seperti di negeri-negeri lain. Di negeri lain, Menteri Besar bertanggungjawab penuh terhadap jabatan-jabatan di bawahnya terutama mengenai hal agama dan tanah. Kebanyakan Menteri Besar mempengerusikan Exco Agama dan Exco Tanah. Di Wilayah Persekutuan ini, lain macam sikit. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan masih lagi dipengerusikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Saya ingat dahulu, masa Dato' Shahril menjadi Menteri Wilayah, dia menjadi Pengerusi Majlis Agama Islam di Wilayah Persekutuan. Saya menjadi ahli Majlis Agama Wilayah Persekutuan selama 12 tahun. Saya tahu sangat masalah orang-orang Melayu di Wilayah Persekutuan. Sebab itu, masalah orang Melayu di Wilayah Persekutuan harus diselesaikan orang-orang Melayu, orang-orang di Wilayah Persekutuan. Orang-orang luar tidak akan memahaminya. Mereka datang dan pergi. Kami di Wilayah Persekutuan ini, yang tinggal, kamilah yang akan menyelesaikannya.

Satu lagi masalah yang menjadi kehairanan kepada saya dan saya amat terkejut apabila Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengatakan bahawa Menteri Wilayah Persekutuan atau sekurang-kurangnya Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan tidak dibenarkan untuk turut hadir dalam Mesyuarat Majlis Agama Islam, sedangkan semasa Dato' Tan Sri Yusof Nor dahulu, Menteri atau Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri yang ditugaskan menjaga Wilayah Persekutuan dibenarkan menjadi Timbalan Pengerusi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Kami di Wilayah Persekutuan, berhadapan dengan rakyat. Pelbagai masalah perlu kami hadapi, terutama melibatkan soal surau, masjid di kawasan Parlimen. Soal nikah kahwin, perceraian, masalah keluarga Islam. Dari segi orang miskin dengan orang kaya, yang tinggal rumah pangsa hingga ke rumah banglo. Masalahnya yang paling utama, setiap 2 tahun sekali, kami perlu menentukan senarai yang akan menganggotai Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Sebab itu, jika keahlian kami yang dahulunya ada 3 orang, sekarang ini sudah dikurangkan, saya pun tidak tahu kenapa masalahnya? Ini tidak boleh diterima oleh pemimpin-pemimpin politik terutama UMNO di Wilayah Persekutuan.

Kamilah yang akan menjawab apabila berlakunya setiap kali pilihan raya. Mereka tidak tahu menahu, mengenai masalah orang-orang Melayu di Wilayah Persekutuan. Mereka datang dan pergi, kamilah orang-orang yang bekerja siang dan malam. Sebab itu, kamilah perlu duduk dalam Majlis Agama Islam supaya kami dapat menyelesaikan masalah apabila kami didatangi siang dan malam. Mereka pegawai JAWI dan juga Pengarah JAWI, mereka bekerja 8.00 pagi hingga 5.00 petang. Kami bekerja tidak tentu masa. Sebab itu, masalah tanah rizab masjid boleh dicadangkan kepada pusat komersial nak jadi macam Jalan Telawi, Bangsar. Ini saya tentang. Dalam Mesyuarat Majlis, saya tentang tapi dibolehkan. Apabila perkara ini menjadi

masalah, saya telah berbincang dengan rakan-rakan bawa perkara ini ke pengetahuan Kabinet. Maka Kabinet telah memutuskan bahawa tanah rizab masjid harus dikekalkan. Jangan dibina pusat komersial atau pusat perdagangan.

Yang keduanya, saya ingin timbulkan, ialah mengenai sekolah rendah agama di Wilayah Persekutuan. Sekolah Menengah Agama Wilayah Persekutuan, kita lihat kawasan perumahan rakyat, PPR terlalu banyak. Sebagai contohnya, di Lembah Pantai. Kita ada lebih kurang 10 ribu penduduk dan rumah Sekolah Rendah Agama Rakyat ini hanya sahaja satu. Bagaimana hendak menempatkan 10 ribu atau sekurang-kurangnya anak-anak mereka belajar. Yang ada hanya tinggal satu. Satu sekolah itu, 1 bilik darjah disumbat 50 orang. Bagaimana suasana mereka hendak belajar? Sekurang-kurangnya 30 orang, dan ada tempat yang kita cadangkan itu.

Tetapi sampai sekarang, pihak JAWI tidak ambil kisah. Tidak langsung ambil berat untuk membina lebih banyak Sekolah Agama Rakyat. Yang seterusnya masjid-masjid yang didirikan di Wilayah Persekutuan ini. Saya lihat daripada Rancangan Malaysia Kelima hingga Rancangan Malaysia Kelapan. Tidak pernah dilakukan Majlis perasmian. Masjid kalau dahulu sampai sekarang, bocor, berkarat. Bila Tuanku Agong yang selalu pergi melawat masjid, ketika sembahyang Jumaat, sering bertanya bila nak rasmi masjid ini? Mereka tidak ada perancangan sebenarnya? Sebab itu, saya hendak cadangkan. Saya pun sudah bercakap dalam Mesyuarat Majlis berkali-kali. Tetapi mereka tidak ambil pusing. Yang terakhir ini, masalah imam, masalah imam. Ada masjid, tidak ada imam bertauliah? Ini lagi dahsyat.

Dalam Peraturan, kalau hendak sembahyang Jumaat, seharusnya kita kena ada imam bertauliah. Apa bolehkah kita mengadakan sembahyang jemaah, imam tidak bertauliah? Dan imam ini pun sudah memohon untuk menjadi imam rakyat, tetapi sampai sekarang tidak dipanggil temu duga. Seterusnya, juru nikah. Ada masjid, tidak ada juru nikah. Menumpang masjid tempat lain, dan apabila perkara ini berlaku dan dibangkitkan dalam semasa pilihan raya, rasa tidak puas hati, mereka akan menentang kerajaan. Yang hendak jawab ialah kami. Bukan Pengarah JAWI, bukan pegawai-pegawainya, bukan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Kamilah orang-orang politik yang akan menentukan kemenangan di kawasan pilihan raya kami. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, bertukar ganti. Yusof Nor, Hamid Osman, Hamid Zainal Abidin, sekarang Abdullah Mat Zain. Tetapi Datuk Syed Ali, saya, Datuk Azizah, masih ada di sini. Sebab itu, saya nak bagitahu bahawa tolong pertimbangkan permintaan saya ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi yang hendak dicakapkan, soal masjid. Saya hendak akhirnya, saya memohonlah, saya merayulah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, pertimbangkanlah permintaan kami supaya kembalikanlah Majlis Agama Islam ini kepada Kementerian Wilayah Persekutuan. Jadikanlah Menteri kami, Menteri Wilayah Persekutuan ini sebagai Pengerusi Majlis Agama Islam, Wilayah Persekutuan. Satu lagi yang saya nak sebut, Exco Tanah Wilayah Persekutuan. Seketika dahulu, apabila dimansuhkan

Kementerian Wilayah Persekutuan, maka Ketua Setiausaha Negara dipertanggungjawabkan sebagai Pengerusi Exco Tanah Wilayah Persekutuan.

Sekali lagi saya hendak merayu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kembalikanlah jawatan Exco Tanah ini kepada Menteri Wilayah Persekutuan. Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja ucapan saya pada hari ini. Terima kasih kerana memberi masa yang cukup panjang kepada saya. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya. Apa yang saya harapkan, segala teguran, pandangan saya tadi perlu dijawab dan diambil berat oleh pihak-pihak tertentu demi menjayakan Rancangan Malaysia Kesembilan. Dengan kata-kata itu, saya mohon menyokong usul ini. sekian, terima kasih. Wassalamualaikum w.b.t.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya kagum betapa Yang Berhormat begitu akur. Susah sikit kadang-kadang nak kawal orang politik yang kuat ini. Tetapi terima kasih kepada Yang Berhormat. Dato' Ratnam.

2.38 ptg.

Datuk M. Ratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana telah beri peluang untuk bahas Rancangan Malaysia Kesembilan. Tuan Yang di-Pertua, sebagai mukadimah kepada ucapan saya pada hari ini, saya akan membacakan satu petikan ucapan bekas Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad di pembentangan usul mengenai rangka rancangan jangka panjang ketiga di Dewan Rakyat pada hari Selasa, 3 April 2001, jam 11.00 pagi. Sebagai sebuah negara berbilang kaum, berbilang agama dan dengan ekonominya yang tidak seimbang antara kaum, Malaysia bukanlah negara yang diramal akan aman dan boleh dimajukan. Ramai yang meramalkan bahawa perselisihan kaum akan berleluasa dan orang Melayu yang menjadi kaum majoriti akan merampas kuasa dan merompak harta kepunyaan kaum-kaum lain. Tetapi kita telah membuktikan pengkritik-pengkritik kita salah sama sekali. Bagi pencapaian luar biasa ini, negara keseluruhannya terhutang budi kepada pemimpin Malaysia yang terulung, Al-Marhum Tuanku Abdul Rahman Putera Al-Haj. Beliau adalah yang telah mencipta kerjasama istimewa antara kaum, yang mana hari ini...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datuk M. Ratnam: ...hari ini...

Tuan Yang di-Pertua: Jika tidak, saya tidak akan sampuk sebab ketika itu Tuanku Abdul Rahman ialah Yang Dipertuan Agong... Tunku Abdul Rahman ialah Perdana Menteri.

Datuk M. Ratnam: *Sorry...* Tunku.

Tuan Yang di-Pertua: Kebetulan pada satu ketika, dua-dua Abdul Rahman. Seorang Tuanku, seorang Tunku.

Datuk M. Ratnam: Tunku. Terima kasih di atas pembetulan. Beliau adalah yang telah mencipta kerjasama istimewa antara kaum yang mana hari ini ianya cuba ditiru bukan sahaja di negara ini tetapi juga di kalangan banyak negara membangun lain yang menghadapi masalah

perkauman. Tanpa kehilangan identiti kaum, parti-parti politik yang berasas kepada kaum telah dapat bergerak sebagai satu parti dan tidak sebagai parti campuran. Inilah formula yang telah menghasilkan kestabilan dan pembangunan ekonomi di Malaysia.

Jika Malaysia ingin terus aman dan tumbuh dengan pesatnya amatlah penting bagi mereka yang mengamalkan sistem yang unik ini dikekalkan berkuasa. Mereka yang meniru sistem ini tidak mungkin menghasilkan hasil yang sama. Oleh yang demikian, pengorbanan bangsa Melayu dalam pembangunan negara ini dan ketuanan Melayu haruslah dihormati dan disanjung.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan bertemakan Lonjakan Perkasa Bangsa, mesej Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi...

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Maaf, gangguan, Tuan Yang di-Pertua. Buat permulaan, terima kasih. Saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat tadi berkaitan dengan pengorbanan bangsa Melayu yang boleh membawa kita kepada satu kefahaman. Apa pandangan Yang Berhormat Datuk tentang ada pihak-pihak pembangkang yang cuba menafikan, yang tidak mahu menerima hakikat bahawa orang-orang Melayu telah banyak berkorban sematamata untuk perpaduan dan keutuhan rakyat Malaysia. Terima kasih.

Datuk M. Ratnam: Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Datuk Yaakob. Di mana-mana negeri, orang tempatanlah merasa dia lebih daripada orang yang datang. Jadi dari pandangan saya, saudara keturunan orang Melayu memang berkorban. Saya tidak nafikan itulah. Tetapi pada masa yang sama, ada pegawai-pegawai yang *overzealous* dan tidak mengimplementasikan dasar kerajaan seperti yang diperlukan oleh tokoh-tokoh negara ini. Itu pandangan saya. Okey?

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan bertemakan Lonjakan Perkasa Bangsa, mesej Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi adalah untuk masyarakat Melayu harus membina budaya baru berasaskan merit dan kemampuan untuk berdaya saing, bukan sahaja di dalam tetapi juga di luar negara. Melayu global. sudah tentu ini menuntut perjuangan baru. Penekanan Perdana Menteri kepada modal insan termasuk kegagahannya personaliti unggul adalah satu lagi strategi utama dalam melonjakkan pencapaian bangsa Melayu.

Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengatakan bahawa dan saya harus menekankan di sini bahawa semua rakyat Malaysia harus faham kemajuan bangsa Melayu adalah menjadi teras kemajuan negara kita. Seperti kata Timbalan Perdana Menteri kita bahawa kita mahu membina bangsa Malaysia di mana bangsa Melayu yang global menjadi terasnya. Saya amat menyokong segala langkah kerajaan dalam memajukan bangsa Melayu kerana kemajuan negara dan kaum lain dalam negara ini bergantung kepada kemajuan bangsa Melayu.

Sejarah dunia boleh memberi pengajaran kepada kita bahawa apa yang kita telah bina hampir 50 tahun ini tidak kurang ke ajaibannya yang harus dikekalkan untuk dinikmati oleh

generasi bangsa Malaysia yang akan datang dan sekali gus telah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk hidup bersatu padu, aman dan damai di bawah panji-panji kemerdekaan negara bangsa Malaysia yang kita kasihi.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kesembilan ini berorientasikan pembangunan rakyat, *people oriented development*, dengan izin, akan memastikan hasil pertumbuhan ekonomi negara dinikmati dan diagihkan secara saksama kepada seluruh rakyat Malaysia. Rancangan Malaysia Kesembilan ini juga hendaklah meneruskan agenda pengagihan dan adil. Selain memberi tumpuan kepada pembangunan wilayah yang seimbang di antara bandar dan luar bandar, penekanan khusus hendaklah diberikan kepada pembasmian kemiskinan.

Menghapuskan kemiskinan tegar ini adalah agenda yang mesti kita sempurnakan dalam usaha kita mencapai status negara maju menjelang tahun 2020 selaras dengan wawasan negara. Matlamat ini bukanlah sesuatu yang mustahil kerana rekod cemerlang kita mengurangkan kadar kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, selepas 150 tahun bertungkus-lumus di ladang getah dan sawit dan juga di Jabatan Kerja Raya membina setiap bentuk infrastruktur. Kaum India Malaysia memiliki kurang daripada 2% kekayaan nasional. Demikian yang dibentangkan oleh para *economist* dalam satu forum mengenai masa depan masyarakat India, "*The story of the Indians has been a case of progressive deterioration for a time Malaysia became independent in 1957*", dengan izin. Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (1971-1990) dan Dasar Pembangunan Negara (1991-2000) ternyata mampu memartabatkan ekonomi kaum India di negara ini. Secara perbandingan, kaum India masih jauh ketinggalan di belakang kaum lain dalam pelbagai aspek ekonomi.

Jelas sama sekali bahawa masyarakat India ketinggalan di belakang dalam arus perkembangan perdana. Pemilikan ekuiti yang rendah menggambarkan keadaan ekonomi masyarakat India. Saya berharap kita tidak lagi menggunakan bilangan doktor dan peguam sebagai kayu ukuran untuk menggambarkan keadaan ekonomi kaum India. Majoriti kaum India amat memerlukan bantuan kerajaan dalam memperbaiki keadaan ekonomi mereka supaya masyarakat ini terus dapat menyumbang ke arah kesejahteraan tanah air kita.

Saya menyeru kerajaan supaya tidak menjadikan masyarakat India ini mangsa dengan mengkategorikan sebagai bukan bumiputera apabila melakukan ke atas perangkaan, mereka dapat mengkategorikan sedemikian rupa tidak sama sekali mencerminkan status ekonomi masyarakat India. Walaupun diharapkan masyarakat ini dapat mencapai penyertaan ekuiti sebanyak 3% tetapi tidak ada mekanisme yang nyata seperti MARA atau PNB untuk membantu mereka mencapai hasrat ini. Rancangan Malaysia Kesembilan...

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Tuan Yang di-Pertua, pohon laluan.

Datuk M. Ratnam: Sila.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin tahu apa pendapat Yang Berhormat, adakah kegagalan orang India untuk bersaing dengan bangsa-bangsa lain, apakah sebab kegagalan ini? Sedangkan kita tahu bahawa orang India terkenal dengan JKRnya. Adakah kekurangan orang India ini yang menyebabkan kegagalan ataupun ada segelintir sahaja orang India ini yang telah berjaya?

Datuk M. Ratnam: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman semualah, orang India dibawa ke negeri ini oleh penjajah Inggeris, kerja-kerja di ladang. *They came here as workers* dengan izin. Jadi semua diletak di ladang-ladang. Pada masa penjajah Inggeris, Inggeris pandai. Orang Melayu kampung, orang India estet, orang Cina berniaga. *Divide and rule policy* dengan izin. Jadi sudah tahulah keadaan. Selepas merdeka, kerajaan menolong penduduk kampung hijrah ke bandar, ada MARA, ada PNB dan lain-lain. Dengan cara itu, kerajaan telah menolong supaya orang Melayu maju. Kita tidak ada apa-apa bantahan dengan itu. Kita sokong dengan penuh. Tetapi pada masa yang sama, orang India yang tinggal di ladang, juga berhijrah ke bandar oleh sebab-sebab perpecahan aset.

Jadi, bila datang ke bandar, tidak ada tempat tinggal. Dia pergi tinggal di tempat-tempat yang tidak maju, tidak ada bekalan air, tidak ada elektrik. Dia buat satu rumah setinggan. Sikit demi sedikit dia pun cubalah ikut orang lain tetapi belum sampai ke tahap yang kita perlulah. Jadi, itulah sebabnya kita minta supaya orang-orang India yang dulu-dulunya kerja di ladang juga diberi bantuan kerajaan supaya dia orang juga dapat maju bersama-sama orang lainlah. Itu sahaja saya punya pandangan.

Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok: Yang Berhormat, minta laluan.

Datuk M. Ratnam: Banyak laluan. Nanti saya tidak cukup masa, nanti susahlah bagi saya.

Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok: Sikit Yang Berhormat.

Datuk M. Ratnam: Saya perlu lebih satu jam.

Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok: Sikit sahaja.

Datuk M. Ratnam: Okey.

Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok: Yang Berhormat, sedarkah Yang Berhormat bahawa kemajuan orang India ketika ini adalah lebih baik daripada bangsa lain? Statistik penjualan kereta BMW di Jalan Bukit Bintang, 10 biji kereta mewah BMW dibeli lima, lima dibeli oleh orang India. Baki lima itu, tiga dibeli oleh orang Cina dan dua sahaja orang Melayu. Itu Yang Berhormat.

Datuk M. Ratnam: Terima kasihlah Yang Berhormat. Saya tidak dapat terima kata-kata itu kerana *nothing to prove it* dengan izin. Saya setuju, saya tidak nafi bahawa orang India ada maju. Saya tidak kata orang India tidak ada maju. Ada juga maju. *[Ketawa]* Tetapi kadar di tahap yang kita ingin...

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Yang Berhormat, pohon laluan. Bolehkah Yang Berhormat berikan....

Tuan Yang di-Pertua: Biar Yang Berhormat ulaskan penghujahan itu.

Datuk M. Ratnam: *Not up to the mark expected*lah dengan izin. Okey.

Tuan Yang di-Pertua: Maju tetapi *not up to the mark as expected*lah. Silakan. [Ketawa]

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, untuk maklumat Yang Berhormat, ramai juga orang Melayu yang masih belum maju. Sebab itu pencapaian 30% ekuiti orang Melayu itu kita masih belum lagi tercapai. Cuma, saya hendak beritahu pada hari ini bahawa Yang Berhormat adalah antara orang India yang boleh dijadikan contoh. Cuba Yang Berhormat ajar kepada kaum Yang Berhormat, macam mana hendak beli benih pokok dengan harga RM3 dan dijual dengan harga RM25 di Malaysia? Kena ajarlah itu. Jadi mungkin mereka akan lebih maju. Terima kasih.

Tuan M. Munusamy: Minta laluan.

Datuk M. Ratnam: Sila.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat Datuk bahawa masyarakat India belum maju seperti yang kita kehendaki. Apa pandangan Yang Berhormat Datuk sekiranya saya berkata bahawa masyarakat India pada sekarang mengikut statistik dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kita turun daripada 1.5% ekuiti kepada 1.2%. Ini menunjukkan bahawa kita belum maju lagi. Ada banyak yang kita boleh maju, kalau dibandingkan dengan masyarakat-masyarakat lain.

Apabila masyarakat-masyarakat lain maju, kita juga perlu maju seimbang dengan mereka. Itulah sebabnya kita minta pertolongan daripada pihak kerajaan. Kita tidak boleh banding dengan satu, dua perkara sahaja. Membeli BMW ataupun sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat Datuk?

Datuk M. Ratnam: Saya jawab...

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Boleh, satu lagi? [Ketawa]
Tuan Yang di-Pertua?

Datuk M. Ratnam: Saya mahu masa yang lebih panjang kerana saya di celah, celah, celah, celah. [Ketawa] [Dewan gamat seketika].

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh ingatkah yang tadi, satu, dua kemudian tiga?

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Tulis, tulis. [Ketawa]
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tentang pencapaian orang India. Kalau Yang Berhormat tengok,

orang Melayu pun kita ada target juga, pun tidak capai juga. Tadi sahabat kita Yang Berhormat Tuan M. Munusamy ada memaklumkan bahawa ekuiti daripada 1.5% telah turun ke 1.2%.

Pada pandangan kita, Yang Berhormat sendiri masa dalam Dewan Negara kita berbincang mengenai dengan penerbangan MAS yang mana penerbangan ke Chennai, India cukup penuh, menguntungkan. Dia kata MAS ini kena tambah *load* ke India. Pada pandangan saya, orang-orang India di Malaysia dia berjaya, tetapi dia bawa balik pergi ke India. *[Ketawa]* *[Dewan gamat seketika]* Dia berkongsi, dia berkongsi Tuan Yang di-Pertua. Jadi jangan kata tidak maju, tidak berjaya, berjaya. Tetapi mereka membawa balik ke India. Inilah bagaimana mereka mendapat keuntungan, keberkesanan di negara kita, mereka bawa balik ke India. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan M. Munusamy: Minta laluan. Saya rasa apa yang di....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat hanya boleh timbul penjelasan yang dituju oleh Datuk M. Ratnam. Yang Berhormat akan berpeluang menghujah kembali apabila sampai giliran Yang Berhormat.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih.

Datuk M. Ratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengenai Yang Berhormat, dia kata saya beli satu pokok RM2, jual RM25. *[Ketawa]* Benar. Saya hendak memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini, bukan semua orang India yang *target* di ladang macam saya. Bila saya ada di *Rubber Research Institute*, bapa saya mandur. Satu bulan sekali dia orang beli barang makanan. Ada gaji, hari yang berikutnya ada kerja. Dia orang semua naik lori, mari ke *Ampang Street*, beli barang-barang, balik ke estet. Jadi apabila bapa saya beli barang itu balik, dahulu kita pakai slip. Tidak ada buku latihan, *no exercise book*, slip pensel.

Jadi saya angkat satu kertas yang bungkus barang itu, ada huruf Inggeriskan. Saya tulis-tulislah ikut. Jadi bapa saya tengok. Dia rasa sedihlah. Anak saya hendak belajar. Sekarang dia pergi ke sekolah di estet. Jadi dia cari seorang, bawa saya ke Kuala Lumpur untuk belajar. Untuk menampung perbelanjaan lebih untuk saya, Tuan Yang di-Pertua, emak saya juga kerja di ladang, balik pukul dua. Dia giling itu beras untuk membuat tosei dan itali. Dia bangun pukul dua pagi. Masak itu itali dan tosei jual kepada pekerja-pekerja di ladang dan dia juga pergi kerja. Bukan semua keluarga kerja macam ini. Ada banyak yang kerja petang, pergi kedai todi minum, *enjoy*. *[Ketawa]* Bapa saya tidak, dia tidak minum. Tidak hisap rokok pun.

Jadi, apa dia buat? Dia *sacrificed* untuk seorang anak. Bukan semua orang lah macam itu... Bukan semua orang maju macam saya. Saya pun terima kasih kepada kerajaan ... kerajaan ... kerana ada suatu suasana yang mana orang yang rajin, orang yang kerja kuat dapat naikkan taraf dia. Inilah contoh dia *[Ketawa]* *[Dewan riuh]*

Yang Berhormat Tuan Munusamy, saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat. Walau pun pegangan ekuiti orang India 1.5 sekarang sudah turun kepada 1.2. Macam itu jugalah orang Melayu pun. Dia dahulu 20 sekarang jatuh kepada 18. Tetapi peluang

kepada bumiputera adalah banyak. Dia dapat saham, dia tidak mahu simpan. Dia cepat-cepat jual. Dapat untung, jadi dia punya[*Membuat isyarat tangan dari atas menunjuk ke bawah*] turun macam itulah.

Kita tidak dapat, kita tidak ada PNB, kita tidak MARA, kita tidak ada apa-apa. *We have raise ourselves through our own effort*, jadi kita mahulah kerajaan tolong sedikit. *We requesting the government to help. Our government is very good government. Beautiful government, you cannot have a government like this in any part of the world* dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Osman bin Bungsu: Mohon laluan.

Tuan Ahmad bin Hussin: Mohon laluan.

Datuk M. Ratnam: Yang Berhormat Tuan Syed ... janganlah kacau.

Tuan Yang di-Pertua: Bagi...

Datuk M. Ratnam: Saya jawab dia dahulu [*Dewan riuh*] Mengenai Tuan Syed, saya ingat itu satu fitnah sahaja, saya tidak dapat terima. Dia kata orang India cari wang, balik ke India. *This practice and this sort of talk must be stop. We are rakyat Malaysia [Menepuk meja] I am very upset for a man of his caliber to accuse like that.* Orang yang berhijrah orang India ke sini membuat roti canai, bukanlah orang yang banyak bermastautin di sini. *They are foreign workers.* Berapa puluh ribu orang dari India ada kerja di sini, *foreign workers*, dia yang berulang alik.

Banyak Melayu pun pergi juga. Bukan orang India sahaja. Cina pun ada pergi. *Tourism...* jadi kita tidak bawa balik apa yang kita *earn here. We earn here. I am an example; all my assets are by way of land in Sungai Buluh.*

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee : [*Bangun*]

Datuk M. Ratnam: Memang saya ada saudara mara di negeri India. Dia orang kunjung kita, kita jumpa dia. Tetapi kita tidak pergi beli harta sana. *We are born here, we die here* dengan izin.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain : [*Bangun*]

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee : Minta laluan Yang Berhormat. Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, Datuk Ratnam ini saya anggap macam abang saya. Macam abang. Bila dia marah Yang Berhormat, saya buat kenyataan macam itu, saya kena bangkit hendak bagi dia pandangan saya kenapa saya kata demikian. Sebab Tuan Yang di-Pertua, kita melihat di negara kita seperti Yang Berhormat Datuk Ratnam sendiri kata, bahawa di Malaysia tidak terdapat di negara-negara lain yang mana India, Cina, bangsa Melayu, boleh bekerja, boleh bersama-sama mendapat keuntungan dan sebagainya.

Pandangan saya apabila kita melihat Yang Berhormat sendiri hadir semasa taklimat MAS bahawa penerbangan pergi ke India, Tuan Yang di-Pertua, pergi ke Delhi banyak orang-orang India. Saya berpandangan bahawa orang-orang India ini sedikit sebanyak, jangan kata tidak

ada, ada juga bawa balik. Ada setengah itu tinggal isteri dia orang dan kahwin di sini juga. Dia orang pun hendak jaga isteri dia orang juga. Itu sahaja Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk M. Ratnam: Tuan Yang di-Pertua, sebagai jawapan kepada Yang Berhormat Tuan Syed, yang tinggal isteri dan mari kerja sini kebanyakannya adalah orang mamak, orang keturunan Islam India.

Ya, dia ada satu isteri sana, mari buka satu kedai di sini, kahwin lagi satu di sini. Lepas tiga empat tahun emmmm..... balik.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya rasa terpanggil sebab datuk kepada bapa saya [*Dewan riuh*] datang dari benua India, nama dia Gulam Muhamad. Datuk kepada emak saya datang daripada benua China, nama dia Lim. Di tengah-tengah itu saya jadi orang Melayu, saya tidak tahu macam mana [*Dewan bertambah riuh*] [*Ketawa*].

Saya bukan sahaja jadi orang Melayu, saya telah menjadi ketua kepada parti UMNO di sebuah negeri dan mengetuai kerajaan sebuah negeri Melayu. Mungkin ini menghilangkan semua permasalahan yang kita bahaskan ini tadi.

Tuan Osman bin Bungsu: [*Bangun*]

Datuk M. Ratnam: Tadi saya kata, itu suatu perkara yang betul. *I know*. Di Masjid India, semua Ahli-ahli Yang Berhormat pergi tengok siapa yang buka kedai? Dia semua mempunyai kad merah, kad pengenalan merah. Beliau bukan *citizen* negara ini. Dia bukan rakyat negara ini. Dia mari sini cari duit, dia angkat baliklah.

Anak saya semua saya beri pelajaran tinggi dan kerja di sini. Bukan macam ada orang yang lain kita beri *scholarship*, belajar di sana tidak mahu bawa balik. Dengan duit kita pergi belajar, tidak mahu balik. Tetapi sekarang dia kata melanjutkan pelajaran bermakna kerja di sana sebab pendapatan yang lumayan. Tetapi anak-anak saya mesti kerja di sini walau pun anak saya sebagai doktor, dia *specialist*, gaji luar boleh dapat RM20,000 atau RM30,000 dia tidak mahu. Dia kerja di hospital kerajaan untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat walau pun dia belajar dengan wang bapa emak sendiri. Tidak ada *scholarship*. Saya pun lupalah, saya kena berhenti [*Dewan riuh*].

Tuan Osman bin Bungsu: Minta laluan.

Tuan M. Munusamy: [*Bangun*]

Datuk M. Ratnam: Ya, siapa lagi.

Tuan Osman bin Bungsu: Okay.

Tuan Yang di-Pertua: Ada dua orang bangun tadi Yang Berhormat, Tuan Munusamy dan Tuan Osman Bungsu.

Datuk M. Ratnam: Saya ingat saya bagi Tuan Osman Bungsu dahulu.

Tuan Osman bin Bungsu: [*Memberi isyarat minta laluan*] Adil, adil, adil, *look first*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat.

Saya mengulangi kata-kata Yang Berhormat bahawa Yang Berhormat datang asal usul daripada India dan saya melihat bahawa Yang Berhormat telah pun memiliki ekuiti daripada 1.5 turun sedikit 1.2 janganlah marah. Tapi ada ekuiti, yang kedua Yang Berhormat walau pun Yang Berhormat hadir ke Tanah Melayu ini dahulu dan akhirnya Yang Berhormat telah dapat hidup lebih baik daripada Orang Asli.

Walau pun Orang Asli duduk di tempat sini. Tidak ada ekuiti, tidak ada wakil rakyat, Ahli Parlimen, ADUN pun tidak ada. Saya harap ... cuma ada Dewan Negara sahaja seorang.

Saya harap Yang Berhormat harus bersyukur akan nikmat yang Allah atau Tuhan bagi. Kalau perjuangkanlah sama-samalah kita berjuang di bumi yang bertuah ini, jaga kita seimbang bukan dalam majlis ini kita hendak bertengkar. Sekurang-kurangnya sama rasa dalam kita menikmati kehidupan sama ada kualiti hidup ataupun modal insan.

Saya berharap Yang Berhormat pun sama-sama berjuang untuk Orang Asli yang saya sudah paparkan 90% Orang Asli miskin. Adakah Yang Berhormat tidak prihatin kepada Orang Asli. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Yang Berhormat Datuk. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat bersetuju sekiranya saya mengatakan bahawa hujah Yang Berhormat Datuk ini apabila mengatakan masyarakat India di negara ini hanyalah rakyat Malaysia, bukan rakyat dari negara lain iaitu rakyat Malaysia yang mempunyai Sijil Kerakyatan Malaysia iaitu kaum India yang mempunyai Sijil Kerakyatan Malaysia. Itu sahajalah yang saya bincangkan tadi.

Datuk M. Ratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga *enjoy* bila dia orang mencelah [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua Ini yang baiknya bila dibahas soal-soal yang mempunyai unsur-unsur perkauman dan Yang Berhormat enjoy bukan marah. Sila.

Dato' M. Ratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sentiasa senyum. Di dalam kalangan MIC juga dia orang kata 'Hei, apa you punya rahsia, marah pun ketawa, bila-bila pun ketawa, senyum sahaja, *smiling face*'. Itulah dia orang kata. *I don't keep anything in the heart, I don't carry anything in the heart*, dengan izin.

Kepada Yang Berhormat Tuan Osman Bungsu, saya kesianlah. Saya bersimpati kepada Orang Asli. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menceritakan satu pengalaman. Ketika saya berumur dalam lingkungan 15 tahun saya tinggal di Kepong jadi Bukit Lanjan adalah satu *settlement* Orang Asli. Saya pergi ke sana mereka tidak mahu kerja walaupun ada pokok getah tetapi mereka tidak mahu toreh. Saya ikut mereka bawa sumpitan untuk menyumpit monyet, bawa balik masak dan makan. *They are very satisfied community* – tidak kacau. *I think the government should help them to come up* tetapi orang itulah saya mohon maaf ... mereka tidak mahu pergi sekolah. Amalan mereka pergi masuk hutan cari benda-benda makan seperti

menangkap ikan, sumpit burung, monyet dan sebagainya. Jadi, *they have to change their livestyle.*

Kerajaan juga telah membina beberapa buah sekolah untuk Orang Asli tetapi anak-anak mereka tidak mahu pergi bersekolah. Jadi Yang Berhormat Tuan Osman sebagai wakil perlulah pergi sana menyuruh dan menasihati Orang-orang Asli itu supaya hantar anak-anak mereka untuk bersekolah.

Mengenai pandangan Yang Berhormat Tuan M. Munusamy saya juga ingin memberitahu bahawa kita orang India yang datang dahulu dan ada sijil kerakyatan adalah rakyat Malaysia yang setia kepada negara ini. Kita setia kepada negara ini. Sesiapa pun tidak boleh menyoal terhadap kesetiaan orang keturunan India yang ada sijil kerakyatan.

Saya teruskan. Rancangan Malaysia Kesembilan menyediakan satu *blue print* untuk merangka strategi dan untuk pelaksanaan bagi merealisasikan Wawasan 2020 dengan berbekalkan teras Misi Nasional. Pendekatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi menjurus kepada memenuhi keperluan rakyat secara keseluruhan tanpa mengira agama, keturunan, gender mahupun warna kulit. Ini bersifat *holistic*, ia bersifat adil dan saksama. Adalah saya tidak keterlaluan menyatakan di sini bahawa sumbangan masyarakat keturunan India ini kepada pembangunan memang tercatat jelas dalam sejarah pembangunan negara. Dengan pembangunan negara yang semakin pesat masyarakat India ini semakin keciciran – *priority* nombor satu. *Development of human capital. MIC recognizes that people development building the social capacity and capability of human potential is central for community and national advancement. A better equipped citizen for industry and the work place is impurity for global advantage,* dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan adalah nadi pembangunan negara dan teras kepada pembasmian kemiskinan. Antara langkah-langkah yang akan diperkukuhkan dalam rancangan ini ialah Kementerian Pengajian Tinggi mahukan supaya 34 buah Kolej Komuniti di seluruh negara pada masa kini dijadikan landasan yang sesuai sebagai pusat pembelajaran sepanjang hayat. Kolej Komuniti yang berterusan pelajaran teknikal dan kemahiran di peringkat sijil itu boleh dianggap sebagai pelengkap kepada institusi pendidikan tinggi yang lain, sama ada di peringkat universiti, kolej universiti mahupun politeknik. Dalam usia setahun jagung tahun lepas Kolej Komuniti memberi peluang kepada lebih 50 ribu pelajar untuk mengikuti kursus jangka pendek dan 10 ribu lagi untuk mengikuti kursus sepenuh masa selama dua tahun. Kolej Komuniti sesuai dijadikan pusat pembelajaran sepanjang hayat bagi para pelajar terutamanya di luar bandar kerana ia mempunyai segala kemudahan dalam meningkatkan ilmu kemahiran. Pihak kementerian harus merangka strategi untuk menjadikan Kolej Komuniti ini sebagai pusat kecemerlangan pendidikan kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun masyarakat India mula berpindah ke bandar akibat pembangunan yang membawa kepada perubahan dari ladang getah ke kawasan perumahan,

perpindahan ini tidak membawa perubahan besar dalam kehidupan mereka. Apa yang jelas ialah masyarakat India ini mula terperangkap dalam kawasan setinggan yang kalau dibandingkan tidak banyak beza dengan perumahan di *estate*, di mana kekurangan kemudahan dan infrastruktur asas adalah fenomena biasa. Ini dibimbangi boleh menjejaskan kualiti pendidikan terutamanya di peringkat awal pendidikan. Oleh yang demikian perhatian yang sewajarnya perlu diberikan kerana *capacity building*, dengan izin yang mampu bertahan harus bermula dari asas.

Saya amat berterima kasih kepada kerajaan kerana membenarkan kemasukan para pelajar India ke pusat GIAT MARA, di mana seramai 1,100 orang pemuda India telah dilatih pada tahun 2004 manakala di Institusi Latihan Industri Arumugam Pillai - 53% daripada pelatihnya adalah belia India, terima kasih kepada kerajaan.

Saya juga berharap seperti mana yang dicadangkan di Rancangan Malaysia Kesembilan, di mana belia-belia India akan diambil masuk ke pusat GIAT MARA dan pusat PUTRA yang baru akan ditingkatkan supaya pembangunan modal insan dalam masyarakat ini berjalan sejajar dengan wawasan negara. Ini adalah penting kerana peratusan yang tinggi dari kalangan tenaga kerja India yang terlibat dalam sektor pekerjaan kurang mahir iaitu 16.3% berbanding dengan hanya 9.9% untuk orang Melayu dan 8% untuk orang Cina. Maka dengan menambahkan pengambilan ke pusat-pusat latihan di atas diharapkan belia-belia India mempunyai masa depan yang cerah serta dapat menyumbang ke arah pembangunan negara.

Saya juga ingin menggesa kerajaan untuk meningkatkan pengambilan pelajar-pelajar perempuan India ke dalam Maktab Perguruan kerana peratusan permohonan yang tinggi dari golongan ini untuk jawatan tersebut.

Tahap pendidikan yang rendah dengan kadar keciciran yang tinggi. Tuan Yang di-Pertua, masyarakat India dilihat masih jauh terkebelakang dalam sistem pendidikan negara ini. Mengapakah mereka dipinggirkan? Laporan bancian tahun 2000 jelas menunjukkan bagaimana hanya 39.8% iaitu 13,714 orang daripada 34,470 kanak-kanak berusia 6 tahun telah mengikuti pendidikan sekolah rendah. Adakah Kementerian Pelajaran pernah cuba mendapatkan jawapan di atas persoalan ini? Pada tempoh yang sama hampir 2.8% atau 5,580 kanak-kanak India yang berusia antara 7 hingga 12 tahun tidak meneruskan pendidikan sekolah rendah mereka. Kadar keciciran dalam kalangan pelajar India menengah sebelum SPM adalah 27% ataupun seramai 39,680 orang.

Mengapakah jenayah di kalangan remaja India meningkat? Bukankah dengan sistem pendidikan yang lebih teratur atau mesra rakyat akan membantu mengurangkan pembabitan remaja India dalam kancah kurang bermoral. Yang diperlukan adalah kemudahan dan guru berwibawa. Saya menyokong penuh cadangan Timbalan Perdana Menteri untuk meningkatkan tahun wajib bersekolah selama 11 tahun iaitu sampai ke Tingkatan 5, kerana pendidikan adalah penting dalam soal membasmi kemiskinan dan menukar anak bangsa kita kepada modal insan yang menyumbang ke arah pembangunan negara.

Masalah kemasukan pelajar India ke universiti tempatan, Tuan Yang di-Pertua, saya juga merasakan kerajaan perlu mengkaji semula penggunaan dua sistem berlainan dalam pengambilan pelajar ke IPTA iaitu STPM dan matrikulasi. Saya hanya meminta kerajaan bersifat rasional. Kemasukan pelajar India ke IPTA selepas sistem meritokrasi diperkenalkan sebenarnya telah menjejaskan bilangan pelajar untuk mengikut kursus yang kritikal seperti kejuruteraan, perubatan, pergigian, perakaunan dan farmasi. Seramai 1,530 pelajar India atau 4.7% berjaya memasuki IPTA dari 32,752 tempat yang disediakan pada tahun 2005 berdasarkan keputusan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau yang setarafnya. Selebihnya pula, diisi pelajar bumiputera iaitu 22,557 atau 68.9% dan 8,665 pelajar kaum Cina iaitu 26.4%.

Pada tahun 2005, pihak MIC telah merayu untuk sejumlah 380 pelajar kerana tidak mendapat tawaran daripada IPTA untuk melanjutkan pelajaran mereka. Malahan lima daripada pelajar tersebut mempunyai keputusan cemerlang CGPA - 3.9 daripada 4. Keadaan ini membingungkan kita sehingga Presiden MIC telah menyatakan perkara ini bukan sahaja harus diperbincangkan di peringkat Kabinet, tetapi juga di peringkat Parlimen. Beliau juga seterusnya menyatakan tawaran kursus kepada para pelajar India bukan sahaja kurang rasional tetapi juga membuat kita mula persoalkan dasar kementerian tersebut. Ini adalah kerana selain dari ditawarkan kursus bukan minat pelajar-pelajar tersebut, tetapi juga kursus-kursus yang ditawarkan seperti Sains Alam Sekitar, Perikanan ataupun *Marine Biology* adalah kursus-kursus yang kurang popular dengan prospek kerja yang rendah.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga harus menggalakkan kemasukan kanak-kanak India ke KEMAS dan pra-sekolah di bawah Kementerian Pelajaran untuk menambahkan akses pendidikan pra-sekolah rendah kepada masyarakat India. Dengan ini kanak-kanak India bukan sahaja diberi *equal opportunity* tetapi juga *equal start* dalam dunia pendidikan. Rancangan Malaysia Kesembilan perlu memastikan pelajar yang dikategorikan sebagai '*missed in*' diberi perhatian khusus supaya tidak kehilangan motivasi untuk meneruskan pendidikan mereka. Kadar keciciran perlu diatasi supaya kadar buta huruf dapat dibendung nilainya dari merosot terus.

Pelajar kawasan luar bandar, Sabah dan Sarawak merupakan kumpulan sasar yang wajar diberi peruntukan yang lebih berbanding dengan pelajar di kawasan *urban*. Pembangunan modal insan yang holistik bergantung pada etika, prestasi, moral dan sifat progresif persekitaran pembelajaran dan pengajaran yang kondusif bukan sahaja akan meningkatkan kapasiti seorang pelajar atau tenaga pengajar, malahan ia boleh dijadikan pengerat kepada pembentukan tamadun bangsa Malaysia yang cintakan sekolah kebangsaan.

Transformasi sikap ini hanya bergantung kepada guru sendiri yang perlu perhatian dengan keperluan dan minat untuk membentuk pelajar yang berkualiti. RMK-9 yang akan meningkatkan usaha program latihan pembangunan guru boleh menggunakan kesemua

peralatan terkini, berinovasi dan kepakaran yang ada untuk memastikan modal insan yang lahir adalah nadi kepada pembangunan dan insan yang menjiwai Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga perlu menjalankan program-program seperti mana yang dijalankan di Amerika Syarikat, '*No Child Left Behind*', dengan izin, sebuah program yang inovatif untuk mengurang jurang kecemerlangan antara pelajar-pelajar di sana. Manakala sistem pendidikan Singapura pula terkenal kerana kecemerlangan dalam pengajaran mata pelajaran Matematik, sehingga negara-negara Barat termasuk Israel mencontohnya. Kalau tidak silap saya, pendidikan kita yang bermula pada masa dan peringkat yang sama, mengapa kita ketinggalan.

Saya sama sekali bersetuju dengan kenyataan oleh Menteri Pelajaran kita bahawa teknologi baru di sekolah atau apa segala dasar sekali pun tidak akan membawa apa-apa perubahan jika kita tidak dapat mendidik pelajar sebaik mungkin tanpa kecekapan dan kebijaksanaan para pendidik yang berkualiti. Para pendidik kita menanggung tanggungjawab yang mulia dalam merealisasikan wawasan, melahirkan bangsa yang maju mengikut acuan sendiri seimbang dan harmonis dari segi intelek, jasmani, emosi dan rohani.

Prioriti kedua - *Sustainable right creation, management and Distribution*. Tuan Yang di-Pertua, "*MIC recognizes that empowering people to create wealth or generate income to the business, investment, entrepreneur development is necessary for the community to experience a better quality of life in compete in the open market that will be also enhance national growth*", dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan berterusan yang pesat berlaku di dalam negara kerana kerajaan menyediakan persekitaran yang membolehkan masyarakat terus diberi peluang untuk melibatkan diri dalam pelbagai jenis aktiviti ekonomi. Walau bagaimanapun, ada yang tidak mendapat manfaat daripadanya. Lebih 50% daripada masyarakat India pernah bekerja di sektor perladangan ataupun merupakan pekerja kolar biru di bandar. Pelajar India dikategorikan sebagai kumpulan yang mempunyai prestasi yang paling buruk di sekolah dan keciciran sekolah yang paling tinggi memandangkan sebilangannya masih miskin dan terlibat dalam kancas gejala sosial. Pemilikan ekuiti masyarakat India telah menurun secara keseluruhan dari 1.5% pada tahun 2000 kepada 1.2% pada tahun 2004. Penurunan ini berlaku ketika pemilikan ekuiti masyarakat Cina meningkat sebanyak 12.4% dan masyarakat bumiputera sebanyak 12.3%, manakala kaum India mengalami pertumbuhan sebanyak 5.6% sahaja pada tempoh masa yang sama.

Ada beberapa kemungkinan yang berlaku:

- (i) masyarakat India secara amnya mempunyai peluang-peluang perniagaan yang terhad jika dibandingkan dengan masyarakat bumiputera yang sentiasa mendapat keutamaan bantuan kerajaan dan

masyarakat Cina yang sememangnya lebih kukuh dari segi kedudukan ekonomi dan hubungan perniagaan;

- (ii) ketika kek ekonomi negara berkembang dengan pesat, masyarakat India tidak mempunyai dana atau tabung tertentu yang boleh digunakan untuk agihan kekayaan negara kepada masyarakat ini. Ini juga menyebabkan kurangnya peluang-peluang pelaburan yang boleh digunakan untuk mengembangkan pemilikan ekuiti masyarakat India di negara ini;
- (ii) masih ramai dari kalangan masyarakat India yang tidak berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi sama ada kerana tidak mampu untuk membiayai pengajian tinggi di IPTS atau tidak ramai yang berpeluang melanjutkan pelajaran ke IPT di mana kos pembelajaran adalah lebih murah. Ini menyebabkan kelas menengah masyarakat India tidak begitu berkembang dan bilangan profesional dalam pekerjaan-pekerjaan tertentu semakin menurun.

Oleh yang demikian, cadangan-cadangan berikut perlu diberi perhatian oleh pihak kerajaan sekiranya sasaran untuk meningkatkan pemulihan ekuiti masyarakat India kepada 3% benar-benar ingin dicapai:

- seperti masyarakat bumiputera, pihak kerajaan haruslah mewajibkan sebarang *initial public offering* di Bursa Malaysia memperuntukkan sekurang-kurangnya 3% untuk institusi atau pelabur-pelabur;
- satu dana khas mirip kepada Amanah Saham Bumiputera (ASB) diwujudkan untuk memberi peluang kepada masyarakat India terutamanya kepada golongan yang berpendapatan rendah untuk melabur tanpa risiko yang tinggi dengan pulangan yang berpatutan. Jika dana yang sedemikian sukar untuk diwujudkan sekurang-kurangnya memberi peluang kepada masyarakat India untuk turut sama melabur dalam ASB dengan syarat-syarat atau atas had-had tertentu;
- mewujudkan bantuan kewangan khusus untuk masyarakat India untuk memulakan perniagaan kecil dan sederhana dengan jumlah dana dan institusi khusus untuk mengurusnya.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kerajaan menyediakan pelbagai jenis kemudahan kewangan membantu Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Tetapi amat sedih sekali banyak IKS kaum India yang terpaksa menghadapi masalah aliran kewangan dalam menjalankan perniagaan mereka. Seperti mana yang dibentangkan dalam Bajet 2006, untuk membiayai perkembangan aktiviti IKS kerajaan menubuhkan Bank SME hasil gabungan dua bank yang lain. SME Bank

akan membantu menyediakan kemudahan kewangan dan khidmat nasihat kepada industri kecil dan sederhana. Di samping meningkatkan tahap saingan syarikat tempatan di pasaran dalam dan luar negara.

SME Bank juga akan menubuhkan dana modal teroka berjumlah RM1 bilion untuk membiayai IKS yang mempunyai rancangan dan berupaya meningkatkan perkembangan perniagaan. IKS yang menunjukkan pertumbuhan yang kukuh dan mempunyai lebih daya saing akan diberi suntikan modal. Maka di sini saya ingin meminta kerajaan untuk mengarahkan Bank SME untuk memberi pinjaman kepada IKS-IKS masyarakat India. Supaya mereka bersama dengan IKS lain dapat menyumbang ke arah pembangunan negara. Pada masa yang sama, juga saya ingin menyeru kerajaan untuk menyediakan atau membuka lebih luas skim geran penyelidikan dan pengkomersialan seperti di bawah MTDC, SMIDEC, SMIDC dan MDC untuk IKS-IKS kaum India supaya mereka juga dapat menjalankan R&D yang sewajarnya untuk memperbaiki produk hasilan mereka. Dan seterusnya mengharumkan jenama Malaysia di persada dunia.

Saya juga ingin menggesa kerajaan untuk mengenal pasti dan merangka strategi dan program bersesuaian untuk menggalakkan lanjut penglibatan para belia India dalam bidang keusahawanan. Penubuhan Majlis Ekonomi Belia Negara seperti yang dicadangkan oleh Kementerian Belia dan Sukan, saya harapkan akan memberi perhatian serius kepada penglibatan belia India. Di sini saya ingin bacakan petikan satu kata-kata Perdana Menteri kita, Yang Amat Berhormat Pak Lah. Tengoklah nama Perdana Menteri pun boleh lupa kadang-kadang. *[Ketawa]*.

Langkah sewajarnya juga akan diperkenalkan untuk meningkatkan pemilikan ekuiti India kepada 3% menjelang tahun 2020. Di samping menggalakkan usahawan peluang latihan kemahiran untuk belia India akan ditambahkan dengan memberi tempat di Pusat Giat Mara dan Institut Keusahawanan Negara serta penubuhan Pusat Putra.

Priority ketiga Tuan Yang di-Pertua, MIC recognizes that enabling people for social transformation is urgently necessary through addressing critical issues such as displacement and alienation due to urbanization and modernization or crime and violence due to the breakdown of social support and social control system dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, satu, gejala sosial di kalangan masyarakat India telah menjadi kronik. Pembabitian remaja dalam kegiatan jenayah adalah 23% berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh Yayasan Pencegah Jenayah Malaysia (MCPF). Jumlah tahanan juvana India adalah 451, 9.7%. Manakala pelajar India yang terlibat dengan pelbagai kesalahan adalah 149, 6.2% iaitu untuk tempoh 10 bulan pertama tahun 2004. 30.9% kes membunuh diri adalah dari kalangan masyarakat India. Begitu juga dengan kes keganasan rumah tangga iaitu hampir 35.8%. Bilangan ibu tunggal juga sudah mencapai tahap membimbangkan, hampir 70%

daripada mereka kehilangan suami, bercerai atau ditinggalkan oleh suami. Daripada ini, 60% berumur sekitar 25 hingga 40 tahun dan mempunyai anak dalam usia muda atau belasan tahun.

Dua, menurut kajian dan angka yang pernah diterbitkan, hampir 63% masyarakat India ditangkap di bawah Akta Darurat untuk jenayah ganas. 41% adalah pengemis dan 20% penderaan kanak-kanak adalah dari masyarakat India. Sehingga pengarah Jabatan Pengurusan Bukit Aman, Datuk Kamarudin Mohd. Ali.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Tuan Yang di-Pertua, mohon gangguan. Boleh?

Datuk M. Ratnam: Ya, boleh.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat. Rehat sekejap. Daripada fakta-fakta Yang Berhormat Datuk nyatakan tadi, dengan masalah jenayahnya, dengan kecicirannya, dengan wujudnya ibu-ibu tunggal yang makin ramai. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat, adakah ini kita patut menyalahkan pihak kerajaan kerana kekurangan pemantauan atau kerana wujud satu sindrom atau satu budaya dalam masyarakat. Sebenarnya ini masalah universal, tapi daripada hujah Yang Berhormat tadi seolah-olah menjuruskan masalah-masalah tersebut berpunca kerana fakta kelemahan pihak kerajaan.

Dan tidakkah pada pandangan Yang Berhormat, di masyarakat India juga bertanggungjawab, keluarga India juga bertanggungjawab, ibu bapa India juga bertanggungjawab untuk cuba sama-sama membimbing anak-anak ataupun sama-sama membantu kerajaan di dalam mewujudkan satu masyarakat yang baik. Kerana seolah-olah wujudnya jenayah yang begitu banyak, wujudnya pengangguran yang begitu banyak berpunca kerana salah dasar kerajaan. Tidakkah boleh pada pandangan Yang Berhormat tanggungjawab ibu bapa sebagaimana Yang Berhormat telah menceritakan kisah lama, tanggungjawab ibu bapa Yang Berhormat yang begitu bertanggungjawab adalah merupakan keluarga contoh.

Bolehkah masyarakat India menjadikan keluarga Yang Berhormat itu sebagai contoh agar membantu kerajaan bagi mengelakkan masalah-masalah yang dinyatakan tadi. Terima kasih, apa pandangan Yang Berhormat.

Datuk M. Ratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Datuk Yaakob. Soalan Yang Berhormat adalah rumit untuk dijawab. *[Ketawa]* Ini bukanlah kebudayaan orang India. Seperti yang saya telah terangkan awal-awal tadi mereka hijrah dari ladang ke bandar, *change of environment, unemployment*. Bila dia keluar dari ladang dia belajar di sekolah Tamil. Bila dia datang ke bandar barangkali dia sudah belajar sampai darjah tiga atau empat, dia tidak boleh masuk ke sekolah kebangsaan yang di sini. Di bandar terlalu kurang sekolah-sekolah Tamil. Jadi dia tidak dapat meneruskan pelajarannya. Ini satu punca. Juga adalah tanggungjawab kepada ibu bapa untuk menjaga dan mendidik anak. *That is universal*, dengan izin.

Tetapi di dalam keadaan ini bapa pun pergi kerja, emak pun pergi kerja, dia tidak pergi sekolah. Dia campur budak-budak jahat. Mula-mula curi betik, curi rambutan, curi kelapa muda dan sedikit-sedikit dia berubah. Dia curi barang yang berharga sedikit, lepas itu dia curi motosikal, curi kereta dan rompak bank. Inilah cara dia jadi orang yang jahat. Jadi tidak boleh salahkan ibu bapa kerana mereka pergi kerja. Waktu malam apa yang boleh mereka beri nasihat? Bila budak-budak itu sudah besar dia tidak dengar lagi nasihat ibu bapa. Kalau ibu bapa keras sangat dia pergi duduk rumah kawan ataupun sewa satu bilik.

Itu yang berlaku pada masa kini. Memang MIC melalui Yayasan Strategik Sosial telah mengadakan banyak program seperti program ceramah, program latihan, program sukan dan juga baru-baru ini yayasan minta budak-budak berdaftar dengan yayasan itu supaya yayasan sendiri boleh dapatkan tempat pelajaran di Giat MARA dan lain-lain tempat.

Untuk makluman Yang Berhormat yang ada di sini, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Menteri Besar Negeri Selangor yang telah mengeluarkan wang sebanyak RM1 juta khas untuk budak-budak India supaya mereka semua dapat pergi satu institusi di Pulau Indah. Namanya saya lupa. Sudah tua. *[Ketawa]* Khas untuk budak-budak India. Bila mereka pergi ke kolej itu dia akan diberi latihan, diberi makan dan juga saya ingat duit RM100 untuk perbelanjaan. Ada latihan untuk enam bulan, ada latihan untuk satu tahun, ada latihan untuk dua tahun. Saya haraplah kerajaan-kerajaan negeri yang lain mengikut *example of the Selangor State Government and set up similar schemes so that those young boys who are not going to school can go and get them train and get themselves employed and as such they won't be involved in* gejala-gejala sosial dengan izin. Saya sudah cakap dalam bahasa Inggeris banyak.

Tuan Yang di-Pertua: Menteri Besar Selangor itu bukan dari MIC?

Datuk M. Ratnam: Dia dalam Barisan Nasional. Orang kuat UMNO, orang kuat Barisan Nasional. Kita juga salah satu badan dalam Barisan Nasional. Kongsi kuasa.

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna dengan izin, *there is hope yet*.

Datuk M. Ratnam: *Yes, there's lot of hope - thank you* Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Yang Berhormat, mohon laluan.

Datuk M. Ratnam: Boleh, silakan.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapatkan pandangan Yang Berhormat sebagai orang India yang mungkin jauh lebih maju daripada orang India yang lain, Yang Berhormat merupakan golongan yang agak bernasib baik mungkin daripada usaha dan sebagainya. Tidakkah Yang Berhormat terpanggil untuk berbakti dan berjasa kepada kaum India lain seperti yang telah dibuat oleh Menteri Besar Selangor. Terima kasih.

Datuk M. Ratnam: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, saya orang yang berjasa baik. Saya sudah belanja wang untuk menghantar seorang budak India untuk belajar *law* di Eropah. Saya taja. Tetapi bila dia

balik dia sudah bayar kepada saya balik sedikit demi sedikit, beransur-ansur. Lagi juga, saya sudah taja....

Tuan Yang di-Pertua: Ada faedahkah tidak ada? Ada faedahkah tidak ada?

Datuk M. Ratnam: Dia kata terima kasihlah....

Tuan Yang di-Pertua: Ada *interest* tidak ada?

Datuk M. Ratnam: Tidak ada, tidak ada *interest*, tidak ada *interest*.

[Dewan menjadi gamat seketika dengan ketawa]

Tanpa bunga, *free*. Saya juga taja seorang budak yang kurang wang pergi belajar di Tasmania Australia.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Yang Berhormat, mohon laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Biarkan Yang Berhormat habiskan dahulu.

Datuk M. Ratnam: Saya habiskan ini. Dia sudah belajar - balik. Bapa dia baru bersara dari kerja, jadi dia bayar balik wang yang saya pinjamkan kepadanya. Seorang lagi budak di dalam kawasan saya Selayang, bapa dia dahulu Ketua MIC cawangan. Bila dia meninggal dunia budak itu tidak dapat melanjutkan pelajaran. Saya juga membiayai penuh pelajarannya tetapi apabila dia sudah tamat pelajaran dia tidak balik bagi tahu sama saya terima kasih. Itu tidak perlulah. Ini, *this is what I get sometimes for helping*, dengan izin.

Dari masa ke semasa saya pernah bayar yuran keluarga miskin, yuran peperiksaan keluarga miskin dan sebagainya. Apa yang saya boleh buat saya ada buat. Bukan saya tidak ada buat. Tuhan banyak kasih sama saya sebab saya tidak jahat. Semua baik. So, minda saya *free*. Saya balik rumah tenang. So, bila saya ada wang berlebihan. Bukan saya sahaja *sorry*lah saya bukan isteri saya di Kampung Baru Sungai Buloh beli satu tapak tanah mendirikan empat buah rumah untuk kuil yang ada di situ kerana *priest* kena bayar, orang yang main muzik perlu dibayar. Tidak ada pendapatan. Jadi dia buat empat buah rumah dan sewakan rumah itu bagi kepada kuil. Tanah itu bagi kepada kuil.

Baru-baru ini saya ingat dia membelanjakan lebih kurang RM100,000 lebih untuk buat perubahan di dalam kuil. Jadi kita dapat duit kita juga beri duit kepada yang memerlukan. *[Bertanya kepada Yang Berhormat Dato' Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain] Thank you.* Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Tadi Yang Berhormat hendak bangun.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Tidak perlu.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah terjawab?

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: *[Menganggukkan kepala]*

Datuk M. Ratnam: Tuan Yang di-Pertua, Dato Kamaruddin Mohd Ali menyatakan masyarakat keturunan India yang sering terlibat dalam jenayah seperti gengsterisme, pergaduhan, rompakan dan pecah rumah menyatakan kaum itu sebagai salah satu ancaman kepada keselamatan negara.

Saya berpendapat bahawa kenyataan ini adalah tidak munasabah sama sekali. Beliau berkata antara faktor yang menyebabkan masyarakat India banyak terlibat dalam jenayah adalah kerana mengalami kejutan budaya dan ingin mendapatkan sesuatu dengan mudah selepas berlaku perpindahan dari estet ke bandar-bandar besar. Jadi walaupun masalah ini wujud, apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi masalah ini tanpa mengimplementasikan rancangan kerajaan dalam mana-mana rancangan Malaysia nasib kaum India ini akan berlarutan.

Ketiga, jurang perbezaan yang luas dalam masyarakat ini. MIC notes, *“That by 10 to 20% of the Malaysian Indian Community as is at the top at along of Malaysian society. There is sizeable bottom 30 to 40% whose needs concern and issues must be effectively and efficiently address. This is imperative was sustainable development and progress of the community and nation”*, dengan izin.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh teruskan.

Datuk M. Ratnam: Empat, kadar masalah ibu tunggal yang tinggi. *“A comprehensive survey was done to determine the number of Indian’s quarter families and their housing need in Kuala Lumpur. The house to house survey was conducted with the assistant of the MIC Divisions between March and December 2000. The totals of 58 settlements were identified with the total of 3,119 houses and 3,660 Indian families’s living there. Out of the total Indian population of 80,014, there are 12,196 youth and 500 single mothers”* dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, ibu tunggal merupakan salah satu masalah terutama yang dihadapi masyarakat India. Wanita ialah modal insan yang amat penting bagi pembinaan keluarga bahagia dan pembangunan sesebuah negara.

Jika wanita dilengkapi dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan kepakaran, mereka boleh menyumbang kepada arus perdana kehidupan dan memberi sumbangan bermakna dalam proses pembangunan sesebuah negara. Pada masa ini, separuh daripada penduduk dunia terdiri daripada kaum wanita dan sekiranya pengetahuan, kemahiran, kepakaran, minda dan tenaga wanita dapat dimanfaatkan, mereka boleh menjadi pelengkap kepada kaum lelaki dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara. Guna tenaga penuh yang ideal seumpama itu sudah pasti akan menjadi modal insan yang mampu merencanakan lagi proses pembangunan sesebuah negara.

Varies economic social and training program were implemented by the government and NGO’s to reduce the incident of poverty among women, including single mothers and female headed household. Through this program, the incident of poverty among women, including single mothers and female headed households decline to the Skim Pinjaman Ikhtiar implemented by Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), about 67,000 women from the lower income group were involve

in micro credit enterprises. Women in rural areas were also provided to opportunities to established workshop and trading stall premises to facilitate the involvement in small business, dengan izin. Yes?

Dato' Hamzah bin Zainuddin: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Hamzah.

Dato' Hamzah bin Zainuddin: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk M. Ratnam. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hairan pertama kerana Yang Berhormat Senator Datuk M. Ratnam adalah seorang yang petah dalam berbahasa Melayu dan saya perhatikan daripada mula tadi, Yang Berhormat apabila hendak membincangkan sesuatu, Yang Berhormat boleh menggunakan bahasa kita. Tetapi yang saya hairan juga, bahawa Yang Berhormat tidak menggunakan *quotation*, dalam bahasa Inggeris bolehlah kalau gunakan *quotation* untuk kita minta izin, tetapi saya perhatikan hujah-hujah Yang Berhormat dalam bahasa Inggeris itu apa salahnya, adakah kerana - saya hairan kerana bahasa Yang Berhormat gunakan memang baik sekali. Kita semua dalam dewan ini boleh faham tetapi oleh sebab terlampau banyak sangat itu, saya rasalah Dewan ini menggunakan dalam bahasa pertama bahasa kita. Saya minta Yang Berhormat, cuma teguran saya ini, saya buat ini kerana hanya semata-mata hendak melihat kerana Yang Berhormat buat itu boleh dialihkan dalam bahasa kita sebenarnya Yang Berhormat. Betul kah itu atau tidak? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Adakah maksud Yang Berhormat Dato' Hamzah tadi bahawa Datuk M. Ratnam lebih selesa bercakap tanpa membaca teks beliau dalam bahasa Inggeris tadi?

Dato' Hamzah bin Zainuddin: Kalau kita perhatikan apabila beliau berhujah, beliau boleh menggunakan bahasa kita dengan petahnya. Tetapi apabila beliau membaca hujah-hujah dalam saya ingat Yang Berhormat sudah menulis, mengapa tidak diterjemahkan dahulu dalam bahasa kita kerana kalau *quotation* yang pendek-pendek saya faham, tetapi penjelasan yang begitu panjang sekali dalam bahasa Inggeris ini, bukanlah kita dalam Dewan ini tidak faham cuma menjadi masalah kita ini saya rasa bahasa yang digunakan dalam Dewan ini diutamakan dalam bahasa kita dahulu. Jadi saya ahli-ahli hendak tanya Yang Berhormat apa sebabnya kerana kalau kita ikutkan dari segi semangat beliau sebagai seorang masyarakat dalam negara ini, sebagai seorang ahli anggota Parlimen yang baik, saya rasa nampak kurang sedikitlah Yang Berhormat, saya minta maaf.

Datuk M. Ratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Hamzah. Kalau ini dipetik dari rekod-rekod MIC yang ada dalam bahasa Inggeris, kalau saya terjemah ertinya tidak mesti setepat, jadi saya baca sedikit sahaja. Saya ada 30 lebih muka tapi ini kalau semua campur pun tiada sampai dua mukalah. Memang saya lebih selesa seperti yang dipandang oleh Tuan Yang di-Pertua, sekiranya saya bahas tanpa *note*.

Saya bukanlah tidak mahu cakap dalam bahasa Malaysia, *I love the language*, dengan izin. Anda semua, saya fasih dalam bahasa kebangsaan seperti yang saya telah beritahu kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat dahulu, saya tidak belajar bahasa Malaysia dalam sekolah kerana saya bersekolah semasa orang putih jajah negara kitalah. Jadi apa yang cakap sekarang pun, *market Malay* masalah saya anggap, *market Malay* la. Jadi saya harap, Yang Berhormat Datuk Hamzah tidak mengambil berat kerana saya menggunakan banyak dalam bahasa Inggeris lah. Terima kasih Datuk Hamzah, *no heart feeling. Thank you.*

Dengan ini saya menggesa agensi-agensi kerajaan seperti Amanah Ikhtiar Malaysia, Yayasan Tekun Nasional dan Program Keusahawanan Mara membantu golongan wanita India terutama ibu tunggal dalam memulakan perniagaan kecil untuk menjamin masa depan mereka. *Urban poverty.* Tuan Yang di-Pertua, Presiden *Malaysian Indian Congress* Yang Berhormat Dato' Seri Dr. S. Samy Vellu telah berulang kali menekankan elemen kemiskinan bandar dan keluarga pendapatan rendah memandangkan hampir 79.7% warga ini menetap di bandar akibat pembangunan perubahan di estet atau tempat asal mereka. Maka dari sinilah menularnya masalah kemiskinan, jenayah dan keganasan dan di kalangan masyarakat India. Satu kolerasi yang dibuat berdasarkan kajian dan penyelidikan akademi. Senario asas *urban poverty.* Satu, kanak-kanak kurang akses kepada pendidikan pra-sekolah, kadar ibu tunggal yang tinggi, masalah suami-isteri *domestic violents...*

Kadar keciciran pelajar yang tinggi, keadaan perumahan yang kurang selesa, kawasan setinggan yang merendahkan motivasi, jati diri dan penampilan seseorang, penglibatan yang belia yang tinggi dalam aktiviti jenayah. Rancangan kerajaan kepada pembasmian *urban poverty* adalah tidak begitu meyakinkan dengan peruntukkan yang tidak munasabah, iaitu kira-kira 50 juta sahaja dalam RMK-9. Dalam usaha membanteras *urban poverty*, saya harap kerajaan akan meneruskan peruntukkan sejumlah lima juta lagi kepada Yayasan Strategik Sosial untuk membolehkan yayasan ini mengemudi program-program pembasmian kemiskinan.

Priority keempat. Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha memastikan pelaksanaan dan pengimplementasian proses, pemantauan projek adalah amat penting sekali. Pemantauan adalah penting untuk memastikan:-

- (i) program yang dijalankan adalah seperti mana yang dirancangkan;
- (ii) memastikan program yang dilaksanakan sampai kepada kumpulan sasaran;
- (iii) memastikan objektif program memenuhi kehendak pembangunan nasional.

Penubuhan badan pemantau di bawah Perdana Menteri iaitu Badan Bertindak Pelaksanaan Negara untuk memantau projek RMK-9 adalah sangat-sangat dialukan. Di sini saya ingin mencadangkan penubuhan pasukan pemantau persekutuan di setiap negeri untuk memantau pelaksanaan program-program dijalankan mengikut rancangan di peringkat tempatan.

Dalam merentasi fasa dua wawasan 2020, saya amat berharap kepentingan dan kebajikan masyarakat India turut diambil kira supaya ia tidak merencatkan proses menjadi masyarakat kelas satu di sebuah negara maju pada ambang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya telah meminta Menteri Pertanian, apakah penyelidikan yang telah dan akan dijalankan mengenai tanaman bunga melor. Jawapannya ialah nilai eksport bunga melor pada masa ini tidak begitu menggalakkan dan oleh sebab itu penyelidikan ke atas bunga melor tidak diberikan. Tuan Yang di-Pertua, bunga melor ialah satu *multi million dollar business*, dengan izin, dalam negara kita. Sehingga 20 juta setahun, dari Perlis ke Johor bukan sahaja orang keturunan Hindu gunakan bunga melor untuk sembahyang, orang Buddhist dan lain-lain, melainkan orang beragama Islam gunakan bunga melor. Kesemua kaum digunakan bunga melor juga bunga malai. Ribuan keluarga bergantung kepada pengeluaran dan penjualan bunga melor.

Tuan Yang di-Pertua, bunga melor ini pun ada musim, apabila bermusim tiap-tiap 40 hari sekali, pokok bunga melor akan keluar sehingga 10 kali ganda lebih dan ia tidak dapat dijual atau pun di simpan. Biasanya, satu kilo bunga melor dijual dengan harga RM25. Pada musim ia dijual dengan harga hanya RM5 dan pada *off-peak* sehingga RM50 sekilo. Kalau kita ada teknologi untuk menyimpan melor tanpa kerosakan bagi tempoh sehingga dua minggu, bunga melor ini boleh dijual pada musim *off-peak* dengan izin. Dan petani bunga melor akan berfaedah dan tidak perlu dijual dengan harga begitu rendah. Untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua, pada masa *off-peak* dengan izin, kita juga mengimport bunga melor dari negara Thailand dan Indonesia dengan harga RM20 satu kilo. Jadi saya mohon supaya MARDI menjalankan penyelidikan supaya bunga melor dapat disimpan satu hingga dua minggu. Dengan cara ini, kita tidak perlu mengimport bunga melor dari luar negara. Petani tempatan juga akan menikmati pendapatan yang lebih.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai jawapan kepada satu soalan daripada Yang Berhormat Senator Krishnan baru-baru ini, Perdana Menteri telah menjawab bahawa 137 orang India telah dipilih untuk berkhidmat dalam polis seperti berikut:-

- 8 orang *Assistant Superintendent*
- 20 orang Inspektor
- 109 orang Konstabel

Jumlahnya 137. Juga Perdana Menteri telah memaklumkan bahawa 28,348 orang keturunan India juga telah memohon untuk jawatan konstabel. Saya hairanlah mengapa hanya perpeuluhan 4% iaitu kurang pada 4% hanya dipilih. Selalunya pihak kerajaan menuduh bahawa orang keturunan India tidak berminat dan tidak memohon untuk berkhidmat dalam perkhidmatan polis dan tentera, dan lain-lain perkhidmatan kerajaan.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Tajul Urus. Yang Berhormat beri laluan?

Datuk M. Ratnam: Ya.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Tuan Yang di-Pertua, apabila seseorang itu membuat permohonan, mestikah kita mengambil semua? Tidakkah kriteria pengambilan untuk memasuki polis itu, dia ada kriteria yang tertentu. Begitulah juga dengan bangsa-bangsa yang lain, yang memohon itu saya rasa berpuluh ribu, tetapi yang dipilih itu, ialah berdasarkan kelayakan dan kesesuaian. Terima kasih.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Yang Berhormat, boleh saya minta izin tambah sedikit soalan tersebut. Daripada fakta yang Yang Berhormat Datuk Senator sebutkan tadi itu, permohonan daripada kaum India, kalau tidak salah saya 28 ribu permohonan. Saya ingat fakta ini mungkin tidak tepat, kalau boleh Yang Berhormat semak semula kerana dari segi sistem pengambilan dalam urusan temu duga mana-mana jawatan dalam Suruhanjaya, sama ada perkhidmatan awam, polis atau pun guru, selalunya nisbah yang akan digunakan umpamanya kalau permohonan daripada bumiputera 100 ribu umpamanya, yang akan diambil mungkin sekitar 500.

Jadi nisbah kepada 100 ribu itu adalah terlalu kecil dan begitu juga dengan jumlah permohonan kaum India katakan...sebab itu saya kurang yakin fakta 28 ribu itu, kerana selalunya nisbah yang akan digunakan menunjukkan pengambilan sesuatu kaum itu lebih daripada kaum bumiputera dalam senario nisbah-nisbah yang diambil oleh Suruhanjaya. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk M. Ratnam: Terima kasih Datuk Yaakob, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada *paper cutting*, sejumlah 28,348 orang telah mohonlah. Kita tidak boleh ikut nisbah. Selalu kata tidak ada mohon, tiada mohon, bila mohon 28 ribu orang hanya ambil 109 orang. Tidakkah boleh menggunakan peluang ini untuk mengambil lebih orang. Pada seketika dulu apabila di dalam kerajaan, orang bumiputera ada banyak kurang, kita tidak ikut nisbah. Masuk, isi penuh, isi penuh kita tidak ada *object* kerana banyak orang Melayu tidak ada dalam jawatan-jawatan kerajaan. Kita sokong, tetapi kita adalah lebih kurang 7.8% dalam negara ini, populasi. Jadi apabila mengambil orang-orang untuk kerja dalam jabatan-jabatan kerajaan, perlu beri peluang...

Orang India pun mundur. Banyak miskin, banyak gejala sosial ini adalah disebabkan kemiskinan. Selalu orang India kata, "Oh, *you apply to a government, you never get the job*lah. Jangan *waste your time*lah". Anggapan itu, *it is a feeling*, dengan izin. Saya tidak mahu orang India berfikir macam itu. Ada juga saya tidak ada buktilah sekarang. Saya ada baca dalam surat khabar dan juga ada bincang dalam MIC. Di satu majlis daerah, dia orang ada *recruit* 99 orang, semua bumiputera, walaupun ada banyak orang ada mohon dari kalangan orang Indialah. Jadi, saya tidak salahkan polisi kerajaan. Dasar kerajaan, adalah baik. Orang bawah yang

implementasi itulah yang buat kesilapan. Siapa ada memantau? Sama ada polisi diikuti. Kita merayu, kita tidak lawan. Tolong bagi peluang kepada orang-orang India jugalah.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Yang Berhormat, kita mohon laluan.

Datuk M. Ratnam: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Datuk Roslan.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih Yang Berhormat. Saya melihat bahawa hujah-hujah yang diberi oleh Yang Berhormat daripada awal hingga ke saat ini, menunjukkan bahawa pembelaan terhadap kaum India. Dari segi fakta-fakta yang Yang Berhormat beri, merupakan satu penyelidikan yang begitu rapi dan ia merupakan satu *micro economic factors* dengan izin, statistik yang telah menunjukkan bahawa perjuangan Yang Berhormat terhadap orang-orang India ini untuk menambahkan lagi dari segi mutu ekuitinya dan pendapatannya lebih bertambah. Saya ingin meminta daripada pihak kerajaan, memberi statistik yang tepat. Yang mana mengikut pengetahuan saya, pendapatan *household income*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, bahawa kaum India jauh lebih tinggi daripada orang-orang Melayu.

Dari segi hujah-hujah yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat ini bahawasanya pendapatan orang-orang India ini jauh lebih kurang dari orang Melayu. Walhal dari nisbah jumlah orang-orang Melayu yang ada dalam Malaysia ini jauh lebih besar banyaknya. Jadi, saya meminta dari pihak kerajaan dalam penggulungan nanti, memberi fakta-fakta yang tertentu yang menunjukkan bahawa mengikut pengetahuan saya, bahawa pendapatan *household income* orang India lebih tinggi daripada orang-orang Melayu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Datuk Yaakob.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada sahabat saya Senator Datuk M. Ratnam. Daripada awal sebagaimana Yang Berhormat sahabat saya nyatakan tadi itu, hujah-hujah pembelaan Yang Berhormat memang saya sanjung sebagai mewakili keturunan India. Cuma saya cuba menganalisis seolah-olah wujud satu perasaan prasangka, prejudis kepada pelaksana, khususnya pegawai-pegawai kerajaan ataupun secara tidak langsung. Tetapi itulah dengan izin, *read between the line* yang saya telah pun simpulkan, dan tidakkah Yang Berhormat cuba meneroka di sektor swasta.

Kita tidak boleh hanya menjadikan sektor awam itu sebagai landasan untuk melahirkan sesuatu perjuangan. Kenapa tidak Yang Berhormat Datuk cuba *fight* ataupun cuba perjuangkan agar di pihak swasta, kerana kalau Yang Berhormat lihat angka-angka penglibatan kaum India di pihak swasta amatlah mendukacitakan termasuklah golongan bumiputera. Supaya perjuangan Yang Berhormat itu lebih menunjukkan satu keadilan, tidak ada prejudis kepada pelaksana dalam perkhidmatan awam, baik suruhanjaya polis.

Sebagaimana saya katakan tadi, itu tentang hujah-hujah Yang Berhormat berasaskan fakta, biarlah tepat di dalam Dewan yang mulia ini, kerana fakta-fakta itu dapat menunjukkan andai kata pihak antarabangsa, pihak yang iri hati dengan keamanan negara kita akan

menggunakan fakta-fakta tersebut seolah-olah di negara Malaysia ini, pimpinan tunggal UMNO dan Barisan Nasional melaksanakan dasar-dasar yang *double standard*. Tetapi pada hakikatnya, pada kebenarannya perkara tersebut tidak berlaku dan inilah Yang Berhormat telah juga nyatakan. Fakta sejarah, fakta sejarah, kita tidak boleh melupakan sama sekali. Kalau kita nak lihat kenapa dan bagaimana kerajaan merangka dasar-dasar kerajaan hari ini, adalah mengambil kira fakta sejarah. Kerana kalau kita lupa fakta sejarah, apa perkara yang kita perjuangkan, akan mewujudkan satu perjuangan yang kurang sihat. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk M. Ratnam: Terima kasih kepada kedua-dua Yang Berhormat yang telah memberi pandangan. Saya tidak bila-bila masa kata dasar kerajaan tidak baik. Apa yang dipertikaikan ialah implementasinya. Implementasi dasar oleh pegawai bawahan. Itu sahaja saya kata. Apa yang saya minta? Saya kata, tolonglah beri peluang kepada orang mundur. Itu sahaja. Saya tidak pertikaikan apa-apa. Memang mengikut statistik yang diberi, *household income*, adalah berlebihan. Siapa dapat tahu sama ada statistik itu adalah tepat atau tidak? Apa yang sayalah, saya rasa ialah, lebih peluang perlu diberi kepada kaum keturunan India di dalam kerajaan. *We are loyal workers. Loyal servants*, dengan izin. Pepatah India kata (*menyebut di dalam bahasa Tamil*). "Kalau you bela ayam, belalah ayam kerajaan". Ini pepatah kata, lama-lama dululah. Orang keturunan India, lebih suka dia kerja dalam jabatan-jabatan kerajaan, kerana apabila dia bersara, dia dapat pencen. Sampai akhir hayatnya dia boleh dapat makanlah. Kalau kita kerja, swasta, EPF, berapa lama boleh tahan? Tidak lama. Bila dia dapat itu wang, dia belanja untuk pelajaran anak, beli rumah dan sebagainya.

Oleh itu, saya merayu kepada kerajaan, supaya lebih peluang diberi dan lebih orang keturunan India diambil di dalam sektor kerajaan di semua tingkatlah. Dari pekerja buruh ke pegawai-pegawai atasan. Itulah permintaan saya. Dengan izin, "*At present there is no mechanism who oversee the implementation of the government policies*". Saya minta supaya kerajaan adakan pengawasan sama ada dasar-dasar kerajaan ada diimplementasi seperti yang perlu diimplementasi. Itu sahaja saya punya cadangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah hujah banyak perkara di sini, memang saya mewakili kaum keturunan India. Saya dihantar sini oleh Presiden parti saya, Dato' Seri S. Samy Vellu untuk memperjuangkan hak-hak orang Indialah. Itu tidak dinafi. Pada permulaan juga, saya sudah cakap orang Melayu banyak bertoleransi. Telah beri peluang kepada kita. Barangkali Yang Berhormat pada masa itu tidak ada di sinilah.

Jadi saya harap satu jawapan yang terperinci diberi mengenai dasar *recruitment*, dengan izin, dalam perjawatan jawatan kerajaan dan berapa peratus dikhaskan untuk keturunan India yang layak.

Dengan kata-kata ini saya menyokong Rancangan Malaysia Kesembilan bagi tempoh 2006 hingga 2010. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Ratnam. Silakan Yang Berhormat Datuk Soon Tian Szu.

4.30 ptg.

Datuk Soon Tian Szu: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya akan menghargai masa yang diberi. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, rancangan pembangunan Malaysia adalah satu struktur perancangan pembangunan yang dirancang rapi bagi tujuan membawa negara kita ke satu tahap pembangunan yang seimbang serta dapat membawa kesejahteraan hidup bagi rakyat negara Malaysia yang berbilang kaum. Negara dan rakyat telah mencapai kemajuan dan kemakmuran di bawah pimpinan kerajaan yang sedia ada.

Beberapa Rancangan Malaysia sebelum ini telah menunjukkan komitmen kerajaan dalam merangka dan membawa negara Malaysia ke hala tuju dan tahap kemajuan yang amat membanggakan. Rancangan Malaysia Kesembilan yang baru-baru ini dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Timbalan Perdana Menteri kita baru-baru ini tidak ketinggalan telah menggariskan ciri-ciri pembangunan yang bakal dilaksanakan. Sejumlah peruntukan yang besar diagihkan kepada agensi-agensi kerajaan yang bertanggungjawab untuk pelaksanaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, rakyat adalah aset negara yang tidak ternilai terutamanya golongan muda. Mereka merupakan tiang-tiang negara hari esok. Pembangunan modal insan kumpulan sasaran ini adalah amat penting. Negara ingin melahirkan golongan muda yang berketerampilan, pemikiran yang logik serta mempunyai anjakan minda dan berdaya untuk menerima cabaran yang bakal menanti mereka. Jika kita mahu maju dan kekal dihormati, mahu tidak mahu kumpulan modal insan golongan muda harus diberi keutamaan.

Pendidikan adalah kunci kepada segala kekayaan. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, sejumlah 20.6% perbelanjaan diperuntukkan untuk pendidikan. Kerajaan akan membina 108 buah sekolah rendah di samping 229 buah sekolah menengah yang di antaranya ialah sekolah berasrama penuh. Sekolah pendidikan khas yang usang akan diganti, terutamanya di Sabah dan Sarawak. Adakah sekolah-sekolah yang bakal dibina benar-benar dapat memenuhi keperluan yang mana di kawasan-kawasan yang padat penduduk dengan pertumbuhan penduduk yang tinggi akan dapat menikmati kemudahan ini, khususnya di kawasan-kawasan bandar?

Usaha untuk memperkasakan sekolah kebangsaan adalah penting. Namun demikian sekolah-sekolah jenis kebangsaan tidak harus diabaikan kerana sekolah-sekolah jenis kebangsaan ini juga sama-sama berperanan dalam membentuk dan melahirkan bakal pemimpin negara. Contohnya Yang Berhormat Dato' Seri Ong Ka Ting, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga Yang Berhormat Dato' Sri Chan Kong Choy, Menteri Pengangkutan

Malaysia, mereka adalah bekas-bekas pelajar sekolah aliran bahasa Cina yang kini telah dipilih juga kedua-dua ini sebagai pemimpin dan menaburkan jasa kepada masyarakat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, saban hari ini terdengar bilangan graduan yang menganggur yang bertambah. Kita sudah banyak bahaskan. Di manakah kesilapan telah berlaku? Adakah institusi pengajian tinggi kita tidak mampu melahirkan graduan yang berkualiti dan memenuhi atau relevan dengan kehendak pasaran semasa atau bidang-bidang yang ditawarkan oleh IPTA kita telah *outdated*, dengan izin atau golongan mahasiswa mahasiswi kita yang terlalu memilih kerja atau sistem penggunaan tenaga kerja kita harus diteliti kembali?

Walhal, tenaga pengajar kita sering didedahkan dengan perkembangan teknologi pengajaran yang terkini, mereka dihantar mengambil kursus, menghadiri seminar dan sebagainya dengan peruntukan yang banyak, RM4.79 bilion. Di samping itu demi kemudahan tenaga pengajar, kerajaan akan membelanjakan RM690 juta untuk membina rumah-rumah guru terutamanya di kawasan luar bandar. Selain daripada itu, kerajaan sedang berusaha untuk membekalkan air awam kepada 1,598 buah sekolah dan bekalan elektrik kepada 809 buah sekolah dengan belanja sebanyak RM1.15 bilion.

Usaha kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan untuk meningkatkan keupayaan penguasaan ilmu pengetahuan selain daripada meningkatkan aset kepada pendidikan, kesedaran di kalangan pendidik masyarakat pelajar itu sendiri dan pihak-pihak lain di semua peringkat adalah mustahak. Inti pati pengajaran dan pembelajaran yang berunsurkan keupayaan saintifik dan keupayaan inovasi adalah penting. Kita mahu melihat golongan cerdik pandai kita bukan sahaja memiliki segulung ijazah, malahan lebih penting daripada itu mereka ini haruslah kreatif, proaktif dan merupakan golongan atau ahli masyarakat yang berbudaya, mempunyai kekuatan moral yang tinggi dan sekali gus menjadi contoh atau idola kepada golongan yang dididik. Hasrat kerajaan mensasarkan golongan graduan yang lebih ramai, 60% daripada jumlah tenaga akademik di peringkat tinggi, memiliki ijazah doktor falsafah menjelang tahun 2010 dan melahirkan institusi pengajian tinggi bertaraf antarabangsa akan menjadi kenyataan jika ada penggemblengan tenaga daripada semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya tahu daripada jumlah peruntukan untuk Kementerian Pelajaran, berapakah jumlah yang akan digunakan untuk pembangunan sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil? Adakah Kementerian Pelajaran juga dalam masa yang sama menyalurkan peruntukan bagi sekolah-sekolah melaksanakan Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan, *short form*, dengan izin, RIMUP. Jika ada jumlahnya, berapa?

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, sektor pertanian tidak kurang penting dalam menyumbangkan pertumbuhan ekonomi negara. Ia merupakan sumber kegiatan utama ekonomi masyarakat luar bandar. Memandangkan negara kita sebahagian besarnya iaitu 7 daripada 13 buah negeri masih mempunyai kawasan luar bandar yang luas dengan majoriti

penduduk kaum bumiputera dengan kadar kemiskinan 11.9%, dengan itu usaha kegiatan pertanian dapat diberi tumpuan dengan membangunkan program pertanian baru.

Aktiviti-aktiviti berasaskan pertanian, perladangan komersial berskala besar, penggunaan teknologi pertanian baru, peningkatan R&D dan inovasi serta menggalakkan peningkatan penyertaan sektor awam dan syarikat berkaitan dengan kerajaan seperti GLC. Bagi merealisasikan matlamat dan kesungguhan kerajaan, RM11.4 bilion diperuntukkan untuk sektor ini. Pembangunan sektor pertanian haruslah dinikmati segenap masyarakat petani tanpa mengira kaum dengan azam baru, program latihan, pembangunan keusahawanan, sektor pertanian diberi nafas baru dalam RMK-9.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia dikurniakan alam semula jadi flora dan fauna yang amat menarik di samping daya tarikan budaya penduduk yang berbilang kaum dan tidak kurang pentingnya kesan-kesan tinggalan sejarah lampau. Kesemuanya ini adalah aset bagi kita mempromosikan industri pelancongan. Negeri Melaka, bandar raya bersejarah menyimpan 1,001 rahsia sejarah lampau. Dengan peruntukan yang diberi, apakah usaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dan Kementerian Pelancongan.

Yang pertama, meningkatkan dan mengindahkan kawasan persekitaran pelancongan seperti Kampung Budaya Ceti Melaka, Kampung Portugis dan kawasan-kawasan pemuliharaan *Jonker Walk* atau disebut Jalan Hang Jebat yang kian terkenal di mata dunia. Bangunan-bangunan bersejarah seperti *Stadhuis*, pintu gerbang Kota Melaka, *A Famosa* dan bangunan-bangunan milik di kawasan *Jonker Walk*, Jalan Hang Jebat ataupun Jalan Tun Tan Cheng Lock, Jalan Kampung Belanda adalah bangunan lama yang unik dan bersejarah. Adakah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dan Kementerian Pelancongan dapat memberi peruntukan dalam usaha kerja pembaikan dan pemuliharaan.

Ini adalah satu sektor yang amat digalakkan oleh pihak Kerajaan Pusat. Maka, saya nampak akses ini adalah agak penting. Jadi saya merayu juga kepada pihak kementerian dapat mengambil berat. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, rakyat yang membayar cukai berhak menikmati tahap hidup yang selesa dan berkualiti. Khidmat pihak berkuasa tempatan haruslah dipertingkatkan daripada semasa ke semasa. Kualiti perkhidmatan PBT akan mencerminkan kecekapan sebuah kerajaan yang memerintah. Dengan itu, apakah usaha yang akan diambil oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam menangani masalah-masalah seperti berikut.

Banjir kilat yang sering berlaku akibat arus pembangunan yang tidak terancang rapi. Ia berlaku di kawasan bandar raya Kuala Lumpur, Shah Alam dan juga di Melaka. Kesan kejadian ini rakyat terpaksa menanggung kerugian di samping menghadapi kerumitan hidup yang tidak sepatutnya dihadapi. Sistem perparitan yang sering dikaitkan dengan bencana banjir. Bila ia akan dibina ganti? Di Melaka misalnya, banyak perparitan yang lama, yang tidak mampu lagi menampung arus pembangunan pesat. Lantaran itu, kawasan bandar dilanda lautan air apabila

hujan lebat dalam masa yang singkat sahaja. Adakah Kerajaan Pusat, Jabatan Perdana Menteri akan memberikan peruntukan kepada Kerajaan Negeri Melaka melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk mengatasi masalah banjir kilat. Kerajaan Melaka telah melalui Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, telah memanjangkan permohonan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga EPU (Unit Perancangan Ekonomi) di Jabatan Perdana Menteri.

Maka, saya bagi pihak kerajaan negeri, ingin merayulah melalui Dewan yang mulia ini supaya ambil berat tentang masalah yang dihadapi oleh negeri Melaka, khususnya di dalam kawasan Parlimen Kota Melaka. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Kota Melaka ini, minta maaf. Baru-baru ini dimenangi oleh pihak Barisan Nasional. Susah kita hendak mempertahankan kota ini. Jadi saya harapkan pihak Kerajaan Pusat dapat memberikan peruntukan yang cukup untuk menangani masalah banjir kilat yang selalu di bincang oleh semua masyarakat di dalam Kota Melaka ini. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, sistem pengangkutan sama ada darat atau udara yang berkualiti dapat melambangkan ciri negara maju. Pengurusan yang cekap dan dinamik akan membawa kejayaan ke mercu yang tinggi. Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) mengalami kerugian sedangkan AirAsia terus maju dan mara ke hadapan. Mengapa? Di mana silapnya? Saya harap dengan adanya Suruhanjaya Nasional Pemantauan, sistem pengangkutan awam akan kita dapat sama-sama pantau, mengapa masalah ini boleh berlarutan. Sektor pembuatan berteknologi tinggi seperti elektrik dan elektronik, petrokimia, bioteknologi dan lain-lain adalah penting kepada negara. Tetapi negara tidak boleh terlalu bergantung kepada pelabur luar. Walau bagaimanapun, dengan industri pembuatan tempatan seperti kraf tangan, songket, batik dan lain-lain, itu penting juga.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya tahu, apakah usaha-usaha kerajaan bagi memenuhi keperluan guna tenaga bagi menampung perkembangan industri pembuatan? Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, kesihatan adalah modal dan harta yang tidak ternilai kepada seseorang. Dengan itu, adakah kemudahan perubatan canggih dapat disediakan di setiap hospital besar di semua negeri demi kemudahan pesakit? Adakah negara mempunyai Pegawai Perubatan yang mencukupi? Jika tidak, apakah langkah-langkah Kementerian Kesihatan? Negara memerlukan khidmat kedokteran. Bagaimana dengan mereka yang enggan pulang selepas tamat pengajian di seberang laut? Harap pihak kerajaan dapat ambil perkara ini sebagai perkara yang serius. Tuan Yang di-Pertua.....

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, minta laluan Yang Berhormat.

Datuk Soon Tian Szu: Boleh, silakan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih. Yang Berhormat, saya amat tertarik dengan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dengan hujah-hujah Yang Berhormat kemukakan. Satu daripadanya tadi yang baru disebut ialah soal perkhidmatan kesihatan ini. Saya rasa sebenarnya, di negara kita ini walaupun kita telah berusaha untuk

meningkatkan perkhidmatan kesihatan ini khususnya melalui hospital-hospital yang canggih, doktor-doktor pakar yang sentiasa kita usahakan untuk ditambah tetapi satu masalah yang sering berbangkit ialah dari segi layanan di hospital.

Layanan di hospital sering dibangkitkan dengan sikap pekerja-pekerja yang ada di hospital-hospital kita ini yang tidak mesra sebenarnya. Kasar dan ini tidak sesuai dengan usaha kita untuk meningkatkan apa yang dikatakan berbudi, berbahasa dan sebagainya oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Jadi pada pandangan Yang Berhormat, apakah sebenarnya yang patut dilakukan oleh Kementerian Kesihatan dalam mengatasi masalah seperti ini iaitu dari segi perkhidmatan, layanan di kalangan kakitangan di hospital-hospital ini. Terima kasih.

Datuk Soon Tian Szu: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad yang mengemukakan pandangan. Saya memang setuju dengan pandangan Yang Berhormat yang mengatakan bahawa masalah hospital ini merupakan suatu masalah terutamanya anggota-anggota ataupun pekerja-pekerja yang terlibat di hospital yang tidak mesra ataupun mungkin layanan kasar yang sering dihadapi oleh kita ini ialah kompelin atau aduan-aduan oleh publik.

Kita haraplah pihak Kementerian Kesihatan dapat mengambil satu tindakan yang sewajar macam mana hendak mempertingkatkan daripada segi berbudi bahasa untuk bila kita menghadapi pesakit-pesakit ataupun ahli keluarga sebab untuk makluman semua Ahli-ahli Yang Berhormat bila seseorang pesakit itu datang ke hospital memang, walau pun mungkin penyakit itu tidak begitu serius tetapi apabila dibawa ke hospital itu dalam keadaan yang begitu kelam kabut itu, kita mesti faham perasaan ahli keluarga mereka. Kita punya anggota dalam kementerian mestilah lebih berbudi bahasa dengan kesabaran yang cukup, macam mana hendak menghadapi pelanggan-pelanggan. Ini merupakan satu cara penyampaian ataupun *delivery system* yang kita selalu bincang.

Bila kita ini *public counter* dengan izin kita sudah buka, segala masalah yang ditimbulkan oleh pihak rakyat itu adalah penting. Saya hendak ambil suatu perkataan atau suatu *sentence* dengan izin yang mana Pak Lah kata "*segala masalah dibangkitkan oleh rakyat itu adalah penting*". Jangan kira itu perkara kecil. Segala masalah yang dibangkitkan oleh rakyat semua adalah penting walau pun daripada peringkat Ahli Parlimen, kita kena tengok juga daripada akar umbi.

Tuan Yang di-Pertua, usaha memperkasakan belia dan wanita adalah aset negara dalam mewarisi Misi Nasional dan wawasan negara haruslah dilipatgandakan tetapi gejala sosial seperti dadah kian meningkat. Walau pun kempen antidadah diadakan berulang-ulang kali tidak mendatangkan kesan, apa tindakan kerajaan seterusnya.

Saya pernah bertanya kepada pihak kementerian minta suatu program khas ataupun suatu program yang konkrit sebab kita sudah tahu banyak usaha, ini musuh utama negara kita, banyak kali kita sudah bincang, banyak program telah dilancarkan melalui agensi tetapi kita tidak

nampak kesan bahawa kita tengok bertambah serius. Kita kena tengok daripada segi komitmen kita macam mana hendak lancarkan supaya dia lebih berkesan sama ada kita perlu melalui JKKK kita yang daripada akar umbi punya agensi supaya mereka boleh dapat memainkan peranan, kita daftarkan mungkin penagih yang terlibat di kawasan tersebut secara lebih *detail* dengan izin, lebih *detail* lagi suatu rancangan yang konkrit yang dapat kita cadangkan dan melaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak yang berkenaan mempunyai satu perancangan yang lebih komprehensif untuk menangani gejala sosial ini agar ia tidak menjadi penyakit dan beban kepada negara serta dapat diatasi dengan lebih berkesan dan dihapuskan hingga kepada akar umbi. Dadah dan rasuah adalah musuh utama negara. Adakah kerajaan mempunyai satu pelan tindakan jangka panjang bagi membanteras penyakit sosial ini? Saya harap pihak kerajaan dapat mengambil langkah-langkah yang serius terhadap cadangan-cadangan saya yang dibangkitkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat perubahan minda dan sikap adalah penting, cara kerja baru untuk kejayaan baru. Dengan ini saya pohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dipersilakan Datuk Sarifah Aminah dan selepas itu Yang Berhormat Ahmad bin Hussin dan diikuti oleh Yang Berhormat Hajah Siti Rokiah.

4.55ptg.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut bangun untuk menyokong usul pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan yang disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. RMK-9 yang dibentangkan mempunyai maksud dan niat yang mendalam. Daripada fokus kerajaan untuk mengoptimumkan pembangunan infrastruktur, meningkatkan daya saing di arena global, menerapkan budaya pendidikan dan ilmu pengetahuan, merapatkan jurang kemiskinan serta menjamin kesejahteraan rakyat adalah jelas bahawa RMK-9 merupakan pelan yang mengimbangkan pembangunan negara dengan mengambil kira kemakmuran rakyat.

Dalam usul menyokong RMK-9 ini, saya ingin menyentuh aspek pembangunan ekonomi bangsa. Tuan Yang di-Pertua, salah satu masalah besar untuk membangunkan usahawan bumiputera sejak 1970-an lagi berkait dengan hal sikap. Kita menghadapi masalah sikap mahu cepat kaya tetapi tidak mahu berusaha. Peluang yang diberi kerajaan dijual dengan begitu mudah dan murah untuk mendapat hasil yang cepat walau pun sedikit. Perhatian penting mestilah diberikan kepada jurang pendapatan antara kaum dan antara wilayah.

Sehubungan dengan itu, kita mesti menolong mereka yang layak mempunyai kesungguhan dan potensi, usahawan yang mempunyai *know how*, tahu bagaimana bukan sekadar *know who*, tahu siapa, dengan izin. Maka kita wajar bertindak membanteras sikap

negatif usahawan bumiputera bagi membina usahawan yang tulen dan berdaya tahan malah kebocoran bantuan dan kemudahan yang diberikan kepada bumiputera perlu dibuat pembaikan.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan dikaji semula keberkesanan strategi dan *instrument* yang lepas. Begitu juga kita wajar bertindak membanteras sikap negatif usahawan bumiputera bagi membina usahawan yang tulen dan berdaya tahan. Sudah sampai masanya kita mengkaji semula institusi dan mekanisme yang diwujudkan suatu ketika dahulu. Mekanisme lemah diperkuatkan, yang kurang dilengkapkan, yang berkesan ditingkatkan demi mencapai lonjakan berganda ekonomi bumiputera.

Kekuatan ekonomi orang Melayu di bandar dan di luar bandar juga perlu dipantau secara *holistic* dan bukan semata-mata dari segi pegangan ekuiti. Kita harus mengambil kira pencapaian daripada segi pendapatan isi rumah, penguasaan syarikat, pegangan hartanah, pembabitan dalam sektor strategi seperti teknologi komunikasi dan maklumat dan bio teknologi.

Sikap dan budaya niaga di kalangan bumiputera juga perlu kita pantau. Kita kena kenal pasti apakah sikap dan budaya yang menjadi penghalang ataupun penghindar pelaburan tempatan. Kita juga perlu kenal pasti sikap dan budaya yang mendorong kepada kecemerlangan pelaburan tempatan. Saya percaya di bawah pelan RMK-9 strategi akan diatur oleh pemimpin-pemimpin kita agar orang Melayu akan terus dilatih dalam bidang perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita ingin bangunkan kemahiran dan semangat keusahawanan serta jaringan pasaran meluas. Pendidikan ilmu perniagaan hendaklah dikembangkan dari kurikulumnya agar budaya niaga tumbuh seawal peringkat sekolah lagi. Yang mustahaknya adalah untuk menambah bilangan usahawan bumiputera tulen yang berjaya dan berdaya saing. Hakikatnya bangsa kita ketinggalan masa dan peluang sejak zaman penjajah lagi. Oleh itu jangan leka dengan pemikiran bahawa kita sudah mencapai yang terbaik kerana banyak lagi ruang yang perlu disempurnakan. Jiwa Melayu mesti besar, kerja mesti pantas bukan sekadar ala kadar sahaja. Melayu mesti cekap dan jangan leka dan selesa sahaja. Tahap kompetensi mesti tinggi di kala ini kerana *only the toughest will survive* dengan izin.

Sifat selesa adalah merupakan satu sifat buruk di kalangan orang Melayu yang menghambat kemajuan masyarakat Melayu. Ini harus dikikis dan buang jauh. Kita jangan terlalu selesa sedangkan dunia bergerak lancar ke hadapan dengan idea-idea dan teknologi baru. Satu cara untuk mengatasi sifat selesa ini ialah melalui konsep berhijrah. Penghijrahan bukan sahaja dari aspek fizikal tetapi juga secara mengambil nilai sejagat yang murni seperti negara Jepun. Satu aspek kemajuan masyarakat Jepun amnya adalah dalam perniagaan mereka khususnya. Mereka ini mempraktikkan dan berpegang kuat kepada konsep pembaikan kerja atau tugas yang berterusan. Jadi apa-apa kerja atau tugas yang mereka buat mereka akan terus menerus memikirkan bagaimana kerja atau proses tugas tersebut dapat diperbaiki. Misalnya cara pengilangan mereka begitu juga dengan pengeluaran barangan-barangan mereka seperti

barangan-barangan elektronik, kamera, robot dan lain-lain produk yang sentiasa diperbaiki terus menerus.

Kita lihat mereka sentiasa bersifat tidak puas hati dengan produk mereka yang sedia ada. Mereka sentiasa ingin menjadi lebih baik daripada dahulu. Bukanlah kita menidakkan yang orang Melayu tidak ada langsung sifat seperti orang Jepun tetapi penghayatan kepada sifat sentiasa mahu memperbaiki proses dan mutu kerja adalah kunci untuk menghilangkan sifat selesa di kalangan orang-orang Melayu. Oleh itu adalah penting dan perlu dipupuk dan diperkuatkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kita minta agar kerajaan agar sentiasa memastikan agenda pengagihan kekayaan negara dapat dipastikan dalam setiap pelaksanaan program dan projek. Ini adalah sejajar dengan hasrat bahawa *the net beneficiary of development is the people* atau dalam bahasa Malaysia 'rakyat adalah pemegang saham dalam membina sebuah negara Malaysia yang maju'. Umpamanya dalam pengeluaran lesen, pemberian kontrak, pemberian pekerjaan, tawaran memasuki maktab, kolej dan universiti serta apa jua bentuk latihan hendaklah dilaksanakan tanpa ada bentuk ketidakadilan. Lantas itu kita perlu mengenal pasti usahawan bumiputera tulen yang berkembang dengan kemampuan dan melalui proses keusahawanan. Ekonomi negara pada amnya akan melalui satu *re-adjustment* dengan izin setiap 10 tahun.

Dalam hal ini kita perlulah mengambil sikap pro aktif dan tidak menunggu bantuan dan suapan dari kerajaan sahaja. Kita kena menyediakan payung sebelum hujan. Kita kena perlu memantau soal ketirisan projek kerajaan yang diberi kepada peniaga-peniaga orang-orang kita atau peniaga-peniaga kita.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, laluan, boleh? Yang Berhormat, saya tertarik dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tentang keadilan. Saya hendak tanya Yang Berhormat dalam soal membantu usahawan bumiputera ini iaitu yang mana Yang Berhormat rasa lebih baik iaitu *direct nego* dengan izin iaitu rundingan terus ataupun di tender. Maksudnya kena bersainglah. Kita kata sebelum ini saya difahamkan bahawa tidak ada lagi rundingan terus ini, maksudnya tender. Tetapi apa yang berlaku kita lihat ada juga yang berbentuk *direct nego* – bagi macam tu sahaja. Jadi pada pandangan Yang Berhormat apakah ini satu amalan yang baik atau tidak sebenarnya dari segi pembahagian peluang-peluang pekerjaan khususnya kepada peniaga-peniaga ini.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan awal saya tadi kita kena bersaing secara sihat maka apa yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya dengar jugalah sebab saya bukan orang berniaga tetapi *direct nego* ini kalau boleh dikurangkan dan *open tender* itu adalah lebih sihat.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Minta laluan. Bukan dikurangkan tidak ada tetapi apa yang berlaku sekarang ini ada juga rundingan terus ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Kalau adalah Tuan Yang di-Pertua macam saya kata tadilah bahawa saya bukan orang berniaga. Kalau ada mungkin boleh Dr. Puad beritahu saya ataupun kita sama-sama bisik kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya apa yang disarankan itu biarlah apa yang dikata dikotakan.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Minta laluan Yang Berhormat. Saya juga turut tertarik dan hendak bincang mengenai dengan apa Yang Berhormat katakan tadi mengenai dengan *direct nego* ataupun tender. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat kadang-kadang kalau kita tender pun Yang Berhormat ada kaki-kaki di dalam pun dia tidak jadi telus, dia ada pasang kaki-kaki di dalam untuk bagi dia *information* lepas tu dia panggil dia bagi input ok macam mana price hendak turun. Lepas tender ada *nego* lagi. Ini sudah terjadi, saya bercakap ni kerana benda sudah pernah terjadi. Walaupun dia pakai tender tetapi lepas tender dia akan panggil. Yang *short listed* tu dia minta kurangkan harga. Bila dia buat perkara yang sedemikian maka adalah tukang-tukang yang duduk di dalam tu *guide* lah. Macam mana Yang Berhormat tengok? *Direct nego* pun masalah dia tender pun masalah. Jadi apa pandangan Yang Berhormat tentang kedua-dua perkara ini?

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Yang Berhormat Datuk Wira, benda-benda yang Datuk cakap ni macam Datuk Wira biasa menjalankan kerja-kerja tersebut. Oleh kerana benda yang berlaku dalam Jabatan Perkhidmatan Awam ataupun mana-mana Jabatan yang kita menender itu kalau kita tidak tahu maka kita tak tahulah. Pasal saya biasa dengar rungutan daripada suami saya di mana dia pernah bawa masuk 20 tender kerajaan dalam berbagai-bagai Jabatan tetapi satu pun tidak dapat. Dan kalau sekiranya apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi tu betul-betul berlaku saya rasa pandai-pandailah Yang Berhormat cuba atasi perkara itu.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, minta laluan. Yang Berhormat, sebab saya bangkitkan ini kerana Yang Berhormat membangkitkan soal keadilan dari segi perniagaan khususnya untuk bumiputera. Jadi Yang Berhormat bersetujukah Yang Berhormat bahawa kekayaan negara ini tidak boleh ditumpukan kepada satu pihak atau satu syarikat sahaja tetapi patut diagih-agihkan, biar semua orang dapat rasa. Ini yang timbul soal tender ke *direct nego* ke supaya jangan nanti hanya satu pihak sahaja yang dapat satu pihak sahaja yang kaya. Kemudian apabila berlaku kegawatan ekonomi kena *bail out* maka dia pula kena *bail out*. Kita sudah ada pengalaman *bail out* di sini maksudnya kerajaan yang terpaksa menanggung beban tetapi masa hendak kaya dia seorang sahaja yang kaya tetapi bila berlaku kegawatan Ini yang saya kata bahawa *delivery system* itu penting. Jadi yang ini saya hendak minta pandangan Yang Berhormat sama ada Yang Berhormat bersetuju atau tidak bahawa kekayaan ini jangan bagi beri kepada satu pihak sahaja. Agih-agihkanlah sama rata. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Saya memang amat bersetujulah dengan pendapat Yang Berhormat tadi. Perlu bagi sama rata dan saingan yang

sihat perlu juga ada. Kalau ada persaingan yang sihat saya tidak nampaklah ia perlu ada pada satu kaum sahaja. Pendapat Yang Berhormat tadi saya amat setuju. Dan juga apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Wira tadi saya juga setuju. Boleh saya teruskan? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan hendaklah mengatur satu strategi untuk mengatasi ketirisan dengan cara yang lebih serius dan menyeluruh termasuk menyenaraihitamkan mereka yang terlibat. Dengan cara ini hanya usahawan Melayu bumiputera yang tulen sahaja yang akan tinggal dan syarikat ini haruslah dipupuk sehingga dapat disenaraikan di Bursa Saham Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi ekonomi, Dewan ini haruslah memainkan peranan mereka. Dewan dihormati oleh kerajaan dan menjadi telinga dan mata kerajaan. Oleh itu Dewan ini harus menjadi jurucakap bagi pihak usahawan menyampaikan idea dan program kepada kerajaan dan hal-hal keusahawanan. Ia tidak perlu beretorik (*rhetoric*) sahaja, yang penting ialah Dewan harus menjaga, menggalak dan mempertahankan usahawan Melayu. Data 2004 menunjukkan hanya 21.5% syarikat tersenarai di Bursa Saham Malaysia milik bumiputera.

Bagi pemilikan premis perniagaan di bandar-bandar utama di seluruh negara, bumiputera hanya memiliki sebanyak 11.6% sahaja. Pulangan syarikat Melayu yang benar-benar beroperasi telah dinyatakan hasil dari beberapa kajian sebagai satu sebab ramainya pengangguran di kalangan siswazah Melayu. Sekiranya syarikat bumiputera yang mendapat projek kerajaan menjalankan projek tersebut sendiri tentulah ramai jurutera, arkitek, akauntan, peguam, jurubina, juru bahan, pengurus dan eksekutif Melayu akan dapat peluang bekerja di syarikat-syarikat tersebut. Lantaran itu usaha bersepadu pelbagai agensi kerajaan pusat dan negeri mestilah dimantapkan lagi agar dapat melahirkan masyarakat perdagangan bumiputera yang tulen dan beramanah.

Di sinilah kita semahunya melihat pihak swasta dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) meningkatkan peranan mereka membantu kita khasnya dalam penyusunan semula guna tenaga dan menyediakan peluang untuk bumiputera. Kita amat berharap agar Ketua Pegawai Eksekutif GLC betul-betul serius dan benar-benar komited dalam menjayakan agenda Melayu. Sektor swasta yang telah mendapat banyak manfaat dengan keuntungan hebat hendaklah juga memberi peluang dan bimbingan kepada usahawan Melayu. Kita tidak mahu sesiapa pun memandang rendah kepada kebolehan apatah lagi memperlekehkan keupayaan usahawan Melayu yang tulen dengan sengaja mencipta pelbagai kerenah dan alasan.

Namun saya pohon kepada orang Melayu agar bersedia untuk anjakan kepada Melayu kelas pertama, khasnya dari segi anjakan pemikiran dan tabiat, buang sikap malas, cuba tepati masa, lakukan kerja sebaik mungkin dan kurangkan cakap-cakap kosong. Buangkan hasad dengki dan fitnah, kita gantikan dengan sikap budaya Melayu baru yang berfikiran terbuka, bila ditegur tidak gentar menongkah arus, tidak jemu mencari ilmu dan tidak segan bertanya arah.

Namun demikian, terus terang saya katakan tidak akan ada GLC yang akan mengambil mereka yang tidak mahu bekerja, tidak produktif dan tidak *perform*, dengan izin. Yang tidak pandai menjaga etika profesion, budaya kerja dan budi bahasa, sama ada di segi penampilan mahu pun tutur kata tidak akan mendapat tempat di mana-mana. Mereka yang tidak mampu menguasai lebih daripada satu bahasa seperti bahasa Inggeris dan beberapa bahasa lain akan terus terpinggir. Saya harap teguran ini mestilah diterima secara terbuka agar kita dapat memperbaiki diri. Anggaplah ini sebagai satu cabaran yang kita, anak Malaysia berani sahut.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjana ekonomi bangsa saya pohon mencadang:

- (i) dirancarkan kembali usaha 'satu daerah satu industri' serta 'satu kampung satu produk'. Ia membabitkan industri kecil dan sederhana dalam pelbagai lapangan seperti pertanian, perkhidmatan dan pembuatan;
- (ii) memastikan terlaksananya pelbagai program bagi membasmi kemiskinan seperti pengantaraan dan pemudah cara kepada khidmat bantuan yang sedia ada oleh pelbagai agensi kerajaan bagi membela rakyat, nasib rakyat termiskin. Sesungguhnya komitmen kita ialah untuk menghapuskan kemiskinan terutamanya kemiskinan tegar menjelang 2010 dan kekurangan lainnya akan diatasi melalui pendidikan negara;
- (iii) Malaysia perlu mencari '*niche market*'nya sendiri, dengan izin. Dalam hal ini sektor pelancongan dan kraf tangan mempunyai potensi yang amat besar. Di Indonesia misalnya, sektor kraf tangannya tidak kurang hebat. Di mana tukang-tukang di kampung mendapat tempahan besar daripada pelbagai pusat peranginan di luar negara seperti Mexico, Amerika, Peurto Rico dan sebagainya.

Dalam hal berkaitan pembuatan ubat-ubatan berdasarkan herba dan kosmetik merupakan satu sektor yang boleh Malaysia kuasai. Kajian menunjukkan sektor kosmetik negara yang dulunya dipandang rendah, dipandang sebelah mata sahaja oleh masyarakat peniaga terbukti mampu menjana perolehan yang tidak kurang besarnya.

Mengikut perangkaan ekonomi, industri tersebut telah mencatat nilai jualan sebanyak RM2.6 bilion pada tahun 2004. Prestasi jualan ini dijangka akan terus meningkat pada kadar lebih 10% dengan menyumbang sebanyak lebih daripada RM500 juta kepada pendapatan negara.

Fakta ini juga jelas menunjukkan peluang dalam industri berkenaan cukup baik dan ia adalah satu daripada sektor yang amat menggalakkan untuk diterokai khususnya kepada wanita;

- (iv) syarikat berkaitan GLC perlu meningkatkan kerjasama dengan usahawan industri kecil dan sederhana terutama yang bumiputera untuk terus berdaya saing sebagai persediaan menghadapi Perjanjian Perdagangan Bebas Asia (AFTA) dan Rancangan Malaysia Kesembilan. Kedua pihak perlu terus berdaya saing bukan sahaja di pasaran tempatan tetapi juga di peringkat global selain mempertingkatkan kualiti produk, perkhidmatan dalam apa-apa bidang yang diceburi oleh mereka.

Saya berharap agar GLC dan usahawan IKS perlu saling bantu-membantu bagi memastikan kedua-dua pihak mendapat manfaat di samping menambah pembabitan IKS dengan GLC, oleh kerana ketika ini golongan itu, iaitu IKS hanya menyumbang antara 10 hingga 20% sahaja kepada GLC yang kebanyakannya terdiri daripada vendor.

Kerajaan telah mengeluarkan RM3.8 bilion dalam usaha membantu IKS dari segi latihan, pembiayaan dan sebagainya. Jadi kita kena mengambil peluang ini untuk terus mengukuhkan hubungan di antara IKS dan GLC untuk sama-sama menjana ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan betapa pentingnya sektor keusahawanan dalam RMK-9, maka saya pohon mencadangkan membudayakan program keusahawanan ini kepada siswazah graduan IPT bagi melahirkan usahawan baru yang lebih berdikari, berdaya saing serta tidak banyak bergantung pada kerajaan. Majlis membudayakan keusahawanan IPT boleh bertindak menjadi platform penting dalam menggubal, merancang dan melatih siswazah selain menjadi serta penyelaras pelbagai program anjuran kementerian di kampus-kampus IPT. Majlis ini dapat bertindak sebagai forum kerjasama antara kementerian dan universiti untuk melaksanakan pendekatan dan program pembudayaan keusahawanan kepada siswazah.

Menerusi Majlis itu juga program pembudayaan keusahawanan dapat diperkembangkan selain memberi pendedahan terperinci tentang semua aspek termasuk peluang dan kemudahan untuk perniagaan serta bantuan kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, RMK-9 adalah aspirasi kerajaan melakar wawasan negara dalam bidang ekonomi, sosial dan persada politik tanah air bagi tempoh beberapa tahun yang akan datang. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menghalusi semula keutamaan dalam pembangunan dan menjajarkan semula laluan ke arah Wawasan 2020. Dengan itu saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tuan Ahmad Husin.

5.21 petang.

Tuan Ahmad bin Husin: Bismillahirrahmanirahim. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010 pada petang yang bertuah ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada perbezaan Rancangan Malaysia Kesembilan dengan Rancangan Malaysia Ketujuh atau Kelapan. Saya lihat di sini dalam Rancangan Malaysia Kelapan, begitu juga yang Ketujuh, kepercayaan Malaysia akan maju dari segi industri, menjual perkhidmatan dan kewangan, kemajuan negara. Kemajuan ini akan *trickle down* dengan izin, meleleh ke kawasan luar bandar dan desa. Masalahnya orang lain dapat sungai, orang Melayu secara sebaliknya dapat titis-titisnya sahaja. Umpama Putrajaya dan desa, perbezaannya antara langit dan bumi. Sepatah sepuluh jung masuk, anjing tetap bercawat ekor. Samalah seperti cerita kerbau dan kucing. Asalnya yang bekerja ialah kerbau, kalau di kampung cukup rajin membajak semasa zaman dahulu sebelum ada traktor. Tetapi nasib kerbau selalunya terabai, kerja rajin tetapi yang mendapat manfaatnya adalah kucing. Kerana kucing tak kerja tapi dapat makan benda-benda import. Jadi kita nak bagi hak kepada yang hak, batil kepada yang batil. Biar kerbau yang rajin tadi mendapat ganjarannya, yang kucing tadi dapat titis-titisnya, barulah ada keadilan di dalam masyarakat.

Rancangan Malaysia Kesembilan Tuan Yang di-Pertua, memberi keutamaan kepada keadaan di desa, kampung, pedalaman. Kita harus kembali kepada semangat dasar ekonomi iaitu membasmi kemiskinan terutama golongan desa yang masih berhadapan dengan kemiskinan yang menyeluruh. Kalau dilihat pada rentetan sejarah, kita ambil Amerika Syarikat di mana tradisinya berubah. Bahkan seluruh negara itu dibina atas kehancuran tradisi kaum bumiputera. Kaum Red Indian kini, kaum itu berada di Indianapolis antara Kanada dan Amerika menjadi bangsa tontonan pelancong.

Manakala sejarah di Eropah pula, negara mereka adalah berlandaskan majoriti satu kaum dan bukan majmuk seperti di Malaysia. Di Malaysia tradisi bumiputera berterusan dan berlanjutan dari A sampai Z. Sambung zaman berzaman contohnya apabila Portugis datang, mereka menjajah orang Melayu. Datang pula kuasa Belanda, dan Belanda pergi dan yang tinggal hanya Melayu di Nusantara. Selepas itu, datang pula penjajah Inggeris, kemudian pergi, tapi kali ini ditinggalkan adalah orang Melayu, Cina dan orang India. Maknanya golongan yang terus menerus ada di Tanah Melayu ini, sejak zaman berzaman adalah Melayu. Tradisi inilah yang memberi kita hak keistimewaan orang-orang Melayu seperti yang tercatat di dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara 153.

Dan kalau dilihat kepada Perlembagaan Persekutuan yang diketuai oleh Lord Reid, yang juga dianggotai oleh Sir Edward Jennings, peguam Perlembagaan United Kingdom, Sir William McKill, bekas Gabenor General Australia, P. Malik bekas hakim Mahkamah Tinggi Al-Habad dan Abdul Hamid, hakim Mahkamah Pakistan telah memberi lima terma iaitu *terms of reference*. Iaitu

menubuhkan satu kerajaan pusat yang kukuh, dan memberi sedikit autonomi kepada negeri-negeri. Dan yang kedua, memelihara kedudukan serta keistimewaan raja-raja Melayu. Ketiga, mengadakan satu ketua negara berperlembagaan yang dinamakan Yang Dipertuan Besar pada masa itu, sekarang Yang Dipertuan Agong. Keempat, mewujudkan satu kewarganegaraan sama seluruh negara persekutuan. Inilah yang menyebabkan kita terpaksa barter trade RM1.2 juta untuk mendapat hak istimewa orang-orang Melayu. Yang seterusnya adalah untuk memelihara kedudukan keistimewaan kaum Melayu serta kepentingan sah kaum lain. Maka di sini tidak timbul diskriminasi apa-apa pun kepada semua bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam surah *Al-Imran ayat 26*, bermaksud, *“katakanlah Ya Allah, Engkaulah yang memiliki kerajaan, memberikan kerajaan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki dan Engkau tarik kerajaan itu dari siapa yang Engkau kehendaki. Engkau muliakan siapa yang Engkau kehendaki dan Engkau hinakan siapa yang Engkau kehendaki. Di tangan Mu, semua kebaikan dan Engkau Maha Berkuasa di atas setiap sesuatu”*.

Maka sebagai kerajaan yang berkuasa pada hari ini dengan tulus dan ikhlas, dengan amanah dan mempunyai *accountability* yang tinggi, kita berharap segala rancangan yang telah cantik dibentangkan di hadapan kita akan menjadi realiti, bukan imaginasi sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dalam *An' Nissa' ayat 105*, bermaksud, *“sesungguhnya telah Kami turunkan Al-Quran kepada mu dengan hak tidak dapat dibantah kebenarannya agar kamu mengadili yakni segala perselisihan antara manusia menurut wahyu Allah SWT kepada mu, janganlah kamu rela orang khianat”*;

Jelas jika ada rasuah tidak kira mereka daripada ahli politik atau pentadbir, jika benar mereka berani buat maka mereka harus berani tanggung risikonya kerana rakyat mengharapkan pembelaan tidak lain melainkan sebuah kerajaan bersih, cekap dan amanah.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh sambung esok kerana masa dah cukup. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan mesyuarat sehingga jam 10 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.32 petang.